KEMENTERIAN PENDIDIKAN
JABATAN PENDIDIKAN NEGERI SARAWAK



# MODUL KENYALANG CEMERLANG SPM 2023

## SEJARAH

SEKTOR PEMBELAJARAN

@mushtemeling

**Tinta Bicara**
Timbalan Pengarah
Sektor Pembelajaran

KEMENTERIAN PENDIDIKAN
JABATAN PENDIDIKAN NEGERI SARAWAK

Salam Sejahtera,
Salam Menjulang Pendidikan Negeri Sarawak
Salam Malaysia Madani
Fly Kenyalang Fly, Fly High

Terlebih dahulu saya ingin mengucapkan syabas dan tahniah di atas terbitnya Modul Kenyalang Cemerlang SPM 2023 pada tahun ini. Sesungguhnya kerja buat yang dilaksanakan ini bukan hanya dari jabatan ini tetapi semua mereka yang terlibat khususnya guru-guru cemerlang, guru-guru pakar mata pelajaran dan guru-guru kanan mata pelajaran yang bertungkus lumus dalam memastikan Modul Kenyalang Cemerlang SPM 2023 ini disiapkan mengikut kualiti yang ditetapkan.

Jabatan Pendidikan Negeri Sarawak telah mendapat maklum balas yang positif dari kalangan guru dan murid berkenaan Modul Kenyalang Cemerlang SPM 2022. Penggunaan modul tersebut sebagai instrumen persediaan sebelum murid menduduki SPM merupakan matlamat utama jabatan untuk meningkatkan kemajuan murid dan seterusnya meningkatkan peratusan layak sijil SPM yang telah meningkat pada tahun 2021 daripada 88.29% kepada 91.22% pada tahun 2022.

Saya percaya dengan terbitnya modul ini guru-guru dan murid-murid terutamanya calon SPM tahun 2023 dapat memanfaatkan modul ini sebagai modul rujukan dalam menjawab SPM nanti. Jabatan ini juga berharap Modul Kenyalang Cemerlang SPM dapat dikongsi bersama-sama dalam kalangan panitia mata pelajaran di seluruh negara khususnya dalam memahami teknik menjawab soalan pelbagai aras yang dikemukakan. Sebaiknya modul ini dapat dikongsi bersama bagi memastikan modul ini sentiasa meniti dari bibir ke bibir guru-guru di seluruh Malaysia.

Tahniah kepada para pegawai di Sektor Pembelajaran yang sama-sama menyelaras bagi memastikan modul ini dapat disiapkan dalam masa yang ditetapkan. Saya berharap dengan usaha gigih ini akan membuahkan hasil yang lebih baik lagi dalam kita menghitung hari menjelangnya SPM 2023 nanti.

**Selamat Maju Jaya,**
**Tingkatkan Prestasi untuk Pendidikan yang Berkualiti**

*Fly Kenyalang Fly, Fly High*

**Dr. LES ANAK MET**
Jabatan Pendidikan Negeri Sarawak

# TEKNIK MENJAWAB SOALAN KERTAS 2

- Masa diperuntukkan adalah 2 jam 30 minit
- Jawab kesemua 4 soalan struktur dan jawab 3 soalan esei
- Bagi soalan KBAT, berikan jawapan yang munasabah
- Tulis jawapan menggunakan ayat lengkap dan jangan menulis jawapan dalam bentuk poin mahupun jadual

## BAHAGIAN A : SOALAN STRUKTUR

- Baca semua soalan terlebih dahulu.
- Sebelum menjawab soalan, GARISKAN KATA KUNCI SOALAN.
- Teliti maklumat yang diberikan melalui stimulus rangsangan dalam soalan.
- Jawab soalan yang mudah dan diketahui jawapannya TERLEBIH DAHULU.
- Jawab berdasarkan arahan dan peruntukan markah. Jawab LEBIH dari markah yang diperuntukkan
- Jawapan hendaklah RINGKAS, PADAT dan menepati KEHENDAK soalan.
- Jika tidak yakin dengan jawapan fakta, berikan jawapan yang MUNASABAH. Jangan biarkan ruangan jawapan kosong.

## BAHAGIAN B : SOALAN ESEI

- Pilih dan jawab soalan yang mudah dan yakin boleh dijawab.
- Pastikan nombor soalan ditulis dengan betul.
- Mulakan jawapan anda dengan pangkal ayat atau kehendak perincian soalan.
- Jawapan perlu ditulis dalam ayat lengkap.
- Setiap perenggan merangkumi fakta, huraian dan contoh serta inferens
- Mengaitkan isi dengan isi yang berikutnya menggunakan penanda wacana.
- Jangan biarkan jawapan kosong. Sekurang-kurangnya tulis jawapan munasabah

## RUBRIK PEMARKAHAN KBAT SECARA HOLISTIK

**Aras 4**

Pengetahuan dan pemahaman sangat jelas
Bukti/ contoh sangat sesuai
Membuat inferens yang tepat
Jawapan yang sangat mendalam/ terperinci
Komunikasi/ pengolahan sangat menarik
Menunjukkan kematangan

**Aras 3**
Pengetahuan dan pemahaman sangat jelas
Bukti/ contoh sangat sesuai
Membuat inferens
Jawapan mendalam
Komunikasi/ pengolahan menarik

**Aras 2**
Pengetahuan dan pemahaman jelas
Jawapan kurang mendalam
Menyatakan hujah secara ringkas

**Aras 1**
Pengetahuan dan pemahaman terhad
Jawapan secara umum
*dibenarkan secara analitikal atau rubrik holistik*
(*Mana-mana jawapan yang munasabah*)

# KANDUNGAN MODUL


| BAB | TAJUK | MUKA SURAT |
|---|---|---|
| | TINGKATAN 4 : PEMBINAAN NEGARA | |
| 1 | WARISAN NEGARA BANGSA | |
| 2 | KEBANGKITAN NASIONALISME | |
| 3 | KONFLIK DUNIA DAN PENDUDUKAN JEPUN DI NEGARA KITA | |
| 4 | ERA PERALIHAN KUASA BRITISH DI NEGARA KITA | |
| 5 | PERSEKUTUAN TANAH MELAYU 1948 | |
| 6 | ANCAMAN KOMUNIS DAN PERISYTIHARAN DARURAT | |
| 7 | USAHA KE ARAH KEMERDEKAAN | |
| 8 | PILIHAN RAYA | |
| 9 | PERLEMBAGAAN PERSEKUTUAN TANAH MELAYU 1957 | |
| 10 | PEMASYHURAN KEMERDEKAAN | |
| | TINGKATAN 5: MALAYSIA DAN MASA HADAPAN | |
| 1 | KEDAULATAN NEGARA | |
| 2 | PERLEMBAGAAN PERSEKUTUAN | |
| 3 | RAJA BERPERLEMBAGAAN & DEMOKRASI BERPARLIMEN | |
| 4 | SISTEM PERSEKUTUAN | |
| 5 | PEMBENTUKAN MALAYSIA | |
| 6 | CABARAN SELEPAS PEMBENTUKAN MALAYSIA | |
| 7 | MEMBINA KESEJAHTERAAN NEGARA | |
| 8 | MEMBINA KEMAKMURAN NEGARA | |
| 9 | DASAR LUAR MALAYSIA | |
| 10 | KECEMERLANGAN MALAYSIA DI PERSADA DUNIA | |

| | | | | |
|---|---|---|---|---|
| **TINGKATAN 4** | | | | |
| **TEMA : PEMBINAAN NEGARA** | | | | |
| **TAJUK 9: NASIONALISME DI MALAYSIA SEBELUM PERANG DUNIA KEDUA** | | | | |
| 3SK | SK | 9.1 Warisan Negara Bangsa | BAB 1 | WARISAN NEGARA BANGSA |
| | SP | 9.1.1 [1.1] ,9.1.2 [1.2] ,9.1.3[1.3] ,9.1.4[1.4] | | |
| | | | | |
| | SK | 9.2 Nasionalisme | BAB 2 | KEBANGKITAN NASIONALISME |
| | SP | 9.2.1 [2.1],9.2.2[2.2],9.2.3[2.3],9.2.4 [2.4] | | |
| | | | | |
| | SK | 9.3 Nasionalisme di negara kita | BAB 2 | KEBANGKITAN NASIONALISME |
| | SP | 9.3.1 [2.5],9.3.2 [2.6] ,9.3.3 [2.7] ,9.3.4 [2.8] | | |
| **TAJUK 10: PERJUANGAN RAKYAT KE ARAH KEMERDEKAAN TANAH AIR** | | | | |
| 5 SK | SK | 10.1 Konflik Dunia | BAB 3 | KONFLIK DUNIA DAN PENDUDUKAN JEPUN DI NEGARA KITA |
| | SP | 10.1.1 [3.1] 10.1.2 [3.2] 10.1.3 [3.3] 10.1.4 [3.4] | | |
| | | | | |
| | SK | 10.2 Perjuangan Rakyat Semasa Pendudukan Jepun | BAB 3 | KONFLIK DUNIA DAN PENDUDUKAN JEPUN DI NEGARA KITA |
| | SP | 10.2.1 [3.5], 10.2.2 [3.6] 10.2.3 [3.7], 10.2.4 [3.8] 10.2.5 [3.9] | | |
| | | | | |
| | SK | 10.3 Era Peralihan Kuasa British di Negara Kita | BAB 4 | ERA PERALIHAN KUASA BRITISH DI NEGARA KITA |
| | SP | 10.3.1 [4.1] 10.3.2 [4.2] 10.3.3 [4.3]10.3.4 [4.4] 10.3.5 [4.5] 10.3.6 [4.6] 10.3.7 [4.7] | | |
| | | | | |
| | SK | 10.4 Persekutuan Tanah Melayu 1948 | BAB 5 | PERSEKUTUAN TANAH MELAYU 1948 |
| | SP | 10.4.1 [5.1] 10.4.2 [5.2] 10.4.3 [5.3] 10.4.4 [5.4] | | |
| | | | | |
| | SK | 10.5 Ancaman Komunis dan Perisytiharan Darurat 1948 | BAB 6 | ANCAMAN KOMUNIS DAN PERISYTIHARAN DARURAT |
| | SP | 10.5.1.[6.1], 10.5.2 [6.2], 10.5.3 [6.3], 10.5.4 [6.4] | | |
| **TAJUK 11 : KEMERDEKAAN PERSEKUTUAN TANAH MELAYU** | | | | |
| 4SK | SK | 11.1 Usaha ke Arah Kemerdekaan | BAB 7 | USAHA KE ARAH KEMERDEKAAN |
| | SP | 11.1.1 [7.1], 11.1.2 [7.2], 11.1.3 [7.3], 11.1.4 [7.4], 11.1.5 [7.5] | | |
| | | | | |
| | SK | 11.2 Pilihan raya | BAB 8 | PILIHAN RAYA |
| | SP | 11.2.1 [8.1], 11.2.2 [8.2], 11.2.3 [8.3]. 11.2.4 [8.4] | | |
| | | | | |
| | SK | 11.3 Perlembagaan Persekutuan Tanah Melayu 1957 | BAB 9 | PERLEMBAGAAN PTM 1957 |
| | SP | 11.3.1 [9.1], 11.3.2 [9.2], 11.3.3 [9.3], 11.3.4 [9.4] | | |
| | | | | |
| | SK | 11.4 Pemasyhuran Kemerdekaan Tanah Melayu | BAB 10 | PERMASYHURAN KEMERDEKAAN |
| | SP | 11.4.1 [10.1], 11.4.2 [10.2], 11.4.3 [10.3], 11.4.4 [10.4], 11.4.5 [10.5] | | |

**BAB 1**
**SK 9.1 WARISAN NEGARA BANGSA**

**BAHAGIAN A: STRUKTUR**

| | | |
|---|---|---|
| **1** | Rajah berikut merupakan ciri – ciri negara bangsa kerajaan Alam Melayu . [ms 4]<br><br>Ciri-ciri Negara Bangsa Kerajaan Alam Melayu<br>Raja / **X** / Rakyat / **Y** | **PANDUAN JAWAPAN** |
| (*a*) | Apakah **X** dan **Y**?<br>i. X : Undang – undang<br>ii. Y : Wilayah Pengaruh<br>[2 *markah*] | F1 Undang - undang<br>F2 Wilayah pengaruh |
| (*b*) | Mengapakah rakyat penting dalam kerajaan Alam Melayu?<br><br>Rakyat penting dalam kerajaan Alam Melayu kerana rakyat merupakan **penduduk sesebuah wilayah** yang **setia kepada raja dan tidak menderhaka**. Contohnya, **rakyat kerajaan Srivijaya membuktikan kesetiaan mereka** dengan **upacara persetiaan** dan **meminum air sumpah**.<br>[4 *markah*] | F1 Penduduk sesebuah wilayah<br>F2 Setia kepada raja / tidak menderhaka<br>F3 Contoh rakyat kerajaan Srivijaya membuktikan kesetiaan<br>F4 Upacara persetiaan<br>F5 Meminum air sumpah |
| (*c*) | Pada pendapat anda,sebagai rakyat Malaysia bagaimanakah kita menunjukkan ketaatan kepada raja dan negara?<br><br>Sebagai rakyat Malaysia cara kita menunjukkan ketaatan kepada raja dan negara ialah dengan **mengamalkan prinsip rukun negara** iaitu **setia kepada raja dan negara**. Contohnya, **tidak bekerjasama dengan musuh negara**. Kesannya **negara kekal berdaulat**.<br>[4 *markah*] | |

| | | |
|---|---|---|
| **2** | Rajah berikut menunjukkan sistem pentadbiran Kesultanan Melayu Melaka yang lengkap dan teratur. [ms 8-9]<br>  <br> | **PANDUAN JAWAPAN** |
| (*a*) | Namakan jawatan **X** dan **Y**.<br><br>i. **X** :_____<br>ii. **Y** :_____<br>[2 *markah*] | F1 Temenggung<br>F2 Penghulu Bendahari |
| (*b*) | Jelaskan sistem pentadbiran pusat dalam sistem pentadbiran Kesultanan Melayu Melaka.<br><br>_____<br>_____<br>_____<br>_____<br>_____<br>_____<br>_____<br>_____<br>_____<br>_____<br>_____<br>_____<br>_____<br>_____<br>[4 *markah*] | **F1 Sistem Pembesar Empat Lipatan**<br>H1a Bendahara ketua pentadbir / ketua turus angkatan tentera<br>H1b Menasihati sultan / pemangku sultan<br><br>**F2 Sistem kewangan yang teratur**<br>H2a Penghulu Bendahari menguruskan perbendaharaan<br>H2b Syahbandar mengutip cukai di pelabuhan<br>H2c Pembesar lain mengutip cukai di kawasan pegangan<br><br>**F3 Aspek keselamatan lengkap**<br>H3a Menjaga keamanan di darat / laut<br>H3b Temenggung menjaga keselamatan kota Melaka<br>H3c Laksamana sebagai Panglima Angkatan Laut |
| (*c*) | Gambar berikut merupakan gambar majlis pertabalan Yang di-Pertuan Agong ke-16 Sultan Pahang, Sultan Ri'ayatuddin Al-Mustafa Billah Shah Ibni Sultan Haji Ahmad Shah Al-Mustafa'in Billah.<br> <br>Sumber: https://www.astroawani.com/ | |

| | | |
|---|---|---|
| | Sistem beraja hari ini adalah warisan kerajaan beraja Kesultanan Melayu Melaka.<br><br>Mengapakah kita harus berbangga terhadap warisan ini?<br><br>_____<br>_____<br>_____<br>_____<br>_____<br>_____<br>_____<br>_____<br><br>[4 *markah*] | |
| **3** | Rajah berikut menunjukkan pembahagian masyarakat dalam Kesultanan Melayu Melaka.<br>[BT ms 12-13]<br><br>Masyarakat dalam Kesultanan Melayu Melaka → Pemerintah / Rakyat | **PANDUAN JAWAPAN** |
| (*a*) | Senaraikan mereka yang termasuk dalam golongan rakyat pada zaman Kesultanan Melayu Melaka.<br>(i) _____<br>(ii) _____<br>[2 *markah*] | F1 Petani<br>F2 Peniaga<br>F3 Tukang<br>F4 Nelayan |
| (*b*) | Apakah peranan rakyat pada zaman Kesultanan Melayu Melaka?<br><br>_____<br>_____<br>_____<br>_____<br>_____<br>_____<br>_____<br>_____<br>_____<br>_____<br>_____<br>_____<br>_____<br>_____<br>[4 *markah*] | F1 Menunjukkan ketaatan kepada pemerintah<br>F2 Mematuhi semua arahan / tidak menderhaka kerana bimbang ditimpa tulah<br>F3 Menjadi tentera<br>F4 Menghadiri majlis umum / gotong royong<br>F5 Menjadi pengayuh / pendayung kapal perang<br>F6 Menyumbang tenaga / sistem serah / membina istana / jalan raya |

| | |
|---|---|
| (*c*) | Perumpamaan berikut merujuk hubung kait antara pemerintah dengan rakyat.<br><br>Rakyat itu umpama akar, yang raja itu umpama pohon, jikalau tiada akar nescaya pohon tidak akan dapat berdiri demikian lagi raja itu dengan segala rakyatnya.<br><br>Mengapakah hubungan baik antara pemerintah dengan rakyat penting kepada negara?<br>_____<br>_____<br>_____<br>_____<br>_____<br>_____<br>_____<br>_____<br>[4 *markah*] |

**BAB 1** **BAHAGIAN B: ESEI**
**SK 9.1 WARISAN NEGARA BANGSA**

| | | |
|---|---|---|
| **4** | Maklumat berikut berkaitan dengan negara bangsa Kesultanan Melayu Melaka. [BT ms 6-7]<br><br>Kesultanan Melayu Melaka mempunyai sistem pentadbiran, peraturan dan masyarakat yang tersusun serta sistem politiknya yang tersendiri bagi membentuk negara bangsa yang unggul sebagai sebuah empayar. | **PANDUAN JAWAPAN** |
| (*a*) | Jelaskan ciri – ciri negara bangsa Kesultanan Melayu Melaka.<br><br>Ciri – ciri negara bangsa Kesultanan Melayu Melaka ( KMM ) ialah **kerajaan. Raja merupakan pemerintah tertinggi** dan **dibantu oleh pembesar**.<br>Ciri kedua ialah **rakyat** yang **menumpahkan taat setia kepada sultan Melaka** dan **mematuhi undang – undang** yang dikuatkuasakan oleh kerajaan.<br>Ciri ketiga ialah **kedaulatan** di mana **sultan memiliki kekuasaan tertinggi**. Kedaulatan ini merupakan **kuasa mutlak sultan untuk mengawal rakyat dan wilayah**.<br>Ciri keempat ialah **wilayah pengaruh** iaitu merujuk **kawasan pemerintahan raja yang diterima dan diakui oleh rakyat**..<br>Ciri kelima ialah **undang-undang**. KMM mempunyai undang-undang bertulis iaitu **Hukum Kanun Melaka dan Undang – undang Laut Melaka**.<br>Ciri keenam ialah **lambang kebesaran** yang merupakan **identiti sesebuah kerajaan dan keistimewaan sultan Melaka**.<br><br>[6 *markah*] | **F1 Kerajaan**<br>H1a Raja merupakan pemerintah tertinggi<br>H1c Dibantu oleh pembesar<br>**F2 Rakyat**<br>H2a Menumpahkan taat setia kepada sultan Melaka<br>H2b Mematuhi undang – undang yang dikuatkuasakan oleh kerajaan / sultan Melaka<br>**F3 Kedaulatan**<br>H3a Sultan memiliki kedaulatan / kekuasaan tertinggi<br>H3b Kuasa mutlak sultan mengawal rakyat dan wilayah<br>**F4 Wilayah pengaruh**<br>H4a Merujuk kawasan pemerintahan raja<br>H4b Diterima dan diakui oleh rakyat<br>**F5 Undang-undang**<br>H5a Melaka mempunyai undang-undang bertulis |

| | | |
|---|---|---|
| | | C5 Hukum Kanun Melaka / Undang – undang Laut Melaka<br>**F6 Lambang kebesaran**<br>H6a Identiti sesebuah kerajaan dan keistimewaan sultan Melaka |
| (*b*) | Kesultanan Melayu Melaka mempunyai sistem pentadbiran yang lengkap dan tersusun. Buktikan pernyataan tersebut.<br><br>Buktinya, Kesultanan Melayu Melaka(KMM) mempunyai sistem pentadbiran yang lengkap dan tersusun ialah **sistem pentadbiran mempunyai dua peringkat** iaitu **pentadbiran pusat** dan peringkat jajahan. Pentadbiran peringkat pusat **dilaksanakan oleh Pembesar Berempat** .<br>KMM mempunyai **sistem kewangan yang teratur**.**Penghulu Bendahari** dilantik bagi **menguruskan perbendaharaan**. **Syahbandar** dipertanggungjawab untuk **mengutip cukai di pelabuhan**.<br>KMM mempunyai **sistem keselamatan yang lengkap** untuk **menjaga keamanan di darat dan di laut**. **Temenggung** dilantik untuk **menjaga keselamatan di kota Melaka**. **Laksamana** pula bertindak sebagai **panglima tentera angkatan laut**.<br>Pentadbiran peringkat jajahan pula, **pembesar ditugaskan untuk menguruskan pentadbiran di daerah dan kampung**.<br><br>[6 *markah*] | **F1 Pentadbiran peringkat pusat**<br>H1a Pembesar Berempat<br>**F2 Sistem kewangan yang teratur**<br>H2a Penghulu Bendahari / menguruskan perbendaharaan<br>H2b Syahbandar / mengutip cukai di pelabuhan<br>**F3 Aspek keselamatan lengkap**<br>H3a Menjaga keamanan di darat / laut<br>H3b Temenggung menjaga keselamatan di kota Melaka<br>H3c Laksamana / panglima tentera angkatan laut<br>**F4 Pentadbiran peringkat jajahan**<br>H4a Pembesar menguruskan pentadbiran di daerah / kampung |
| (*c*) | Jelaskan iktibar yang boleh diambil daripada sejarah kegemilangan Kesultanan Melayu Melaka untuk kemajuan bangsa dan negara Malaysia?<br><br>Iktibar yang boleh diambil daripada sejarah kegemilangan Kesultanan Melayu Melaka untuk kemajuan bangsa da negara Malaysia ialah mempunyai **sistem pemerintahan yang sistematik** bagi **menjamin kestabilan negara**. Contohnya **pemimpin mentadbir dengan adil dan saksama**. Kesannya **kebajikan rakyat terpelihara**.<br><br>Selain itu, mempunyai **undang – undang untuk melindungi rakyat** bagi **menjamin keselamatan rakyat**. Contohnya **undang – undang yang mengelak isu sensitif dibicarakan secara terbuka**. Kesanya **rakyat dapat hidup aman dan harmoni**.<br><br>[8 *markah*] | |

| | | |
|---|---|---|
| **5** | Rajah berikut menunjukkan perundangan dalam kerajaan Kesultanan Melayu Melaka.[BT ms 10-11]<br><br>Undang – Undang Melaka → Hukum Kanun Melaka<br>Undang – Undang Laut Melaka | **PANDUAN JAWAPAN** |
| (*a*) | Apakah perkara -perkara yang terkandung dalam Hukum Kanun Melaka?<br><br>[6 *markah*] | **F1 Jenayah**<br>H1a Hukuman setimpal dikenakan terhadap perbuatan jenayah<br>C1 seperti membunuh / menikam / mencuri<br>H1c Fasal 4, sesiapa yang ingkar arahan / memalsukan titah sultan akan dihukum bunuh<br><br>**F2 Undang – undang kekeluargaan**<br>H2a Bertujuan mewujudkan keharmonian dalam keluarga<br>H2b Menyelesaikan masalah yang dihadapi keluarga / perkahwinan<br><br>**F3 Bidang kuasa raja / pembesar**<br>H3a Perlu arif berkaitan perlaksanaan undang – undang<br>C3a Fasal 1, dijelaskan tugas sultan / Bendahara / Temenggung / Laksamana /Penghulu Bendahari<br>H3b Sultan melantik pembesar<br>C3b Contohnya Bendahara / Temenggung<br>**F4 Hal berkaitan ekonomi**<br>H4a Undang – undang ini mempunyai peraturan jelas tentang urus niaga untuk mengawal perdagangan<br>C1 Fasal 30, amalan riba diharamkan |
| (*b*) | Undang – undang di 5 (a) menyatakan tentang perbuatan dan hukuman terhadap kesalahan jenayah. Buktikan. | **F1 Hukum Kanun Melaka**<br>H1a Jenayah boleh mengugat ketenteraman / keharmonian KMM<br>H1b Hukuman setimpal bagi kesalahan membunuh / menikam / mencuri<br>H1c Boleh dijatuhkan hukuman bunuh jika membunuh tanpa pengetahuan raja / pembesar<br>H1d Sesiapa yang engkar arahan raja / |

| | | |
|---|---|---|
| | _____<br>_____<br>_____<br>_____<br>_____<br>_____<br>_____<br>_____<br>_____<br><br>[6 *markah*] | memalsu titah raja juga boleh dihukum bunuh<br>**F2 Undang – undang Laut Melaka**<br>H2a Jenayah di atas kapal mengugat ketenteraman / keselamatan isi kapal<br>H2b Menjelaskan hukuman seperti membunuh / mencuri / memberontak<br>H2c Membunuh / berkelakuan jahat di atas kapal dikenakan hukuman mati |
| (*c*) | <br>Gambar 2<br>Sumber: *https://www.bharian.com.my/*<br><br>Gambar 2 di atas menunjukkan lima prinsip Rukun Negara yang menjadi kunci kepada keharmonian hidup rakyat Malaysia. Sebagai rakyat yang mempunyai jati diri, bagaimanakah anda berusaha mengamalkan prinsip rukun negara yang keempat?<br><br>_____<br>_____<br>_____<br>_____<br>_____<br>_____<br>_____<br>_____<br>_____<br>_____<br>_____<br><br>[8 *markah*] | |

**BAB 2**
**SK 9.2 NASIONALISME**

**BAHAGIAN A: STRUKTUR**

| | | |
|---|---|---|
| **1** | Gerakan nasionalisme yang berlaku di negara Barat telah mempengaruhi kebangkitan nasionalisme di Asia dan Asia Tenggara termasuklah di negara kita.<br>*[ms 22-25]* | **PANDUAN JAWAPAN** |
| (*a*) | Apakah maksud nasionalisme?<br><br>Nasionalisme bermaksud **perasaan cinta yang mendalam terhadap bangsa dan negara**. Nasionalisme boleh diertikan sebagai **semangat kebangsaan yang menjelaskan sikap dan pendekatan** berkaitan dengan **perjuangan menentang penjajahan** serta **pembelaan terhadap bangsa dan negara**.<br>[2 *markah*] | F1 Perasaan cinta yang mendalam terhadap bangsa dan negara<br>F2 Semangat kebangsaan / kekitaan<br>F3 Perjuangan menentang penjajahan<br>F4 Pembelaan terhadap bangsa dan negara |
| (*b*) | Jelaskan faktor tercetusnya gerakan nasionalisme berikut:<br>(*i*) Revolusi Keagungan (1688)<br><br>Berlaku disebabkan oleh **keinginan menegakkan kedaulatan parlimen dan hak asasi rakyat**. Revolusi ini tercetus kerana pemerintahan **Raja James II membelakangkan parlimen semasa menggubal undang-undang**. **Ahli parlimen bangkit menentang pemerintahan raja berkuasa mutlak** dengan **sokongan Mary II dan suaminya, Raja William of Orange dari Belanda**. Menyedari sokongan yang semakin berkurangan, **Raja James II melarikan diri ke Perancis**.<br>[2 *markah*]<br><br>(*ii*) Revolusi Amerika (1776)<br><br>Merupakan **reaksi orang Amerika menentang penjajahan British**. Penentangan ini disebabkan oleh tindakan **British tidak melindungi hak penduduk Amerika** yang merupakan sebahagian daripada empayar British. **Penduduk Amerika menentang akta yang diperkenalkan untuk memungut cukai seperti Akta Pelayaran, Akta Gula, Akta Setem dan Akta Teh**.<br>[2 *markah*] | (b)(i)<br>F1 Keinginan menegakkan kedaulatan parlimen/ hak asasi rakyat<br>F2 Berlaku kerana Raja James II membelakangkan parlimen<br>F3 Ahli parlimen bangkit menentang raja berkuasa mutlak<br>F4 Mendapat sokongan Mary II/ suaminya Raja William of Orange<br>F5 Raja James II melarikan diri ke Perancis<br><br>(b)(ii)<br>F1 Penentangan orang Amerika terhadap British<br>F2 British tidak melindungi hak penduduk Amerika<br>F3 Menentang akta untuk memungut cukai/ Akta Pelayaran/ Akta Gula/ Akta Setem/ Akta The<br>F4 Melaungkan slogan “tiada cukai tanpa perwakilan”<br>F5 Menubuhkan kongres yang diketuaii oleh George Washington |
| (*c*) | Gerakan nasionalisme di Barat telah mencetuskan kesedaran dan kebangkitan memperjuangkan kedaulatan negara dan rakyat. Apakah iktibar yang boleh diambil daripada gerakan nasionalisme tersebut?<br><br>Iktibar yang boleh diambil daripada gerakan nasionalisme tersebut ialah **kepentingan ilmu pengetahuan dalam kehidupan bagi menjamin kesejahteraan hidup**. Hal ini supaya kita t**idak mudah tertipu dengan muslihat musuh atau negara asing**. Seterusnya, **perjuangan secara sistematik dan berorganisasi** membolehkan **kerjasama yang erat antara pemimpin dengan rakyat** menghasilkan kejayaan sesuatu perjuangan.<br>[4 *markah*] | |

| | | |
|---|---|---|
| **2** | Nasionalisme berbentuk Gerakan Propaganda yang dipimpin oleh Jose Rizal telah muncul di Filipina. [ms 28] | **PANDUAN JAWAPAN** |
| (*a*) | Apakah tuntutan Gerakan Propaganda terhadap Sepanyol?<br>_____<br>_____<br>_____<br>_____<br>_____<br>_____<br>_____<br>_____<br>_____<br>[2 *markah*] | F1 Filipina dijadikan sebahagian daripada wilayah Sepanyol<br>F2 Bangsa Filipina diberi hak yang sama dengan bangsa Sepanyol<br>F3 Mendesak kerajaan Sepanyol melakukan perubahan politik, ekonomi dan sosial di Filipina |
| (*b*) | Gerakan Propaganda gagal dalam perjuangan mereka.<br>Jelaskan kesan kegagalan ini terhadap perkembangan nasionalisme di Filipina.<br>_____<br>_____<br>_____<br>_____<br>_____<br>_____<br>_____<br>_____<br>_____<br>_____<br>_____<br>_____<br>_____<br>[4 *markah*] | F1 Mencetuskan idea nasionalisme yang lebih radikal<br>F2 Andres Bonifacio telah menubuhkan Katipunan<br>F3 Bertujuan memperoleh kemerdekaan Filipina melalui revolusi<br>F4 Katipunan menggunakan akhbar Kalayan<br>F5 Menyebarkan idea revolusi kepada rakyat<br>F6 Bonifacio dan Emilio Aguinaldo telah melancarkan Revolusi Filipina tetapi gagal |
| (*c*) | Cadangkan usaha-usaha yang boleh dilakukan oleh pemimpin bagi memastikan gerakan nasionalisme mencapai kejayaan.<br>_____<br>_____<br>_____<br>_____<br>_____<br>_____<br>_____<br>_____<br>_____<br>[4 *markah*] | |

| | | |
|---|---|---|
| **3** | Pembaharuan dalam negeri yang dijalankan oleh Raja Mongkut merangkumi pelbagai bidang. Baginda membawa perubahan dalam bidang pentadbiran berdasarkan pentadbiran Barat.<br>Sumber ubahsuai : hamdansalleh.wordpress.com/2011/12/02<br>[ms 31] | **PANDUAN JAWAPAN** |
| (*a*) | Nyatakan **tiga** kuasa Barat yang menjalin hubungan pentadbiran dengan Thailand.<br>(i) _____<br>(ii) _____<br>(iii) _____<br>[3 *markah*] | F1 British<br>F2 Amerika Syarikat<br>F3 Perancis |
| (b) | Bagaimanakah Thailand mempertahankan kedaulatan negaranya daripada penjajahan Barat?<br>_____<br>[3 *markah*] | F1 Usaha diplomasi<br>F2 Raja Mongkut membina hubungan baik dengan kuasa Barat<br>F3 British/ Amerika Syarikat/ Perancis<br>F4 Usaha pemodenan<br>F5 Pelaksanaan birokrasi Barat<br>F6 Pentadbiran kewangan/ pelabuhan/ kastam/ ketenteraan/ polis<br>F7 80 orang penasihat Barat dibawa masuk untuk melatih pegawai tempatan |
| (*c*) | Jelaskan iktibar daripada usaha Thailand dalam 1(b).<br>_____<br>[4 *markah*] | |

| | | |
|---|---|---|
| **4** | Golongan Intelektual (cerdik pandai) memainkan peranan penting dalam perkembangan nasionalisme di negara kita. [ms 36-37] | **PANDUAN JAWAPAN** |
| (*a*) | Jelaskan peranan golongan intelektual berikut:<br><br>(i) Intelektual Melayu<br>_____<br>_____<br>_____<br>_____<br>_____<br>_____<br>_____<br>_____<br>_____<br>_____<br>_____<br>_____<br>_____<br>[3 *markah*]<br><br>(ii) Intelektual Inggeris<br>_____<br>_____<br>_____<br>_____<br>_____<br>_____<br>_____<br>_____<br>_____<br>_____<br>_____<br>[3 *markah*] | **Intelektual Melayu**<br>F1 Tokohnya, O.T. Dussek/ Abdul Hadi Hassan/ Abdul Hadi Abdul Manan/ Harun Aminurrashid<br>F2 Meniup kesedaran nasionalisme dalam kalangan pelajar<br>F3 Melahirkan ramai tokoh penulis/ nasionalis<br>F4 Mewujudkan Pejabat Karang Mengarang<br><br>**Intelektual Inggeris**<br>F1 Melahirkan intelektual berpendidikan Inggeris<br>F2 Melatih anak bangsawan bagi diserapkan dalam pentadbiran Inggeris<br>F3 Menggunakan kedudukan mereka untuk menyuarakan hak mendapat pendidikan orang Melayu<br>F4 Tokoh seperti Raja Chulan Raja Abdullah/ Mahmud Mat/ Mohammad Eunos Abdullah/ Raja Uda Raja Muhammad |
| (*b*) | Golongan intelektual mempunyai peranan besar dalam pembinaan dan pembangunan negara bangsa.<br>Sumber: bharian.com.my 20 Febuari 2021<br>Berikan ulasan anda.<br>_____<br>_____<br>_____<br>_____<br>_____<br>_____<br>_____<br>[4 *markah*] | |

**BAB 2**
**SK 9.2 NASIONALISME**

**BAHAGIAN B: ESEI**

| **5** | Kedatangan dan penjajahan kuasa Barat di Asia serta Asia Tenggara telah mencetuskan kebangkitan nasionalisme seterusnya gerakan membebaskan diri daripada penjajahan. *[ms 26-27]* | **PANDUAN JAWAPAN** |
|---|---|---|
| (*a*) | Jelaskan faktor yang menyebabkan berlakunya kebangkitan nasionalisme di :<br><br>(i) China<br>Faktor yang menyebabkan berlakunya kebangkitan nasionalisme di China ialah **ingin mengukuhkan peradaban China** dalam kalangan orang Cina daripada penguasaan politik dan ekonomi kuasa asing. Selain itu, nasionalisme di China juga kerana **kelemahan pemerintahan Dinasti Manchu** yang dianggap sebagai orang luar dan hilang mandat. Masyarakat China kehilangan kepercayaan terhadap Dinasti Manchu yang **gagal menghalang kemasukan pengaruh Barat**.<br>[3 *markah*]<br><br>(ii) Jepun<br>Faktor yang menyebabkan berlakunya kebangkitan nasionalisme di Jepun ialah **kesedaran untuk mencapai kemajuan bagi mengelakkan ancaman imperialisme Barat**. Nasionalisme di Jepun juga menekankan **pemodenan Jepun** mengikut model Barat. Kebangkitan nasionalisme di Jepun kerana **gerakan Pemulihan Meiji** iaitu gerakan pembaharuan dalam semua aspek kehidupan.<br>[3 markah] | (i) China<br>F1: Ingin mengukuhkan peradan China<br>F2: Kelemahan pemerintahan Dinasti Manchu<br>F3: Dinasti Manchu gagal menghalang kemasukan pengaruh Barat<br>F4: Bercorak anti-Barat<br>F5: Menentang campur tangan kuasa Barat di China<br><br>(ii) Jepun<br>F1: Kesedaran untuk mencapai kemajuan bagi mengelakkan imperialisme Barat<br>H1: Pemodenan Jepun<br>F2: Semangat Bushido<br>H2: Gerakan pemulihan Meiji<br>C2a: Kuasa tentera yang kuat di Asia/ Jepun dihormati oleh kuasa Barat |
| (*b*) | Terangkan perkembangan nasionalisme di Indonesia.<br><br>Perkembangan nasionalisme di Indonesia pada awalnya berkisar **isu pendidikan** untuk **mengubah nasib rakyat** akibat dasar penjajah Belanda. Tokoh yang mempelopori perjuangan nasionalisme seperti **Raden Adjeng Kartini** yang memperjuangkan pendidikan kaum wanita melalui karyanya *Hilang Gelap Terbitlah Terang*. Kemudiannya gerakan nasionalisme berkembang dengan **kemunculan pertubuhan yang lebih tersusun** seperti **Muhammadiyah** untuk **mempertahankan agama Islam daripada ancaman sekularisme Barat.**<br>[6 *markah*] | F1: Isu pendidikan<br>H1: Mengubah nasib rakyat<br>C1: Raden Adjeng Kartini/ Karyanya *Hilang Gelap Terbitlah Terang*<br>F2: Kemunculan pertubuhan yang lebih tersusun<br>C2: Muhammadiyah<br>H2: Mempertahankan agama Islam daripada ancaman sekularisme Barat<br>F3: Penubuhan parti politik<br>H3: Memperjuangkan kemerdekaan<br>C3 : Parti Nasionalis Indonesia |
| (*c*) | Sebagai pemimpin sesebuah negara yang berdaulat, apakah usaha yang anda lakukan bagi memastikan kedaulatan negara terus berkekalan?<br><br>Sebagai pemimpin sesebuah negara yang berdaulat, usaha yang akan saya lakukan bagi memastikan kedaulatan negara terus berkekalan ialah **menguatkan sistem pertahanan negara**. Sistem pertahanan yang kuat dengan **tentera yang ramai** dan **sanggup berkorban** demi mempertahankan kedaulatan negara daripada serangan musuh. Sistem pertahanan juga mempunyai **persenjataan yang moden** bagi **menghadapi apa saja bentuk serangan daripada pihak luar**. Ini akan **menjamin keselamatan dan keamanan negara** sepanjang masa. Selain itu, saya akan **memastikan sistem pentadbiran negara berjalan lancar dan cekap**. **Amalan rasuah diperangi** dan **individu yang terlibat dikenakan hukuman**. Sistem pentadbiran negara diperkukuhkan dengan memastikan **keadilan sentiasa dipelihara**. Kesannya, **kemakmuran negara dapat direalisasikan**.<br>[8 *markah*] | |

| | | |
|---|---|---|
| **6** | Pada abad ke-20, agama turut menyumbang kepada perkembangan gerakan nasionalisme di negara kita.<br>*[ms 34-37]* | **PANDUAN JAWAPAN** |
| (*a*) | Bagaimanakah faktor agama mendorong perkembangan nasionalisme di negara kita?<br>[4 *markah*] | F1 Pelajar yang melanjutkan pelajaran di Mesir<br>F2 Terdedah dengan falsafah perjuangan gerakan Islah di Mesir<br>F3 Pimpinan Sayyid Jamal al-Din al-Afghani/ Sheikh Muhammad Abduh/ Rashid Rida<br>F4 Wujud Gerakan Islah<br>F5 Menyeru umat Islam kembali kepada ajaran Islam yang sebenar<br>F6 Berpandukan al-Quran dan hadis |
| (*b*) | Huraikan peranan golongan intelektual berpendidikan agama dalam menyemarakkan gerakan nasionalisme di negara kita.<br>[8 *markah*] | F1 Kaum Muda<br>H1a Menyalurkan idea melalui gerakan Islah<br>H1b Agama Islam sebagai asas kemajuan dunia dan akhirat<br>H1b Tokohnya Sheikh Muhammad Tahir Jalaluddin/ Syed Sheikh al-Hadi/ Haji Abbas Mohd Taha<br><br>F2 Penubuhan madrasah<br>H2a Menyebarkan fahaman Islah<br>H2b Kesedaran pentingnya pendidikan menyebabkan banyak madrasah ditubuhkan<br>C2a Madrasah al-Attas/ Madrasah al-Khairiah al-Islamiyah/ Maahad al-Ehya Assharif<br>H2c Kemajuan / pemodenan dari aspek sikap dan pentafsiran terhadap Islam<br>H2d Wanita diberi peluang belajar |
| (*c*) | Pada pendapat anda, sejauh manakah semangat nasionalisme dapat memperkukuh perpaduan rakyat di negara kita? | |

| | |
|---|---|
| | [8 *markah*] |

| | | |
|---|---|---|
| **7** | Sebelum Perang Dunia Kedua, kegiatan penulisan dan persatuan menjadi medium perjuangan golongan intelektual mendaulatkan negara bangsa di Tanah Melayu. *[ms 39-40]* | **PANDUAN JAWAPAN** |
| (*a*) | Jelaskan perjuangan golongan intelektual melalui penulisan karya kreatif.<br>[4 *markah*] | F1 Membangkitkan nasionalisme dalam kalangan penduduk di Tanah Melayu<br>F2 Bertemakan semangat cinta akan negara<br>F3 Perjuangan membela nasib bangsa<br>F4 Mengajak masyarakat memerdekakan diri dari aspek ekonomi<br>F5 Novel / cerpen / puisi<br>F6 Omar Mustaffa / Mahmud Ahmadi / Harun Aminurrashid / Abdul Samad Ahmad / Ishak Haji Muhammad / Abdul Rahim Kajai / Za'ba<br>F7 *Angan-angan dengan Gurindam / Sedarlah / Semenanjung / Serunai Pujangga / Rumah Besar Tiang Sebatang / Cerita Awang Putat* |
| (*b*) | Bagaimanakah persatuan berikut menggerakkan nasionalisme di Tanah Melayu?<br>(i) Kesatuan Melayu Singapura (KMS)<br>[4 *markah*] | (i) **Kesatuan Melayu Singapura (KMS)**<br>F1 Dipimpin oleh Mohammad Eunos Abdullah / Tengku Kadir Ali / Embok Suloh<br>F2 Bertujuan menggalakkan ahli bergerak aktif dalam pentadbiran<br>F3 Memperjuangkan kepentingan orang Melayu dalam politik |

| | | |
|---|---|---|
| | (ii) Kesatuan Melayu Muda (KMM)<br>_____<br>_____<br>_____<br>_____<br>_____<br>_____<br>_____<br>_____<br>[4 *markah*] | F4 Mementingkan pelajaran/ pendidikan/ teknik/ pengajian tinggi<br><br>(ii) **Kesatuan Melayu Muda (KMM)**<br>F1 Dipimpin oleh Ibrahim Haji Yaakob<br>F2 Didaftakan pada tahun 1938<br>F3 Berjuang melalui majalah / akhbar Majlis<br>F4 Berhasrat menentang British<br>F5 Mewujudkan gagasan Melayu Raya / Indonesia Raya / gabungan Tanah Melayu dan Indonesia<br>F6 Menyeru orang Melayu bangun sebagai satu bangsa<br>F7 Mempunyai tamadun/ kesopanan di tanah airnya<br>F8 Pergerakan secara radikal/ berhaluan kiri |
| (*c*) | Baca maklumat dalam petikan berikut.<br><br>**KUALA LUMPUR, 31 Ogos 2021** : Yang di-Pertuan Agong Al-Sulltan Abdullah Ri'ayatuddin Al-Mustafa Billah Shah hari ini menyeru rakyat Malaysia untuk mengimbau kembali semangat patriotisme dan cintakan tanah air yang tertanam sejak enam dekad lalu.<br><br>Dalam kenyataan media Istana Negara hari ini, Datuk Pengelola Bijaya Diraja Datuk Ahmad Fadil berkata, Al-Sultan Abdullah bertitah bahawa, semangat itulah yang telah menyatu-padukan rakyat sekaliannya dengan tekad dan iltizam, untuk bangkit menentang penjajah, sehingga kemerdekaan yang diidamkan menjadi sebuah realiti.<br><br>Sumber: *http://astroawani.com/316985/2021/08*<br><br>Jelaskan mesej yang terdapat dalam petikan tersebut dan cabaran mempertahankan kemerdekaan negara.<br><br>_____<br>_____<br>_____<br>_____<br>_____<br>_____<br>_____<br>_____<br>_____<br>_____<br>_____ | |

| | |
|---|---|
| | [8 *markah*] |

| 8 | Perkembangan nasionalisme di negara kita meninggalkan kesan dari aspek politik dan sosial. *[ms 42-43]* | **PANDUAN JAWAPAN** |
|---|---|---|
| (*a*) | Jelaskan maksud nasionalisme.<br><br>[4 *markah*] | F1 Perasaan cinta yang mendalam terhadap bangsa dan negara<br>F2 Semangat kebangsaan / kekitaan<br>F3 Perjuangan menentang penjajahan<br>F4 Pembelaan terhadap bangsa dan negara<br>F5 Gerakan untuk mencapai kebebasan politik, ekonomi dan sosial daripada penguasaan orang asing<br>F6 Keinginan membina negara bangsa dan melahirkan identiti sendiri |
| (b) | Terangkan kesan perkembangan nasionalisme dari aspek berikut:<br><br>(i) Politik | **(i) Politik**<br>F1 Usaha golongan intelektual Inggeris dan KMS menggesa kerajaan meningkatkan peluang pekerjaan dalam pentadbiran British berhasil<br>H1 Bilangan orang Melayu dalam dalam Malayan Civil Service (MCS) bertambah<br>C1 Daripada 7 orang pada tahun 1930 kepada kepada 20 0rang pada tahun 1937<br>F2 British memperkenalkan dasar desentralisasi |

| | | |
|---|---|---|
| | [4 *markah*]<br><br>(ii) Sosial<br><br>[4 *markah*] | H2a Mengembalikan kuasa sultan, residen dan Majlis Mesyuarat Negeri<br>H2b Orang Melayu menyuarakan kepentingan berpersatuan bagi membincangkan soal politik<br><br>**(ii) Sosial**<br>F1 Tuntutan mendapatkan peluang pendidikan disuarakan melalui akhbar, majalah dan persatuan<br>H1a Wujud kesedaran masyarakat untuk belajar di madrasah dan sekolah Melayu<br>H1b Mendorong mereka menulis dan menerajui majalah sendiri<br>F2 Lepasan SITC menunjukkan peningkatan<br>C2 Daripada 58 pada Mac 1924 kepada 141 orang pada September 1940<br>H2a Mereka berkhidmat sebagai guru<br>H2b Membantu meningkatkan taraf pendidikan masyarakat<br>H2c Muncul lebih ramai guru wanita<br>H2d Guru wanita di johor Bahru menerbitkan majalah Bulan Melayu |
| (*c*) | Usman Awang pernah menyebut bahawa golongan intelektual harus memihak kepada kemajuan ilmu pengetahuan sains dan teknologi, menegakkan kebebasan berfikir, semangat perwira dan berjiwa besar, menghapuskan kemiskinan dan menentang penindasan oleh golongan berkuasa dan kaya ke atas golongan yang lemah dan miskin.<br><br>Sumber: https://www.bharian.com.my/kolumnis/2021/02<br><br>Pada pendapat anda, bagaimanakah golongan intelektual dapat menyumbang ke arah pembangunan negara? | |

[8 *markah*]

**BAB 3**
**SK 10.1 KONFLIK DUNIA**

**BAHAGIAN A: STRUKTUR**

| | | |
|---|---|---|
| **1** | Peta berikut berkaitan negara yang terlibat dalam Perang Dunia Pertama di Eropah *[ms 54-57]*<br> <br><br>Sumber: *Buku Teks Sejarah Tingkatan 4* | **PANDUAN JAWAPAN** |
| (*a*) | Nyatakan faktor yang mencetuskan Perang Dunia Pertama.<br><br>(i) Persaingan **Kuasa Imperialis**<br>(ii) **Pakatan** ketenteraan<br>(iii) Krisis **Rantau Balkan**<br><br>[3 *markah*] | F1 Persaingan kuasa imperialis<br>F2 Pakatan ketenteraan<br>F3 Krisis Rantau Balkan |
| (*b*) | Jelaskan kesan Perang Dunia Pertama terhadap negara Eropah<br><br>Kesan Perang Dunia Pertama terhadap negara Eropah ialah **keruntuhan pemerintahan beraja** di Jerman, Austria Hungary, Rusia dan Empayar Uthmaniyah. Selain itu **munculnya negara-negara baharu** seperti Austria, Poland, Lebanon dan lain-lain serta wujudnya **Persidangan Damai Paris** bagi membincangkan syarat perdamaian selepas perang.<br><br>[3 *markah*] | F1 Keruntuhan Pemerintahan Beraja.<br>F2 Kemunculan Negara Baharu<br>F3 Persidangan Damai Paris |
| (*c*) | Pada pandangan anda, mengapakah peperangan harus dielakkan?<br><br>Pada pandangan saya, peperangan harus dielakkan **kerana** ialah peperangan boleh menyebabkan **kemusnahan harta benda.** Hal ini juga akan **mengorbankan banyak nyawa .** Contohnya, **penggunaan senjata biologi iaitu bom atom** boleh menyebabkan kehilangan nyawa secara besar-besaran. Kesannya peperangan boleh **menggugat keharmonian manusia sejagat**.<br><br>[4 *markah*] | |

| | | |
|---|---|---|
| **2** | Kejayaan pihak Kuasa Bersekutu menghancurkan Kuasa Paksi pada 3 September 1945 menandakan tamatnya Perang Dunia Kedua di Eropah yang menyebabkan penderitaan yang mendalam kepada hampir setiap masyarakat negara di dunia. [ms 58-63] | **PANDUAN JAWAPAN** |
| (*a*) | Apakah faktor tercetusnya Perang Dunia Kedua di Eropah?<br>_____<br>_____<br>_____<br>[2 *markah*] | **F1** Kemunculan ideologi baru<br>**F2** Ketidakpuasaan hati terhadap Perjanjian Versailles<br>**F3** Kegagalan Liga Bangsa - Bangsa |
| (*b*) | Bagaimanakah Kuasa Paksi yang kuat boleh dikalahkan oleh pihak Kuasa Bersekutu?<br>_____<br>_____<br>_____<br>_____<br>_____<br>_____<br>_____<br>_____<br>_____<br>_____<br>_____<br>_____<br>_____<br>_____<br>[4 *markah*] | **F1 Kerjasama Kuasa Besar**<br>• Presiden US dan PM Britain sering bertemu utk membuat keputusan politik.<br>**F2 Kegagalan Operasi Menawan Rusia.**<br>• Tempoh perang yang panjang menyebabkan tentera Jerman kehabisan peluru, minyak dan makanan.<br>• Ini melemahkan semangat tentera Jerman. |
| (*c*) | Konflik dunia yang berlaku pada hari ini berpotensi untuk mencetuskan perang yang lebih besar seperti Perang Dunia Ketiga jika tidak ditangani dengan bijaksana.<br>Buktikan kebenaran pernyataan tersebut.<br>_____<br>_____<br>_____<br>_____<br>_____<br>_____<br>_____<br>_____<br>_____<br>_____<br>_____<br>[4 *markah*] | |

| | | |
|---|---|---|
| **3** | Perang Dunia Kedua di Asia Pasifik berlaku di Lautan Pasifik, Tanah Besar Asia dan Kepulauan Asia Tenggara pada tahun 1941 sehingga 1945. Situasi tersebut berlaku kerana kemunculan Jepun sebagai kuasa tentera yang kuat di Asia. [ms 64-67] | **PANDUAN JAWAPAN** |
| (*a*) | Nyatakan **dua** buah negara yang menjadi sasaran serangan Jepun dalam peperangan tersebut.<br><br>(i)_____<br>(ii) _____<br>[2 *markah*] | F1 Amerika Syarikat<br>F2 Burma<br>F3 Tanah Melayu/ Malaysia |
| (b) | Mengapakah peperangan tersebut berlaku?<br><br>_____<br>_____<br>_____<br>_____<br>_____<br>_____<br>_____<br>_____<br>_____<br>_____<br>_____<br>_____<br>_____<br>_____<br>_____<br>_____<br>_____<br>_____<br>_____<br>[4 *markah*] | F1 **Keperluan Perindustrian**<br>H1a Jepun sebuah kuasa industri<br>H1b Berusaha mengurangkan pergantungan kepada negara Barat<br>H1c Untuk mendapatkan bahan mentah<br>C1 Bijih Timah/Getah/Bauksit /Petroleum<br>F2 **Pengaruh golongan tentera**<br>H2a Jepun mempunyai angkatan tentera moden<br>H2b menjadi semakin agresif apabila golongan tentera menguasai politik/selesai masalah ekonomi dengan penaklukan |
| (*c*) | Konflik di Asia Tenggara yang melibatkan kuasa besar iaitu Amerika Syarikat dan China pada masa kini semakin hari menjadi semakin genting.<br>Bagaimanakah negara-negara di rantau Asia Tenggara boleh menghindari dari konflik tersebut?<br><br>_____<br>_____<br>_____<br>_____<br>_____<br>_____<br>_____<br>_____<br>[4 *markah*] | |

| | | |
|---|---|---|
| **4** | Gambar berikut menunjukkan Force 136 yang berjuang menentang pendudukan Jepun di negara kita. [ms 76-79]<br> <br>Pasukan Wataniah Pahang bersama-sama dengan Pemerintah Kehormat, iaitu Baginda Sultan Pahang, Sultan Abu Bakar. Berdiri tiga dari kanan ialah Kapten Abdul Razak Hussein.<br>Gerila Melayu Kedah bersama-sama dengan Pegawai Perhubungan Kumpulan, Mejar Hasler.<br>*Sumber*: Wan Hashim Haji Wan Teh, 1984. *Pejuang Gerila Force 136*. Kuala Lumpur: Penerbitan Adabi. | **PANDUAN JAWAPAN** |
| (*a*) | Nyatakan cara penentangan mereka terhadap Jepun.<br>_____<br>_____<br>_____<br>_____<br>_____<br>_____<br>[2 *markah*] | F1 Bertempur/ menyerang Jepun<br>F2 Mendapat latihan ketenteraan di India dan Sri Lanka<br>F3 Menubuhkan pasukan gerila anti-Jepun.<br>F4 Menjalankan aktiviti rahsia di Tanah Melayu |
| (b) | Bagaimanakah Gerakan anti-Jepun berikut dilaksanakan?<br>i. Operasi Semut di Sarawak<br>_____<br>_____<br>_____<br>_____<br>_____<br>_____<br>_____<br>_____<br>_____<br>[2 *markah*]<br>ii. Pemberontakan Jesselton (*Double Tenth*) di Sabah<br>_____<br>_____<br>_____<br>_____<br>_____<br>_____<br>_____<br>_____<br>_____<br>[2 *markah*] | i.<br>F1 Dilaksanakan oleh Jabatan Peninjauan Perkhidmatan Australia atau Australia Services Reconnaissance Department (SRD)<br>F2 Mereka mengumpul risikan<br>F3 Melatih orang tempatan dalam perang gerila<br><br>ii.<br>F1 Kumpulan Albert Kwok melancarkan serangan terhadap pejabat pentadbiran/balai polis/ kemudahan tentera Jepun.<br>F2 Membunuh tentera Jepun di Jesselton/ Kota Belud/ Menggatal/ Tuaran |

| | | |
|---|---|---|
| (c) | Bagaimanakah sifat berani berkorban yang ditinjolkan oleh pasukan tentera boleh diteladani oleh generasi kini bagi memantapkan kedaulatan negara?<br>_____<br>_____<br>_____<br>_____<br>_____<br>_____<br>_____<br>_____<br>_____<br>[4 *markah*] | |

**BAB 3** **BAHAGIAN B: ESEI**
**SK 10.1 KONFLIK DUNIA**

| | | |
|---|---|---|
| **5** | Maklumat berikut berkaitan konflik dunia yang merangkumi Perang Dunia Pertama dan Perang Dunia Kedua. *[ms 58-63]*<br><br>**Konflik Dunia** — **Tempoh Masa**<br>Perang Dunia Pertama — 1914-1918<br>Perang Dunia Kedua — 1939-1945 | **PANDUAN JAWAPAN** |
| (*a*) | Mengapakah tercetusnya Perang Dunia Pertama<br><br>Perang Dunia Pertama tercetus disebabkan oleh **persaingan kuasa imperialis Barat** iaitu **perkembangan Revolusi Industri di Eropah** telah menyebabkan **persaingan untuk mendapatkan tanah jajahan** masing-masing bagi **memperolehi bahan mentah** dan **memasarkan hasil industri** mereka sehingga **membawa kepada permusuhan antara kuasa imperialis** ini seperti **Perancis dan Jerman**.<br>[4 *markah*] | F1 Persaingan kuasa imperialis Barat<br>H1a Perkembangan Revolusi Industri di Eropah<br>H1b Bersaing untuk mendapatkan tanah jajahan<br>H1c Memperoleh bahan mentah<br>H1d Memasarkan hasil industri<br>H1e Membawa permusuhan antara kuasa imperialis<br>C1a Perancis dan Jerman<br>F2 Pakatan Ketenteraan<br>F3 Krisis Rantau Balkan |
| (*b*) | Perang Dunia Kedua yang meletus di Eropah adalah berpunca daripada perasaan tidak puas hati negara-negara yang terlibat dalam Perang Dunia Pertama.<br>Jelaskan peristiwa Perang Dunia Kedua di Eropah.<br><br>Peristiwa Perang Dunia Kedua di Eropah berlaku apabila **Jerman menyerang Poland pada bulan September 1939**. Jerman kemudian melancarkan **penaklukan terhadap Eropah Barat** dengan **memulakan serangan Blitzkrieg bagi menakluki negara di Eropah Barat** dan **Jerman telah berjaya menawan Poland, Denmark, Norway, Belanda, Belgium, Luxembourg dan Perancis**. **Menjelang 1941 hampir seluruh negara Eropah dikuasai oleh Jerman.**<br><br>Setelah itu, berlaku pula **pengeboman Britain** oleh Jerman. Jerman telah **melancarkan serangan udara dan laut** British. Kemudian **menyerang pelabuhan, kawasan industri dan pertahanan udara** British. Ini telah **menjejaskan ekonomi Britain**.<br>[8 *markah*] | F1 Jerman menyerang Poland pada bulan Sept 1939<br>F2 Penaklukan Jerman terhadap Eropah Barat<br>H2a Jerman memulakan serangan Blitzkrieg bagi menakluki negara di Eropah Barat<br>H2b Jerman berjaya menawan Poland/ Denmark/ Norway/Belanda/ Belgium/ Luxembourg dan Perancis<br>H2c Menjelang 1941 hampir seluruh negara Eropah dikuasai oleh Jerman<br>F3 Pengeboman Britain<br>H3a Jerman melancarkan serangan udara dan laut<br>H3b Menyerang pelabuhan/kawasan industri/pertahanan udara Britain<br>H3c Menjejaskan ekonomi Britain<br>F4 Penyertaan Itali dalam Perang di Eropah |

| | |
|---|---|
| (*c*) | Peperangan banyak membawa kesan buruk terhadap negara dan masyarakat.<br>Jelaskan pernyataan tersebut.<br><br>Peperangan banyak membawa kesan buruk terhadap negara dan masyarakat iaitu **membawa kemusnahan infrastruktur** dan **harta benda seperti rumah, bangunan, jalanraya dan pengangkutan awam**. Selain itu banyak mangsa perang ini **kehilangan tempat tinggal** menyebabkan mereka **terpaksa melarikan diri** dan **menjadi pelarian di negara orang**. Selain itu, perang juga **meragut banyak nyawa** manusia yang tidak berdosa dan **membawa banyak kesengsaraan** kepada yang masih hidup **tidak mengira usia dan jantina**. Perang juga turut menyebabkan mereka **mengalami trauma yang teruk** dan **hidup dalam ketakutan** pada setiap masa. Hal ini telah menyebabkan **kemusnahan segala sumber ekonomi** dan sekaligus telah **melumpuhkan ekonomi negara**.<br><br>[8 *markah*] |

| **6** | Pendudukan Jepun di negara kita bermula pada tahun 1942 sehinggalah 1945. *[ms 68-79]* | **PANDUAN JAWAPAN** |
|---|---|---|
| (*a*) | Mengapakah Jepun ingin menguasai negara kita?<br><br>[4 *markah*] | F1 Mengeksploitasi kekayaan bahan mentah<br>H1a untuk keperluan perindustrian mereka<br>H1b Ekoran Pembaharuan Meiji dan operasi ketenteraan Jepun<br>C1a bijih timah dan getah di dunia<br>F2 Sasaran utama Jepun ialah Sarawak<br>H2a untuk mendapatkan sumber minyak<br>C2a Miri dan Lutong<br>F3 Menjayakan rancangan pembentukan Kawasan Lingkungan Sekemakmuran Asia Timur Raya<br>H3a untuk mengukuhkan ekonomi Jepun<br>F4 Kedudukan strategik |
| (*b*) | Terangkan perjuangan rakyat menentang Jepun berikut.<br>(i) Force 136<br><br>[4 *markah*] | (i)<br>F1 Anggota Force 136 mendapat latihan di India dan Sri Lanka<br>F2 Anggota dihantar ke Tanah Melayu untuk mendapatkan sokongan orang Melayu<br>F3 mereka menubuhkan pasukan gerila anti Jepun<br>F4 menjalankan aktiviti rahsia di Tanah Melayu /sabotaj |

| | | |
|---|---|---|
| | (ii) Operasi Semut<br>[4 *markah*] | (ii)<br>F1 Siri Operasi Peninjauan dilakukan oleh Unit Khas Z Australia<br>H1a sebagai sebahagian daripada kempen tentera Bersekutu menentang Jepun di Sarawak<br>F2 Pelaksanaan operasi oleh Jabatan Peninjauan Perkhidmatan Australia atau Australia Services Reconnaissance Department (SRD)<br>F3 Tujuan operasi untuk mengumpulkan risikan<br>F4 melatih orang tempatan melancarkan perang gerila melawan Jepun |
| (*c*) | Bagaimanakah persediaan untuk mengelakkan berlakunya peperangan di negara kita?<br>[8 *markah*] | |

| | | |
|---|---|---|
| **7** | Tokoh berikut terlibat dengan kegiatan anti-Jepun. *[ms 78-81]*<br> | **PANDUAN JAWAPAN** |
| (*a*) | Jelaskan tindakan mereka dalam menentang Jepun.<br>[6 *markah*] | **Gurchan Singh**<br>F1 Menggerakan penentangan terhadap pendudukan Jepun<br>F2 Menyebarkan risalah dan propaganda<br>F3 Memberitahu penduduk mengenai perang dan pendudukan Jepun<br>F4 Menghadiri siding akhbar tentera Jepun<br>F5 Menyamar sebagai wartawan<br>F6 Mendalangi sabotaj landasan keretapi<br><br>**Sybil Kathigasu**<br>F7 Mengendalikan klinik di Ipoh Bersama suami Dr. Abdon Clement<br>F8 Memberikan bantuan ubat-ubatan dan perkhidmatan perubatan kepada geraila anti-Jepun<br>F9 Menyembunyikan radio<br>F10 Berkongsi maklumat daripada siaran radio British dengan gerila anti-Jepun |
| (*a*) | Apakah itu fahaman komunisme?<br>_____<br>_____<br>_____<br>_____<br>_____<br>_____<br>_____<br>[4 *markah*] | F1 ideologi yang diasaskan oleh Karl Marx dan Frederich Engels.<br>F2 Menulis karya Communist Manifesto dan Das Kapital<br>F3 komunis membawa maksud orang yang menganut fahaman komunis.<br>F4 suatu fahaman politik yang menjadikan ekonomi dan barang pengguna sebagai milik negara.<br>F5 terdapat dua buah negara yang terlibat dalam penyebaran komunis iaitu China dan Indonesia. |

| | | |
|---|---|---|
| (*b*) | Terangkan penubuhan Parti Komunis Malaya (PKM) di negara kita.<br><br>[8 *markah*] | F1 Pada 30 April 1930, PKM ditubuhkan di Kuala Pilah, Negeri Sembilan.<br>F2 bergerak melalui kesatuan sekerja, pertubuhan, penerbitan akhbar dan sekolah Cina.<br>F3 Menyusup ke dalam Kesatuan Sekerja untuk mengukuhkan pengaruh komunis.<br>F4 pada zaman pendudukan jepun, PKM bertindak menjalinkan kerjasama dengan British dalam usaha memerangi Jepun.<br>F6 membentuk Malayan People's Anti-Japanese Army (MPAJA) atau Bintang Tiga<br>F7 menerima bantuan senjata, latihan, kewangan, bekalan logistik dan perubatan daripada pihak British.<br>F8 Selepas kekalahan Jepun, memberi peluang kepada PKM untuk meluaskan pengaruhnya di Tanah Melayu<br>F9 Bintang tiga melalui MPAJA keluar dari hutan dan melakukan kekacauan.<br>F10 Mereka melakukan kekejaman dan pembunuhan terhadap orang Melayu, Cina dan India yang didakwa pernah bersubahat dengan Jepun. |
| (*c*) | Baca maklumat dalam petikan berikut<br><br>Nikmat keamanan yang kita kecapi hari ini bukanlah sesuatu yang boleh diambil mudah. Lipatan sejarah tanah air telah membuktikan bahawa kemerdekaan Malaysia pada hakikatnya dibayar dengan darah dan keringat para pejuang tanah air. Mungkin ramai yang lupa bahawa ketika Malaysia masih muda dalam melangkaui alam kemerdekaan, ianya digoncang oleh pelbagai cubaan yang boleh menghancurkan masa depan sebuah negara serta rakyatnya.<br><br>Antaranya ancaman yang dihadapi oleh negara adalah pemberontakan bersenjata oleh Parti Komunis Malaya. Hari demi hari, cerita pengorbanan dan perjuangan anggota keselamatan kian dilupakan. Mungkin kita kenal atau tahu akan beberapa tragedi dan pertempuran yang menimpa pasukan keselamatan dalam menghalang penularan ideologi komunis di bumi bertuah ini.<br><br>Sumber ubah suai: http://airtimes.my ,31 Ogos 2020<br><br>Jelaskan maklumat yang terkandung dalam petikan dan kesannya terhadap negara sekiranya tidak dibanteras. | |

| | |
|---|---|
| | [8 *markah*] |

| 8 | British telah memperkasakan pasukan keselamatan dalam usaha membanteras kegiatan komunis. *[ms152-154 ]* | **PANDUAN JAWAPAN** |
|---|---|---|
| (*a*) | Huraikan peranan polis dalam membanteras komunis. [6 *markah*] | F1 Cawangan Khas menjadi pasukan risikan yang memberikan maklumat mengenai operasi PKM.<br>H1a Mereka juga menjadi pasukan yang menyamar sebagai komunis untuk mendapatkan maklumat tentang PKM.<br>F2 Special Constables dilatih dan dihantar mengawal ladang dan kawasan lombong<br>F2a Mereka emnjadi barisan hadapan dalam menghadapi ancaman komunis.<br>F3 Polis Hutan ditugaskan untuk memburu komunis, membuat rondaan di pinggir hutan, membawa bekalan makanan kepada pasukan yang bertugas di dalam hutan dan menjaga kubu.<br>F4 Senoi Praaq (Urang Perang) ditugaskan mengesan tempat persembunyian komunis di dalam hutan.<br>F5 Auxiliary Police berperanan mempertahankan bandar dan kampung dari serangan komunis<br>H5a membantu polis menentang ancaman komunis. |
| (*b*) | Pada pendapat anda, mengapakah aspek keselamatan perlu diberi perhatian dalam usaha untuk mengekalkan sebuah negara yang berdaulat? | |

[ 6 markah]

(c) Baca lirik lagu di bawah dengan teliti.

**Baju Hijau**

Si Baju Hijau
Sedang Bertugas
Di perbatasan
Peluru tak bermata
Harus waspada

Datangnya ia
Tak kenal saudara
Lawanlah ia tentu
Dengan hati semangat waja
Tanda putera setia

Gagah perkasa
Bersedia
Siang dan malam
Di persada negara

*Nyanyian: Sanisah Huri*
*Pencipta: Asnadi*
*Penulis lirik: A. Romzi*

Jelaskan ciri seorang pahlawan yang digambarkan dalam lirik lagu di atas dan terangkan cara untuk menghargai pengorbanan mereka.

[8 *markah*]

**BAB 7**
**SK 11.1 USAHA KE ARAH KEMERDEKAAN**

**BAHAGIAN A: STRUKTUR**

| | | |
|---|---|---|
| **1** | Rajah berikut ialah pertubuhan yang muncul hasil kesedaran politik yang telah mencetuskan idea negara merdeka. [BT ms 184]<br><br>**X** 1938 → **Y** 1945 → UMNO 1946 → PAS 1951 | **PANDUAN JAWAPAN** |
| (*a*) | Namakan pertubuhan yang bertanda:<br><br>X: **Kesatuan Melayu Muda**<br><br>Y: **Parti Kebangsaan Melayu Malaya**<br><br>[2 markah] | X: Kesatuan Melayu Muda<br><br>Y: Parti Kebangsaan Melayu Malaya |
| (*b*) | Jelaskan matlamat pertubuhan di 1 (a)<br><br>Matlamat pertubuhan di atas ialah **memperjuangkan kemerdekaan tanah air** melalui **konsep Melayu Raya**. Selain itu, penyatuan bangsa dan dunia Melayu berdasarkan **aspek persamaan daerah, darah, kebudayaan dan bahasa**. Akhir sekali, menjadi **satu rumpun** yang sama iaitu Melayu.<br><br>[4 markah] | F1: Memperjuangkan kemerdekaan tanah air<br>F2: Melalui konsep Melayu Raya<br>F3: Penyatuan bangsa dan dunia Melayu berdasarkan aspek persamaan daerah, darah, kebudayaan dan bahasa<br>F4: Menjadi satu rumpun yang sama iaitu Melayu<br>F5: Menanam semangat kebangsaan<br>F6: Bekerjasama dengan kaum lain bagi membentuk perpaduan |
| (*c*) | Pada pendapat anda mengapakah matlamat pertubuhan yang muncul hasil kesedaran politik penting kepada negara kita?<br><br>Pada pendapat saya, matlamat pertubuhan yang muncul hasil kesedaran politik penting kepada negara kita bagi **memperjuangkan kemerdekaan** tanah air. Selain itu, **Idea kebebasan daripada penjajahan British** perlu disebarkan secara meluas bagi **membentuk negara yang berdaulat**. Kesannya, negara dapat melahirkan rakyat yang dapat mempertahankan kedaulatan dan memiliki **semangat cintakan negara**.<br><br>[4 *markah*] | |

| | | |
|---|---|---|
| **2** | Perkembangan nasionalisme telah membawa kepada kerjasama pelbagai parti politik selepas Perang Dunia Kedua.<br><br>[BT ms 187] | **PANDUAN JAWAPAN** |
| (*a*) | Manifesto Perlembagaan Rakyat merupakan hasil Pakatan PUTERA-AMCJA.<br><br>Apakah cadangan manifesto tersebut?<br><br>_____<br>_____<br>_____<br>_____<br>_____<br>[2 *markah*] | F1: Pemerintahan sendiri<br>F2: Pembentukan Dewan Perundangan<br>F3: Penerimaan satu kewarganegaraan |
| (*b*) | Apakah tujuan persidangan dan konvensyen berikut diadakan?<br><br>(i) Persidangan Kebangsaan Febuari 1954<br><br>_____<br>_____<br>_____<br>_____<br>_____<br>[2 markah]<br><br>(ii) Konvensyen Kebangsaan Ogos 1954<br><br>_____<br>_____<br>_____<br>_____<br>_____<br>_____<br>_____<br>[2 markah] | (i)<br>F1: Membincangkan langkah membentuk gabungan parti politik kebangsaan Tanah Melayu yang bersatu<br>F2: Menuntut pilihan raya Persekutuan diadakan<br><br>(ii)<br>F1: Membincangkan usaha ke arah kemerdekaan dan masa depan Tanah Melayu<br>F2: Dihadiri oleh PAS, Persetiaan Melayu Kelantan dan Persatuan Melayu Semenanjung<br>F3: Meluluskan resolusi mendesak British mengadakan pilihan raya Persekutuan |
| (*c*) | Jelaskan kepentingan kerjasama antara kaum di negara kita.<br><br>_____<br>_____<br>_____<br>_____<br>_____<br>[4 *markah*] | |

| | | |
|---|---|---|
| **3** | Selepas Perang Dunia Kedua, British menjalankan dasar dekolonisasi iaitu menyediakan langkah berkerajaan sendiri secara beransur-ansur kepda tanah jajahannya. Kekurangan pegawai tempatan dalam perkhidmatan kerajaan menyebabkan Dato' Onn Jaafar meminta agar tindakan diambil untuk menambah peluang pentadbiran kepada wakil tempatan dalam usaha menyediakan Tanah Melayu ke arah kemerdekaan. Cadangan beliau yang selari dengan dasar British membawa kepada pembentukan Sistem Ahli.<br>[BT ms178-179] | **PANDUAN JAWAPAN** |
| (*a*) | Apakah ciri-ciri Sistem Ahli?<br>[3 *markah*] | F1 Ahli bertaraf 'menteri'<br>F2 bertanggungjawab menjaga portfolio yang menganadungi jabatan dan agensi kerajaan<br>F3 dilantik oleh Pesuruhjaya Tinggi British<br>F4 persetujuan Majlis Raja-raja<br>F5 bertanggungjawab mencadangkan undang-undang yang berkaitan dengan jabtannya untuk dibentangkan dalam Majlis Perundangan Persekutuan (MPP)<br>F6 Satu sistem kabinet bayangan |
| (b) | Jelaskan kepentingan Sistem Ahli sebagai usaha ke arah kemerdekaan negara. | F1 menyediakan asas penting untuk melatih orang tempatan ke arah berkerajaan sendiri<br>F2 memberikan pendedahan kepada penduduk tempatan untuk belajar mentadbir<br>F3 memberikan pendedahan kepada penduduk tempatan menerajui kerajaan menjelang kemerdekaan<br>F4 proses memupuk perpaduan kerana ahlinya terdiri daripda gabungan pemimpin pelbagai kaum<br>F5 menentukan kemerdekaan yang |

| | | |
|---|---|---|
| | _____<br>[3 *markah*] | diperolehi mendapat sokongan seluruh penduduk Persekutuan Tanah Melayu. |
| (*c*) | Sekiranya anda merupakan salah seorang ahli dalam Sistem Ahli pada ketika itu, apakah cadangan anda untuk memantapkan sistem pentadbiran negara?<br><br>Berikan pendapat anda.<br><br>_____<br>_____<br>_____<br>_____<br>_____<br>_____<br>_____<br>_____<br>[4 *markah*] | |

| **4** | Sistem Pendidikan kebangsaan merupakan usaha ke arah melahirkan identiti bangsa dan negara.<br>[BT ms 180 – 182] | **PANDUAN JAWAPAN** |
|---|---|---|
| (*a*) | Apakah sistem pendidikan yang dicadangkan oleh Jawatankuasa Barnes 1951?<br><br>_____<br>_____<br>_____<br>_____<br>_____<br>_____<br>_____<br>_____<br>_____<br>_____<br>[3 *markah*] | F1 Membentuk satu rupa bangsa penduduk yang menumpukan taat setia kepada Tanah Melayu<br>F2 Sekolah rendah menggunakan bahasa melayu atau bahasa inggeris sebagai bahasa penghantar<br>F3 Sekolah menengah menggunakan Bahasa Inggeris sebagai Bahasa penghantar |
| (b) | Jelaskan pendidikan di Sarawak dan Sabah menurut Laporan Woodhead.<br>_____<br>_____<br>_____<br>_____<br>_____ | F1 Memperkasakan Pendidikan peringkat rendah dan menengah<br>F2 Menitikberatkan kepentingan bahasa |

| | | |
|---|---|---|
| | _____<br>_____<br>_____<br>_____<br>[3 *markah*] | Inggeris sebagai bahasa penghantar<br>F3 Mewujudkan sitem pembiayaan Pendidikan yang teratur |
| (c) | Pada pendapat anda, apakah kepentingan pendidikan kepada masyarakat hari ini?<br>_____<br>_____<br>_____<br>_____<br>_____<br>_____<br>_____<br>_____<br>[4 *markah*] | |

| | | |
|---|---|---|
| **5** | Jadual berikut menunjukkan parti politik yang ditubuhkan di negara kita sebelum merdeka<br><br>**Parti** \| Parti **X** \| Parti **Y**<br>**Tahun** \| 1946 \| 1949<br>**Pemimpin** \| Dato Onn Jaafar \| Tan Cheng Lock<br><br>[BT ms 183 – 185] | **PANDUAN JAWAPAN** |
| (*a*) | Namakan parti politik yang bertanda<br><br>X: _____<br>Y: _____<br>[2 *markah*] | X: UMNO<br>Y;MCA |
| (b) | Terangkan perjuangan yang dilakukan oleh parti **X** di negara kita sebelum merdeka.<br>_____<br>_____<br>_____<br>_____<br>_____<br>_____<br>_____<br>_____<br>_____<br>_____<br>_____ | F1 Menyatukan Orang Melayu<br>F2 Mempertahankan hak bangsa Melayu dan kedudukan raja-raja Melayu<br>F3 Slogan "Hidup Melayu" dan memelihara "status quo" orang melayu<br>F4 1951 slogan "Merdeka" untuk perjuangan kemerdekaan melalui rundingan. |

| | | |
|---|---|---|
| | _____<br>_____<br>_____<br>_____<br>_____<br>_____<br><br>[4 *markah*] | F5 Menentang Malayan Union<br>F6 Berkerjasama dengan kaum lain untuk mencapai kemerdekaan |
| (c) | Sekiranya anda menjadi pemimpin sebuah parti politik, apakah matlamat perjuangan parti politik anda?<br><br>_____<br>_____<br>_____<br>_____<br>_____<br>_____<br>_____<br>_____<br>_____<br>_____<br>_____<br>_____<br>_____<br><br>[4 *markah*] | |

**BAB 7** **BAHAGIAN B: ESEI**
**SK 11.1 USAHA KEARAH KEMERDEKAAN**

| | | |
|---|---|---|
| **6** | "Kesamaan dan Keadilan untuk Penduduk Tanah Melayu" ialah motto yang digunakan oleh Jawatankuasa Hubungan Antara Kaum atau Communities Liaison Committee. Jawatankuasa ini ditubuhkan pada Januari 1949 yang menghimpunkan pemimpin utama masyarakat pelbagai kaum.<br>[BT ms 174 – 177] | **PANDUAN JAWAPAN** |
| (*a*) | Apakah objektif pembentukan Jawatankuasa Hubungan Antara Kaum?<br><br>Objektif pembentukan Jawatankuasa Hubungan Antara Kaum ialah **mengkaji hubungan kaum** secara mendalam dan **membetulkan keadaan politik, ekonomi dan sosial**. Hal ini supaya wujud **pembahagian yang adil** untuk semua komuniti. Selain itu, mewujudkan **keadaan harmoni** dan **muhibah** dalam kalangan penduduk di negara ini.<br>[4 *markah*] | F1: Mengkaji hubungan kaum<br>F2: Membetulkan keadaan politik, ekonomi dan sosial<br>F3: Pembahagian yang adil<br>F4: Keadaan harmoni<br>F5: Muhibah |
| (*b*) | Jelaskan peranan Jawatankuasa Hubungan Antara Kaum dalam menyelesaikan pelbagai isu yang melibatkan pertikaian antara kaum tersebut.<br><br>Jawatankuasa Hubungan Antara Kaum mencadangkan **peralihan ke arah berkerajaan sendiri** dilakukan dengan **memberikan pengalaman pilihan raya** secara berperingkat kepada penduduk Tanah Melayu. Seterusnya, CLC juga bersetuju agar orang Melayu wajar mempunyai **kedudukan istimewa** kerana menunjukkan **taat setia yang tidak berbelah bahagi** dan **mengiktiraf negara ini satu-satunya tanah air** mereka.<br><br>Di samping itu, CLC juga mencadangkan **penubuhan agensi** untuk meningkatkan ekonomi dan pendidikan. CLC bersetuju **kewarganegaraan kepada kaum bukan Melayu** penting bagi **memupuk taat setia kepada Tanah Melayu** dan Kerjasama dalam kalangan penduduk. Akhir sekali, CLC mencadangkan **sistem pendidikan yang seragam** untuk memupuk kesetiaan dan perpaduan kaum di Tanah Melayu.<br>[8 markah] | F1: mencadangkan peralihan ke arah berkerajaan sendiri dilakukan<br>H1 memberikan pengalaman pilihan raya secara berperingkat kepada penduduk Tanah Melayu<br>F2: bersetuju agar orang Melayu wajar mempunyai kedudukan istimewa<br>H2a:menunjukkan taat setia yang tidak berbelah bahagi<br>H2b: mengiktiraf negara ini satu-satunya tanah air<br>F3:Mencadangkan penubuhan agensi untuk meningkatkan ekonomi dan pendidikan<br>F4:bersetuju kewarganegaraan kepada kaum bukan Melayu penting<br>H4: memupuk taat setia kepada Tanah Melayu dan kerjasama dalam kalangan penduduk<br>F5: mencadangkan sistem pendidikan yang seragam<br>H5: memupuk kesetiaan dan perpaduan kaum di Tanah Melayu |
| (*c*) | Sekiranya anda seorang pemimpin, terangkan langkah yang sesuai dilakukan bagi mengelakkan berlakunya ketegangan kaum di negara kita.<br><br>Sekiranya saya seorang pemimpin langkah yang sesuai yang akan saya lakukan bagi mengelakkan berlakunya ketengangan kaum di negara kita ialah saya akan **bersikap adil dalam pemerintahan**. Selain itu saya akan memastikan tidak ada satu **kumpulan atau kaum yang merasa tertinggal**. Hal ini penting bagi saya memastikan semua kaum akan **menikmati faedah daripada dasar kerajaan**. Seterusnya saya akan memupuk perpaduan dalam kalangan rakyat melalui | |

| | |
|---|---|
| | **Dasar perpaduan negara** dan akan **menggunakan kaedah rundingan** dan persefahaman bagi menyelesaikan konflik antara kaum. Melalui rundingan dapat memastikan rakyat dapat mengamalkan **sikap bertolak ansur dan toleransi**. Kesannya negara akan **aman** dan **tidak berlaku perselisihan faham antara kaum**. Langkah lain ialah **memberi peluang ekonomi** yang sama rata kepada semua rakyat supaya **tidak wujud perasaan iri hati**. Akhir sekali ialah memupuk dan **menyemai budaya cintakan negara dan perpaduan** bermula dari sekolah bagi memastikan **hubungan erat** antara kaum dapat diwujudkan.<br><br>[8 *markah*] |

| | | |
|---|---|---|
| **7** | Sistem pendidikan vernakular yang diperkenalkan oleh British telah menyebabkan perpaduan dalam kalangan masyarakat sukar untuk dicapai. Ini adalah kerana sistem tersebut berkembang mengikut kaum.<br><br>Perkembangan sistem Pendidikan negara<br>Pendidikan vernakular<br>Pendidikan kebangsaan<br><br>[ms180-181] | **PANDUAN JAWAPAN** |
| (*a*) | Terangkan perkembangan sistem pendidikan vernakular di Tanah Melayu semasa penjajahan British.<br><br>[4 *markah*] | F1 sistem persekolahan berkembang mengikut kaum<br>F2 Sekolah Vernakular Melayu / Cina / Tamil / Inggeris dan<br>F3 Sekolah aliran agama<br>F4 Pembahagian di Sarawak dan Sabah terbahagi kepada sekolah vernacular Melayu, Sekolah Cina dan Sekolah mubaligh Kristian<br>F5 Sistem persekolahan yang menggunakan bahasa pengantar berlainan<br>F6 sekolah yang menggunakan bahasa ibunda sebagai bahasa pengantar<br>F7 sistem persekolahan yang menggunakan kurikulum yang berlainan. |
| (*b*) | Huraikan langkah-langkah ke arah pembentukan dasar pendidikan kebangsaan. | F1 Laporan Barnes 1951 H1a menekankan kepentingan sekolah rendah |

| | | |
|---|---|---|
| | | H1b sekolah rendah menggunakan bahasa Melayu dan bahasa inggeris sebagai bahasa pengantar<br>H1c sekolah menengah menggunakan bahasa Inggeris sebagai bahasa pengantar<br><br>F2 Laporan Fenn-Wu 1951<br>H2a mencadangkan penambahbaikan untuk menjadikan sekolah Cina sebagai institusi yang memberikan faedah kepada penduduk Tanah Melayu<br>H2b sekolah cina diteruskan secara berasingan di bawah sistem kebangsaan<br>H2c berorientasikan Tanah Melayu<br><br>F3 Ordinan Pelajaran 1952<br>H3a bertujuan membentuk sistem Pendidikan yang menggunakan bahasa rasmi persekutuan<br>H3b sekolah rendah boleh menggunakan bahasa Melayu atau Bahasa Inggeris sebagai bahasa pengantar<br>H3c sekolah menengah hanya menggunakan bahasa inggeris sebagai bahasa pengantar<br><br>F4 Laporan Woodhead di Sarawak dan Sabah 1955<br>H4a memperkasakan Pendidikan pereingkat rendah dan menengah<br>H4b menitikberatkan kepentingan bahasa Inggeris sebagai bahasa pengantar<br>H4c mewujudkan sistem pembiayaan Pendidikan yang teratur |

| | | |
|---|---|---|
| | _____<br>_____<br>_____<br>_____<br>_____<br>_____<br>_____<br>_____<br>_____<br>_____<br>_____<br>_____<br>[8 *markah*] | F5 Penyata Jawatankuasa Pelajaran 1956<br>H5a mengkaji semula sistem Pendidikan yang sedia ada<br>H5b mencadangkan satu sistem pelajaran kebangsaan yang baharu<br>H5c teras pembentukan sistem Pendidikan kebangsaan<br>H5d memupuk intergrasi dan perpaduan dalam kalangan rakyat berbilang kaum |
| (*c*) | Pada pendapat anda, bagaimanakah perpaduan dapat dicapai melalui sistem pendidikan?<br>_____<br>_____<br>_____<br>_____<br>_____<br>_____<br>_____<br>_____<br>_____<br>_____<br>_____<br>[8 *markah*] | |

| | | |
|---|---|---|
| **8** | Tokoh-tokoh berikut merupakan pemimpin pertubuhan dan parti politik yang memperjuangkan idea negara merdeka. [BT ms 184-187]<br> <br>Dr Burhanuddin al-Helmi (PKMM dan PAS) Ibrahim Haji Yaakob (KMM) | **PANDUAN JAWAPAN** |
| (*a*) | Jelaskan idea negara merdeka yang diperjuangkan oleh tokoh di atas.<br>_____<br>_____<br>_____<br>_____<br>_____<br>_____ | F1 menanam semangat kebangsaan<br>H1a bekerjasama dengan kaum lain bagi membentuk perpaduan<br>H1b mendaulatkan hak rakyat dalam politik, |

| | | |
|---|---|---|
| | [4 *markah*] | ekonomi, agama, sosial dan kebudayaan<br><br>F2 bercita-cita membina satu negara dan satu bangsa yang teguh<br>H2a bahasa Melayu sebagai bahasa kebangsaan dan bahasa rasmi yang tunggal<br>H2b Tanah Melayu merdeka dengan menjalankan hukum Islam<br><br>F3 memperjuangkan kemerdekaan tanah air melalui konsep Melayu Raya<br>H3a penyatuan bangsa dan dunia melayu<br>F4 mencapai kemerdekaan dengan jalan terbuka secara lembut dan kekerasan hanya akan digunakan sekiranya terpaksa |
| *(b)* | Mengapakah perjuangan melalui pertubuhan lebih berkesan berbanding secara individu?<br><br>[8 *markah*] | |

| | |
|---|---|
| (*c*) | Pemimpin – pemimpin pertubuhan seperti Dr Burhanuddin al-Helmi, Ibrahim Haji Yaakob dan Ahmad Boestamam dilabelkan sebgai golongan radikal dan pertubuhan mereka telah diharamkan oleh pihak British.<br><br>Mengapakah perjuangan mereka wajar dihargai oleh rakyat Malaysia?<br><br>[8 *markah*] |

**BAB**
**SK 11.2 PILIHAN RAYA**

**BAHAGIAN A: STRUKTUR**

| **1** | Pilihan raya di negara kita diadakan selaras dengan peruntukaan dalam Perlembagaan Persekutuan Malaysia dalam Bahagian VIII.<br>*[ms 194 - 196]* | **PANDUAN JAWAPAN** |
|---|---|---|
| (*a*) | Jelaskan maksud pilihan raya?<br><br>Pilihan raya merupakan **asas berkerajaan sendiri** yang memberikan **peluang rakyat memilih wakil rakyat** atau **parti yang akan membentuk kerajaan**<br>[2 *markah*] | F1 asas berkerajaan sendiri<br>F2 rakyat memilih wakil atau parti yang akan membentuk kerajaan<br>F3 menyaksikan pengamalan sistem demokrasi di sebuah negara<br>F4 pemilihan dilakukan secara sulit<br>F5 menggunakan prosedur yang telus |
| (*b*) | Jelaskan syarat yang membolehkan seseorang menjadi pengundi dan calon dalam pilihan raya Majlis Perundangan Persekutuan1955.<br>(*i*) Pengundi<br><br>Pengundi mestilah warganegara Persekutuan Tanah Melayu yang berumur 21 tahun ke atas.<br>[2 *markah*]<br><br>(*ii*) calon<br><br>Calon mestilah **warganegara** Persekutuan Tanah Melayu yang berumur **21 tahun ke atas**. Calon mestilah **tinggal di Persekutuan Tanah Melayu** dan tinggal dalam tempoh **12 bulan sebelum hari penamaan calon.**<br>[2 *markah*] | (b)(i)<br>F1 warganegara Persekutuan Tanah Melayu<br>F2 Berumur 21 tahun ke atas<br>F3 Tinggal di Persekutuan Tanah Melayu dalam tempoh 6 bulan terdahulu<br><br>(b)(ii)<br>F1 warganegara Persekutuan Tanah Melayu<br>F2 Berumur 21 tahun ke atas<br>F3 Tinggal di Persekutuan Tanah Melayu dan tinggal dalam tempoh 12 bulan sebelum hari penamaan calon<br>F4 Berpengetahuan dalam BI dan BM |
| (*c*) | Pada pandangan anda, mengapakah terdapat segelintir rakyat tidak keluar mengundi pada hari mengundi?<br><br>Rakyat tidak keluar mengundi pada hari pengundian kerana **kurang minat dan kesedaran** tentang pentingnya peranan mereka sebagai pengundi. Selain itu, **fenomena lompat parti** dalam kalangan pemimpin dan **pergolakan politik** menjadi punca rakyat tidak ingin keluar mengundi di samping menghadapi **ancaman kesihatan dan ekonomi.**<br>[4 *markah*] | |

| | | |
|---|---|---|
| **2** | Rajah berikut berkaitan dengan pilihan raya yang diadakan di Tanah Melayu sebelum merdeka.<br>[ms 197]<br> <br> | **PANDUAN JAWAPAN** |
| (*a*) | Namakan pilihan raya berikut:<br><br>X: _____<br><br>Y: _____<br><br>[2 *markah*] | **X**:Pilihan Raya Perbandaran George Town<br>Y: Pilihan Raya Majlis Perbandaran Kuala Lumpur |
| (*b*) | Apakah tujuan pilihan raya (a) di atas dijalankan?<br><br>_____<br>_____<br>_____<br>_____<br>_____<br>_____<br>_____<br><br>[2 *markah*] | F1 Memilih 9 ahli Pesuruhjaya Perbandaran George Town<br>F2 Merebut 12 kerusi Majlis Perbandaran Kuala Lumpur<br>F3 bagi Kawasan Sentul/Bangsar/Imbi/ Petaling Jaya |
| (*c*) | Jelaskan hasil pilihan raya peringkat negeri pada tahun 1954.<br><br>_____<br>_____<br>_____<br>_____<br>_____<br>_____<br>_____<br><br>[2 *markah*] | F1 Perikatan UMNO-MCA memenangi 226 daripada 228 kerusi<br>F2 Menunjukkan penerimaan masyarakat terhadap kerjasama antara kaum dalam politik negara |
| (*c*) | Pilihan raya wajar diteruskan pada masa kini. Beri alasan anda.<br><br>_____<br>_____<br>_____<br>_____<br>_____<br>_____ | |

| | |
|---|---|
| | _____<br>_____<br>_____<br>_____<br><br>[4 markah] |

| 3 | Majlis Perundangan Persekutuan 1955 terbentuk selepas kemenangan besar Parti Perikatan dalam Pilihan Raya Persekutuan Tanah Melayu pada tahun 1955. [ms 204-205] | **PANDUAN JAWAPAN** |
|---|---|---|
| (*a*) | Jelaskan keanggotaan Majlis Perundangan Persekutuan 1955.<br>_____<br>_____<br>_____<br>_____<br>_____<br>_____<br>_____<br>[2 *markah*] | F1 Tterletak di bawah kuasa raja di negeri masing-masing.<br>F2 Bagi Wilayah Persekutuan dan negeri tidak beraja, perkara ini terletak di bawah kuasa Yang di-Pertuan Agong.<br>F3 Agama rasmi |
| (*b*) | Jelaskan kesan penubuhan Majlis Perundangan Persekutuan 1955.<br>_____<br>_____<br>_____<br>_____<br>_____<br>_____<br>_____<br>_____<br>_____<br>_____<br>_____<br>_____<br>_____<br>_____<br>_____<br>_____<br>_____<br>_____<br>_____<br>_____ | F1 Kerajaan diketuai oleh Tunku Abdul Rahman<br>H1 Ketua Menteri mengambil alih tugas pentadbiran Tanah Melayu daripada Pesuruhjaya Tinggi British.<br><br>F2 Proses pertukaran dan pembaharuan berlaku secara berperingkat dan mengambil masa.<br>H2 Pesuruhjaya Tinggi British masih memegang tampuk kepimpinan peringkat atasan yang menentukan hala tuju negara.<br><br>F3 Kuasa pegawai British kini beransur-ansur dipindahkan kepada rakyat tempatan.<br>H3a masih terdapat pegawai British yang berperanan sebagai penyelia atau penasihat bidang keselamatan. |

| | | |
|---|---|---|
| | [4 *markah*] | H3b Sistem Ahli dimansuhkan.<br><br>F4 Keanggotaan MPP menyaksikan perkembangan penting amalan pentadbiran demokrasi di negara kita.<br>H4 menggambarkan kejayaan Kerajaan Persekutuan yang dibentuk dan dipimpin oleh rakyat tempatan, manakala ahlinya dipilih oleh rakyat. |
| (*c*) | Pembentukan Majlis Perundangan Persekutuan 1955 menunjukkan kompromi melalui perkongsian kuasa antara kaum. Beri hujah anda yang menyokong pernyataan di atas.<br><br>[4 markah] | |

| | | |
|---|---|---|
| **4** | Gambar menunjukkan Kabinet pertama Persekutuan Tanah Melayu selepas Pilihan Raya Umum 1955. [ms 206-207]<br>  | **PANDUAN JAWAPAN** |
| (*a*) | Nyatakan **tiga** anggota kabinet pertama Persekutuan Tanah Melayu 1955.<br><br>(i) _____<br>(ii) _____<br>(iii) _____<br><br>[3 *markah*] | F1 Tunku Abdul Rahman<br>F2 Dato' Abdul Razak Hussein F3<br>F3 V.T. Sambanthan<br>F4 H.S. Lee<br>F5 Ong Yoke Lin |
| (*b*) | Jelaskan peranan Kabinet pertama di atas.<br><br>_____<br>_____<br>_____<br>_____<br>_____<br>_____<br>_____<br>_____<br>_____<br>_____<br>_____<br>_____<br>_____<br>_____<br><br>[3 *markah*] | F1 Membincangkan soal kewangan/ keperluan org tempatan dalam perkhidmatan awam<br>F2 Menyambung sistem yang digunapakai dalam MPP<br>F3 Berasaskan Model Wastminster<br>F4 Mengurangkan kuasa pentadbiran British<br>F5 meminta kuasa veto Pesuruhjaya Tinggi British dibatalkan<br>F6 membincangkan isu keselalmatan dalam negeri dan pertahanan |
| (*c*) | Kepimpinan berwibawa penting kepada pembangunan negara. Beri komen anda.<br>_____<br>_____<br>_____<br>_____<br>_____<br>_____<br><br>[4 *markah*] | |

**BAB 8** **BAHAGIAN B: ESEI**
**SK 11.2 PILIHAN RAYA**

| | | |
|---|---|---|
| **5** | Maklumat berikut berkaitan dengan pilihan raya. *[ms 22-27]*<br><br>Pilihan raya adalah satu proses demokrasi di mana undian digunakan untuk memilih calon yang sesuai untuk mewakili rakyat di parlimen. Ia merupakan suatu mekanisme demokrasi untuk memilih calon yang sesuai untuk memenuhi jawatan-jawatan penggubal undang-undang, eksekutif, perundangan dan kerajaan tempatan.<br><br>Sumber: https://ms.m.wikipedia.org/wiki/Pilihan_raya | **PANDUAN JAWAPAN** |
| (*a*) | Terangkan sejarah pilihan raya majlis perbandaran pertama di Tanah Melayu.<br><br>Pilihan raya majlis perbandaran pertama iaitu Pilihan Raya Perbandaran George Town di adakan di George Town, Pulau Pinang pada tahun 1951. Tujuan pilihan raya tersebut diadalan adalah untuk memilih Sembilan orang ahli Pesuruhjaya Perbandaran George Town. Sebelumnya, ahli dalam Majlis Perbandaran dilantik oleh Gabenor Negeri-Negeri Selat. Hari pendaftaran pemilih diadakan selama enam minggu mulai 17 Mei 1951 hingga 30 Jun 1951. Seramai 14 514 orang pengundi mendaftar untuk membuang undi dalam pilihan raya ini.<br><br>[4 *markah*] | |
| (*b*) | Terangkan proses pilihan raya Majlis Perundangan Persekutuan 1955.<br><br>Suruhanjaya Penentuan Sempadan Kawasan ditubuhkan dan berjaya membentuk 52 kawasan pilihan raya pada 26 April 1954. Kemudian, pada Ogos 1954 Rang Undang-undang diluluskan bagi membolehkan pilihan raya diadakan. Hal ini membolehkan pendaftaran pengundi dilakukan mulai 18 Oktober 1954 di seluruh Tanah Melayu, manakala di Terengganu bermula 29 Oktober 1954.<br><br>Seterusnya, penamaan calon dibuat pada 15 Jun 1955. Oleh itu, kempen pilihan raya telah dijalankan selama 45 hari sehingga hari mengundi pada 27 Jun 1955. Setelah pengundian selesai, peti undi dibawa ke pusat pengiraan undi dan proses pengiraan undi dilakukan. Langkah terakhir yang dilakukan ialah membuat pengumuman keputusan undian pilihan raya berkenaan.<br><br>[6 *markah*] | |
| (*c*) | Berdasarkan pengetahuan sejarah anda, apakah syarat yang perlu dipenuhi bagi seseorang yang berhasrat menjadi calon dalam pilihan raya di Malaysia?<br><br>Syarat yang perlu dipenuhi bagi seseorang yang berhasrat menjadi calon dalam pilihan raya di Malaysia ialah mestilah **warganegara Malaysia** yang berumur **21 tahun dan ke atas**. Selain itu, calon haruslah **bermastautin** di dalam bahagian pilihan raya berkenaan. Seterusnya calon mestilah **tidak hilang kelayakan dari segi perundangan** iaitu **tidak muflis** dan tidak dikenakan **tahanan penjara**.<br><br>[5 *markah*] | |

| | |
|---|---|
| (*d*) | Gambar berikut berkaitan dengan pilihan raya di Malaysia.<br><br> <br><br><br>Bincangkan langkah Suruhanjaya Pilihan Raya (SPR) dalam memastikan proses pilihan raya bebas dan telus.<br><br>Suruhanjaya Pilihan Raya (SPR) mempunyai peranan yang besar dalam memastikan proses pilihan raya bebas dan telus dengan menjadi badan yang **bebas daripada mana-mana pengaruh parti politik**. Malah SPR bertanggungjawab **memastikan hanya pengundi berdaftar sahaja yang layak mengundi. Selain** itu, **gejala rasuah** seperti **pembelian undi harus dihentikan**. Hal ini dapat dilakukan dengan **menguatkuasakan Akta Kesalahan Pilihan Raya 1954 secara adil** dan saksama.<br><br>SPR juga harus memastikan **media bebas untuk memberi liputan** yang seimbang dan adil untuk semua parti yang bertanding. Semua parti politik yang bertanding mesti **menghentikan budaya politik kotor** yang merosakkan imej negara. Seterusnya, penggunaan **dakwat kekal** pada jari pengundi kerana boleh mengelakkan pengundian berulang.<br><br>[5 *markah*] |

| **6** | Pilihan raya merupakan satu proese memilih wakil rakyat untuk membentuk Kerajaan sama ada pada peringkat persekutuan atau negeri. *[ms 196-205]* | **PANDUAN JAWAPAN** |
|---|---|---|
| (*a*) | Jelaskan syarat-syarat menjadi pengundi dan calon pilihan raya Majlis Perundangan Persekutuan.<br>_____<br>_____<br>_____<br>_____<br>_____<br>_____<br>_____<br>_____<br>_____<br>_____<br>_____<br>_____<br>_____<br>_____<br>_____<br>_____<br>[6 *markah*] | F1 Pengundi mestilah warganegara Persekutuan Tanah Melayu<br>F2 Berumur 21 tahun ke atas<br>F3 Tinggal di Persekutuan Tanah Melayu dalam tempoh 6 bulan terdahulu<br><br>**Manakala calon pilihan raya mestilah**<br><br>F4 warganegara Persekutuan Tanah Melayu<br>F5 Berumur 21 tahun ke atas<br>F6 Tinggal di Persekutuan Tanah Melayu dan tinggal dalam tempoh 12 bulan sebelum hari penamaan calon<br>F7 Berpengetahuan dalam BI dan BM |

(*b*) Maklumat berikut berkaitan manifesto Parti Perikatan dalam Pilihan Raya Umum 1955.

> Dalam kempen pilihan raya umum 1955, Parti Perikatan telah menggunakan manifesto berikut iaitu mencapai kemerdekaan dalam masa empat tahun, mewajibkan Pendidikan kepada semua kaum, menjadikan perkhidmatan awam bercorak tempatan, menjaga hak asasi manusia serta melindungi hak Raja-Raja Melayu sebagai Raja Berperlembagaan. Sesunguhnya manifesto ini telah berjaya menawan hati pengundi sehingga terbukti dengan kejayaan Parti Perikatan memenangi hampir 100% kerusi yang dipertandingkan.
>
> Sumber: http://www.arkib.gov.my/web/guest/pilihanraya-umum-pertama-19554.

Sekiranya anda mewakili parti yang bertanding dalam pilihan raya yang akan datang, apakah manifesto yang akan anda gunakan untuk mempengaruhi pengundi?

[6 *markah*]

(*c*) Pada pandangan anda, mengapakah sesebuah parti perlu berusaha menunaikan manifesto mereka?

[8 *markah*]

| 7 | Kabinet pertama Persekutuan Tanah Melayu merupakan satu langkah ke arah mewujudkan sebuah kerajaan sendiri. *[ms 206 - 207]* | **PANDUAN JAWAPAN** |
|---|---|---|
| (*a*) | Perihalkan pembentukan kabinet pertama Persekutuan Tanah Melayu.<br>[4 *markah*] | F1 dibentuk selepas pilihan raya umum 11955<br>F2 memainkan pelbagai peranan ke arah berkerajaan sendiri<br>F3 Tunku Abdul Rahman sebagai Ketua Menteri<br>H3 dan berkuasa menubuhkan kabinet<br>F4 ditubuhkan secara rasmi pada 4 Ogos 1955<br>F5 oleh Sir Donald MacGillivary, Pesuruhjaya Tinggi British<br>F6 memastikan pentadbiran negara berjalan dengan lancar |
| (*b*) | Jelaskan keanggotaan dan peranan kabinet pertama Persekutuan Tanah Melayu.<br>[8 *markah*] | F1 Dianggotai 10 orang Menteri<br>F2 Tiga orang pegawai British<br>H2 Memegang portfolio Setiausaha Kewangan, Setiausaha Hal Ehwal Ekonomi dan Setiausaha Pertahanan.<br>F3 Mendapat perkenan Raja-Raja Melayu<br>F4 Memastikan pentadbiran negara berjalan dengan lancar<br>F5 Membincangkan soal kewangan/ keperluan org tempatan dalam perkhidmatan awam<br>F6 Menyambung sistem yang digunapakai dalam MPP<br>H6 Berasaskan Model Wastminster<br>F7 Mengurangkan kuasa pentadbiran British<br>F8 meminta kuasa veto Pesuruhjaya Tinggi British dibatalkan<br>F9 membincangkan isu keselalmatan dalam negeri dan pertahanan |

(*c*) Teliti keratan akhbar di bawah dengan teliti.

> Kita perlu belajar daripada pengalaman kepimpinan negara sebelum ini. Rakyat mengharapkan anggota kabinet dilantik bersih dan tidak terpalit sebarang kes rasuah serta penyelewengan.
>
> Ini penting untuk pemimpin yang benar-benar bebas sebarang sabitan atau kes rasuah sahaja, layak memimpin negara. Malah, ia menghantar isyarat jelas kepada rakyat bahawa mereka tidak berkompromi dengan rasuah.
>
> Untuk rekod, jika ada pertuduhan kepada Ahli Parlimen dan Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) mengenai amalan rasuah, dokumen perisytiharan harta boleh menjadi bukti ia sudah diambil maklum oleh kerajaan negeri atau persekutuan.
>
> Kajian sikap juga menunjukkan antara ciri utama pemilihan pengundi ialah calon tidak terbabit atau terpalit rasuah. Malah, kajian saya mendapati pengundi mengharap agar calon mesti berintegriti tinggi, jujur, Amanah dan bertanggungjawab. Personaliti calon memang menjadi keumataan, selain anak tempatan dan turun padang.
>
> Sumber: *https://www.bharian.com.my/kolumnis/2020/03/665473/integriti-ceminan-personaliti-pemimpin*

Jelaskan maklumat yang terkandung dalam petikan diatas dan kesannya sekiranya kita gagal memilih pemimpin yang sedemikian.

_____
_____
_____
_____
_____
_____
_____
_____
_____
_____
_____
_____
_____
_____
_____

[8 *markah*]

**BAB 9** **BAHAGIAN A: STRUKTUR**
**SK 11.3 PERLEMBAGAAN PERSEKUTUAN TANAH MELAYU 1957**

| | | |
|---|---|---|
| **1** | Pada tahun 1956, wakil rombongan kemerdekaan ke London terdiri daripada wakil Raja-raja Melayu dan wakil Parti Perikatan.<br>[ms 216-219] | **PANDUAN JAWAPAN** |
| (*a*) | Nyatakan tiga kepentingan misi rundingan rombongan ke London.<br><br>**(i) Membincangkan hal keselamatan**<br><br>**(ii) Menjelaskan hubungan British- Tanah Melayu**<br><br>**(iii) Menggubal perlembagaan negara yang merdeka**<br>[3 *markah*] | F1 Rundingan kemerdekaan/ taraf berkerajaan sendiri<br>F2 Membincangkan hal keselamatan<br>F3 Menjelaskan Hubungan British-Tanah Melayu<br>F4 Menggubal perlembagaan negara yang merdeka |
| (*b*) | Jelaskan kejayaan yang dicapai oleh rombongan tersebut?<br><br>Antara kejayaan yang dicapai oleh rombongan tersebut ialah persetujuan British **memberikan kemerdekaan** kepada Tanah Melayu. Tarikh kemerdekaan yang dicadangkan ialah pada **31 Ogos 1957**. Selain itu kedua pihak bersetuju membentuk **Suruhanjaya Perlembagaan**. Pembentukan suruhanjaya perlembagaan ini bertujuan **merangka perlembagaan** negara kita. Seterusnya negara kita mendapat jaminan **keselamatan dan pertahanan**<br>[3 *markah*] | F1 Persetujuan British memberikan kemerdekaan kepada Tanah Melayu.<br>H1a Tarikh kemerdekaan ialah 31 Ogos 1957<br>F2 Membentuk Suruhanjaya Perlembagaan<br>H2a Merangka perlembagaan<br>F3 Mendapat jaminan keselamatan dan pertahanan |
| (*c*) | Pengiystiharan kemerdekaan di Banda Hilir, Melaka mendapat sambutan yang meriah. Berikan ulasan anda.<br><br>Tunku Abdul Rahman dan rombongan selamat **tiba di Lapangan Terbang Batu Berendam**, Melaka pada 20 Februari 1956. Rombongan disambut meriah dengan **diarak hingga ke Padang Hilir Melaka.** Malah terdapat lebih kurang **100 ribu orang** datang dari seluruh negara menyambut kedatangan rombongan ini. **Mereka berkumpul dan mendengar ucapan** mengenai tarikh kemerdekaan. **Tunku Abdul Rahman memaklumkan** tarikh kemerdekaan pada 31 Ogos 1957. Rakyat yang hadir juga **melaungkan " Merdeka** " apabila mendengar pengumuman tersebut.<br>[4 *markah*] | |

| | | |
|---|---|---|
| **2** | British mengumumkan pembentukan Suruhanjaya Perlembagaan Persekutuan Tanah Melayu (Suruhanjaya *Reid*) pada 8 Mac 1956 setelah mendapat persetujuan Raja-raja Melayu.<br><br>[ms 220-221] | **PANDUAN JAWAPAN** |
| (*a*) | Senaraikan anggota Suruhanjaya Perlembagaan Persekutuan Tanah Melayu.<br><br>(i) _____<br><br>(ii) _____<br>[2 *markah*] | F1 Lord Reid<br>F2 Sir William Ivor Jennings<br>F3 Sir William Mckell<br>F4 Hakim B. Malik<br>F5 Hakim Abdul Hamid |
| (*b*) | Terangkan gerak kerja Suruhanjaya Perlembagaan Persekutuan Tanah Melayu.<br><br>_____<br>_____<br>_____<br>_____<br>_____<br>_____<br>_____<br>_____<br>_____<br>_____<br>_____<br>_____<br>_____<br>_____<br>[4 *markah*] | F1 Meminta cadangan daripada daripada semua penduduk<br>H1a Secara lisan/ bertulis<br>H1b daripada pelbagai pihak<br>F2 Meneliti kedudukan perlembagan negeri<br>H2a Menghadap Raja-raja Melayu/ Menteri Besar / Penasihat British / Pegawai Negeri<br>H2b Bermesyuarat dan melawat negeri Melayu dan NNS<br>F3 Mengadakan persidangan<br>H3a Terdapat 118 persidangan<br>H3b Mengkaji / Membuat laporan perlembagaan |
| (*c*) | Suruhanjaya Perlembagaan Persekutuan telah melaksanakan tugas dengan sebaiknya.<br>Buktikan pernyataan ini.<br><br>_____<br>_____<br>_____<br>_____<br>_____<br>_____<br>_____<br>_____<br>_____<br>_____<br>_____<br>_____<br>_____<br>_____<br>_____<br>_____<br>[4 *markah*] | |

| | | |
|---|---|---|
| **3** | Suruhanjaya Perlembagaan Persekutuan Tanah Melayu telah menerima 131 memorandum secara bertulis daripada pelbagai pihak. [ms 222] | **PANDUAN JAWAPAN** |
| (*a*) | Apakah cadangan Raja-raja Melayu dalam memorandum tersebut? _____ [3 *markah*] | F1 Persekutuan yang merdeka mempunyai seorang Ketua Negara yang dikenali sebagai Yang di-Pemuan Agong.<br>F2 Yang di-Pertuan Agong harus dipilih oleh Raja-raja Melayu berdasarkan kekananan.<br>F3 Tempoh.iawatan yang dicadangkan sebagai Yang di-Pertuan Agong ialah lima tahun.<br>F4 Yang di-pertuan Agong boleh meletakkan jawatan dengan persetujuan Mallis Raja-Raja.<br>F5 Raja-raja Melayu melindungi kedudukan istimewa orang Melayu dan kepentingan sah kaum lain |
| (*b*) | Jelaskan memorandum oleh parti politik dan pihak awam berkaitan dengan soal kewarganegaraan serta bahasa dan pendidikan? [3 *markah*] | F1 Parti Perikatan menyuarakan cadangan melalui Testament Amanah Politik Perikatan<br>F2 Beberapa pihak dalam UMNO menolak pemberian kewarganegaraan *jus soli*<br>F3 Dewan Perniagaan Melayu memohon mengetatkan soal kewarganegaraan<br>F4 Persatuan Dewan Perniagaan Se-Malaya menggesa suruhanjaya membuat peruntukan bagi kewarganegaraan menerusi kelahiran<br>F5 Masyarakat India menuntut kewarganegaraan mereka diteliti<br>F6 Masyarakat Serani mahu hak mereka dipertahankan<br>F7 MCA menuntut semua sekolah yang ada dari aliran bahasa Inggeris dan Vernakular diteruskan<br>F8 Mencadangkan semua sekolah kebangsaan mempelajari bahasa Inggeris, Melayu, Cina dan Tamil |
| (*c*) | Pada pendapat anda apakah kepentingan sikap keterbukaan yang ditunjukkan oleh Suruhanjaya Perlembagaan dalam menerima 131 memorandum kepada negara kita hari ini? _____ | |

| | |
|---|---|
| | _____<br>_____<br>_____<br>_____<br>_____<br>_____<br>_____<br>_____<br>_____<br>_____<br>_____<br>[4 *markah*] |

| | | |
|---|---|---|
| **4** | Perjanjian Persekutuan Tanah Melayu 1957 telah memberikan kemerdekaan mutlak kepada Persekutuan Tanah Melayu.<br>[ms 224-225] | **PANDUAN JAWAPAN** |
| (*a*) | Nyatakan inti pati Perjanjian Persekutuan Tanah Melayu 1957<br>(i)_____<br>_____<br>(ii)_____<br>_____<br>(iii)_____<br>_____<br>[3 *markah*] | F1 Pengamalan Raja Berpelembagaan dan Sistem Demokrasi Berpalimen<br>F2 Kewarganegaraan<br>F3 Kedudukan istimewa orang Melayu dan kepentingan sah kaum lain<br>F4 Kedudukan agama Islam |
| (*b*) | Jelaskan cara kewarganegaraan diberikan kepada rakyat mengikut Perlembagaan Persekutuan 1957?<br>_____<br>_____<br>_____<br>_____<br>_____<br>_____<br>_____<br>_____<br>_____<br>_____<br>_____<br>[3 *markah*] | H1 Setiap orang yang dilahirkan dalam Persekutuan pada atau selepas hari merdeka akan menjadi warganegara<br>H2 Kerwarganegaraan diberikan dengan tiga cara<br>H3 Cara pertama melalui penguatkuasaan undang-undang/ (Perkara 14)<br>H4 Cara kedua memohon didaftarkan sebagai rakyat (Perkara 15)<br>H5 Cara ketiga memohon untuk menukar kewarganegaraan atau naturalisasi (Perkara 19) |
| (*c*) | Apakah kesan perjanjian tersebut kepada negara bangsa Malaysia?<br>_____<br>_____<br>_____<br>_____<br>_____ | |

| | |
|---|---|
| | _____<br>_____<br>_____<br>_____<br>_____<br>_____<br>_____<br>_____<br>_____<br>[4 *markah*] |

**BAB 9** **BAHAGIAN B: ESEI**
**SK 11.3 PERLEMBAGAAN PERSEKUTUAN TANAH MELAYU 1957**

| **5** | Suruhanjaya Perlembagaan Persekutuan Tanah Melayu mengeluarkan draf perlembagaan selepas meneliti memorandum daripada pelbagai pihak. [ms 222-223] | **PANDUAN JAWAPAN** |
|---|---|---|
| (*a*) | Apakah draf perlembagaan yang dikeluarkan oleh Suruhanjaya Perlembagaan Persekutuan Tanah Melayu?<br><br>Antara draf perlembagaan Persekutuan Tanah Melayu ialah **meneruskan sistem kerajaan Persekutuan** dengan **negeri mempunyai kuasa tertentu.** Selain itu**, sistem kewarganegaraan** berasaskan *jus soli* kepada semua yang lahir di Tanah Melayu. Seterusnya draf tersebut juga mencadangkan **kedudukan istimewa orang melayu** diteruskan. Malah raja-raja diterima dengan **konsep Raja Berpelembagaan** dengan seorang Yang Dipertuan Agong dipilih bagi Persekutuan Tanah Melayu. Akhir sekali **sebuah parlimen** dengan dua Majlis Mesyuarat iaitu Dewan Negara dan Dewan Rakyat dibentuk.<br><br>[6 *markah*] | F1 Meneruskan sistern kerajaan Persekutuan<br>H1 negeri mempunyai kuasa tertentu<br>F2 Sistem kewarganegaraan berasaskan jus soli kepada semua yang lahir di Tanah Melayu.<br>F3 Kedudukan istirnewa orang Melayu diteruskan.<br>F4 Raja-raja diterima dengan konsep Raja Berperlembagaan<br>H4a dengan seorang Yang di-pertuan Agong dipilih bagi Persekutuan Tanah Melayu.<br>F5 Sebuah parlirnen dengan dua Mitjlis Mesyuarat<br>H5 iaitu Dewan Negara dan Dewan Rakyat dibentuk |
| (*b*) | Jelaskan reaksi pelbagai pihak terhadap draf Perlembagaan Persekutuan Tanah Melayu?<br><br>Terdapat **ahli UMNO tidak bersetuju dengan konsep *jus soli*** kerana bimbang kedudukan istimewa orang Melayu tergugat.Mereka **mencadangkan agama Islam mestilah diakui sebagai agama rasmi** dan mencadangkan **Bahasa Melayu dijadikan bahasa rasmi. Parti PAS mengkritik soal kewarganegaraan** dianggap tidak menjaga kepentingan orang Melayu. Mereka mencadangkan **kedudukan agama Islam menjadi asas pemerintahan** dan juga mencadangkan **Bahasa Melayu dijadikan bahasa rasmi.** Dato Onn Jaafar dari **Pati Negara menolak syarat kewarganegaraan yang longgar**. Parti Negara, PAS dan Parti Rakyat **mengadakan kongres untuk membincangkan draf perlembagaan** ini Sebahagian **pertubuhan masyarakat Cina ingin menjadikan bahasa Mandarin sebagai bahasa kebangsaan** dan **MIC mahukan syarat kewarganegaraan dan bahasa Tamil diberikan perhatian.**<br><br>[6 *markah*] | F1 Terdapat ahli UMNO tidak bersetuju dengan konsep *jus soli*<br>H1a bimbang kedudukan istimewa orang Melayu tergugat<br>H1b Mencadangkan Agama Islam mestilah diakui sebagai agama rasmi<br>H1c Mencadangkan Bahasa Melayu dijadikan bahasa rasmi<br>F2 Parti PAS mengkritik soal kewarganegaraan dianggap tidak menjaga kepentingan orang Melayu<br>H2a Mencadangkan kedudukan agama Islam menjadi asas pemerintahan |

| | | |
|---|---|---|
| | | H2b Mencadangkan Bahasa Melayu dijadikan bahasa rasmi<br>F3 Dato Onn Jaafar dari Pati Negara menolak syarat kewarganegaraan yang longgar<br>H3a Parti Negara, PAS dan Parti Rakyat mengadakan kongres untuk membincangkan draf perlembagaan ini<br>F4 Sebahagian pertubuhan masyarakat Cina ingin menjadikan bahasa Mandarin sebagai bahasa kebangsaan<br>F5 MIC mahukan syarat kewarganegaraan dan bahasa Tamil diberikan perhatian |
| (*c*) | Pada pendapat anda apakah kepentingan perlembagaan kepada sesebuah negara? Jelaskan.<br><br>Perlembagaan penting bagi mengekalkan kedaulatan negara. Selain itu, perlembagaan penting bagi memastikan pentadbiran kerajaan yang adil dan telus. Kesetiaan rakyat kepada raja dan negara juga diperkukuhkan. Perpaduan kaum juga dapat diperkukuhkan. Di samping itu, hak asasi rakyat juga dipelihara dan dilindungi. Hal ini dapat mewujudkan masyarakat yang bertoleransi dan saling menghormati tanpa mewujudkan sebarang diskriminasi. Menerusi perlembagaan, keselamatan dan kesejahteraan juga dipelihara. Kesannya, imej negara meningkat.<br><br>[8 *markah*] | |

| | | |
|---|---|---|
| **6** | Suruhanjaya Perlembagaan Persekutuan Tanah Melayu ditubuhkan pada 8 Mac 1956 setelah mendapat persetujuan Raja-raja Melayu.<br><br>[ms 220-221] | **PANDUAN JAWAPAN** |
| (*a*) | Jelaskan terma rujukan suruhanjaya tersebut dalam melaksanakan peranannya.<br><br>_____<br>_____<br>_____<br>_____<br>_____<br>_____<br>_____<br>_____<br>_____<br>_____<br>_____<br>_____<br>_____<br>_____<br>[6 *markah*] | F1 Memeriksa aturan perlembagan TM<br>F2 Mengambil kira martabat Ratu England dan Raja-raja Melayu<br>F3 Melindungi kepentingan Raja-raja Melayu<br>H3a Sebagai Raja Berpelembagaan<br>F4 Mencadangkan jawatan Ketua Negara bagi YDPA<br>F5 Menyediakan bentuk kewarganegaraan bagi PTM<br>F6 Menjaga kedudukan istimewa orang Melayu |
| (*b*) | Jelaskan cabaran negara dalam mengekalkan keluhuran Perlembagaan.<br><br>_____<br>_____<br>_____<br>_____<br>_____ | |

[6 *markah*]

(*c*) "Prinsip Rukun Negara semakin dilupakan"

Sumber: https://www.sinarharian.com.my/. *1 Mac 2023*

Mengapakah perkara tersebut berlaku? Berikan cadangan bagi mengatasi perkara tersebut.

[8 *markah*]

**BAB 10** **BAHAGIAN A: STRUKTUR**
**SK 11.4 PEMASYHURAN KEMERDEKAAN**

| | | |
|---|---|---|
| **1** | Kemerdekaan negara pada 31 Ogos 1957 merupakan peristiwa yang penuh pengertian bagi negara kita. *[ms 234)]* | **PANDUAN JAWAPAN** |
| (*a*) | Apakah maksud kemerdekaan?<br><br>Kemerdekaan merupakan **bebas daripada cengkaman kuasa asing.** Seterusnya **bebas menentukan pemerintahan/ hala tuju negara.**<br><br>[2 *markah*] | F1 Bebas daripada cengkaman kuasa asing<br>F2 Bebas menentukan pemerinthan/ hala tuju negara<br>F3 Bebas berfikir/ bertindak<br>F4 negara yang berdaulat<br>F5 Sayang negara sepenuh hati |
> Antara kelebihan lain bagi sistem demokrasi berparlimen ialah,kecekapan pentadbiran Negara yang sistematik telah dibentuk dan segala permasalahan dapat diselesaikan melalui rundingan. Hal ni dapat mengekalkan keamanan dan keharmonian Negara. Dengan itu, perancangan pembangunan kerajaan dapat mudah diatur. Disamping itu,kerjasama dalam masyarakat dapat ditingkatkan. Keadaan ini dapat mengurangkan tekanan antarabangsa. Akhir sekali, Sistem ini juga dapat memperkukuhkan perpaduan dan menjamin kestabilan politik yang secara tidak langsung menarik pelaburan asing bagi membantu perkembangan sistem industri Negara.
>
> Sumber :( *http://luintannanaa.blogspot.com/2015/03/kelebihan-sistem-demokrasi-berparlimen.html)*

Jelaskan maklumat yang terkandung dalam petikan tersebut dan berikan komen anda.

[8 *markah*]

| | | |
|---|---|---|
| **8** | Rajah berikut merupakan ciri amalan Demokrasi berparlimen dan pengasingan kuasa di negara kita<br> <br><br>*[ms 52-55]* | **PANDUAN JAWAPAN** |
| (*a*) | Mengapakah amalan pilihan raya penting dalam menentukan wujudnya amalan Demokrasi berparlimen di negara kita?<br>[6 *markah*] | F1 diadakan secara dalam tempoh lima tahun sekali<br>F2 Parti politik yang terlibat<br>H2 memperoleh mandat daripada rakyat untuk membentuk kerajaan<br>F3 Kempen pilihan raya diadakan<br>H3a Memboleh rakyat mengenali calon<br>H3b manifesto parti yang bertanding<br>F4 Undian dilakukan menggunakan prosedur yang telus dan sistematik<br>H4 Undi adalah rahsia untuk menjamin keabsahan |
| (*b*) | Pengasingan kuasa diamalkan sejak negara kita mencapai kemerdekaan. Bagaimanakah pengasingan kuasa tersebut dilakukan? | F1 Kuasa pemerintahan dibahagikan kepada tiga<br>H1 Badan perundangan, Badan Eksekutif dan Badan Kehakiman<br>F2 YDPA sebagai ketua utama negara merupakan punca kuasa kepada tiga badan tersebut<br>F3 Badan perundangan menggubal /meminda undang-undang<br>H3a di peringkat Kerajaan Persekutuan/Parlimen |

| | | |
|---|---|---|
| | [6 *markah*] | H3b Di peringkatn negeri di buat oleh Dewan Undang Negeri(DUN)<br>F4 Badan Eksekutif melaksanakan kuasa eksekutif mengikut Perlembagaan Persekutuan<br>H4a Peringkat Persekutuan ialah Jemaah Menteri<br>H4b Peringkat kerajaan Negeri ialah Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri<br>F5 Badan kehakiman bertanggungjawab mentafsirkan/ melaksanakan/melaksanakan undang-undang<br>H5a diketuai oleh Ketua Hakim Negara.<br>H5b berperanan untuk mengadili pertikaian antara pemerintah dengan rakayt atau sesama rakyat |
| (*c*) | Sejauh manakah pengasingan kuasa dalam pentadbiran dapat menjamin kesejahteaan hidup rakyat?<br><br>[8 *markah*] | |

| | | |
|---|---|---|
| **9** | Rajah berikut menunjukkan keunikan Demokrasi Berparlimen di negara kita.<br><br>Keunikan Amalan Demokrasi Berparlimen<br>Gabungan unsur tradisional dan moden<br>Mekanisme semak dan imbang<br>Kuasa budi bicara Raja<br>Kerjasama politik<br><br>*[ms 56-57]* | **PANDUAN JAWAPAN** |
| (*a*) | Jelaskan keunikan amalan Demokrasi berparlimen berikut:<br>i) Mekanisme semak dan imbang<br>ii) Kuasa budi bicara raja<br><br>[6 *markah*] | **i) Mekanisme semak dan imbang**<br>F1 Berlaku melalui pengasingan kuasa<br>F2 Pemerintahan beraja<br>H2a mengimbangi pemerintahan demokrasi kecuali dalam hal politik, ekonomi dan dasar negara<br>H2b Meredakan konflik yang berlaku dalam demokrasi seperti pertikaian parti politik<br>F3 Badan perundangan<br>H3a menggubal undang-undang yang dilaksanakan oleh Badan Eksekutif<br>F4 Badan Kehakiman<br>H4a menyelesaikan sebarang konflik dan kekeliruan yang timbul<br>II) Kuasa Budi bicara Raja<br>F5 YDPA tidak perlu mendengar atau menurut nasihat ketua kerajaan dalam perkara tertentu<br>F6 Raja mempunyai kuasa budi bicara melantik Perdana Menteri<br>H6 tidak memperkenankan permintaan pembubaran Parlimen<br>F7 Raja dan YDPN mempunyai kuasa melantik Menteri Besae/Ketua Menteri<br>H7 Tidak memperkenankan pembubaran DUN |
| (*b*) | Pada hari ini, kerjasama dan gabungan parti politik pelbagai kaum telah dibentuk. Malah tampok pemerintahan kita hari ini diterajui oleh gabungan parti pelbagai kaum. Berdasarkan penilaian anda, mengapakah berlaku kejayaan tersebut ? | |

[6 *markah*]

(*c*) Bagaimanakah pengamalan Demokrasi Berparlimen mampu membawa negara kita terus mencapai kegemilangan yang berterusan pada masa akan dating?

[8 *markah*]

**BAB 4** **BAHAGIAN A: STRUKTUR**
**SK 12.4 SISTEM PERSEKUTUAN ( KERAJAAN PERSEKUTUAN DAN KERAJAAN NEGERI)**

| | | |
|---|---|---|
| **1** | Negeri Sembilan telah mengamalkan Sistem Persekutuan pada tahun 1895. [ ms 66 ] | **PANDUAN JAWAPAN** |
| (*a*) | Apakah maksud konfederasi ?<br><br>Konfederasi bermaksud **gabungan antara negeri yang berdaulat dalam satu ikatan yang longgar** . [ 2 markah ] | F1 Gabungan antara negeri .<br><br>F2 dalam satu ikatan yang longgar. |
| (*b*) | Jelaskan sejarah pembentukan Konfederasi Negeri Sembilan.<br><br>Sejarah pembentukan Konfederasi Negeri Sembilan **iaitu Luak Tampin, Rembau dan Seri Menanti disatukan** sebagai **Konfederasi Seri Menanti** dan **bersetuju menerima seorang Residen British**. Kemudian satu **perjanjian ditandatangani antara Yamtuan Besar Seri Menanti dengan Undang.**<br><br>[ 4 markah] | F1 Luak Tampin, Rembau dan Seri Menanti disatukan.<br>F2 Konfederasi Seri Menanti<br>F3 Bersetuju menerima seorang Residen British.<br>F4 Perjanjian ditandatangani antara Yamtuan Besar Seri Menanti dengan Undang. |
| (*c*) | Mengapakah bermusyawarah penting dalam membuat keputusan ?<br><br>Bermusyawarah penting dalam membuat keputusan supaya dapat **menyatukan pendapat yang berbeza** dan **penyelesaian masalah dicapai secara bersama.** Selain itu, **memastikan keadilan** dan **memuaskan hati semua pihak**<br><br>[4 *markah*] | |

| | | |
|---|---|---|
| **2** | Rajah berikut merupakan latar belakang sistem Persekutuan di negara kita. [ *ms 66 & 67* ]<br><br>  <br> | **PANDUAN JAWAPAN** |
| (*a*) | Nyatakan sistem Persekutuan yang bertanda :<br><br>i)**X** :_____<br><br>ii)**Y**:_____<br>[ 2 markah] | F1 Majlis Mesyuarat Persekutuan 1927<br><br>F2 Kesatuan Malaya 1946 ( Malayan Union ). |

| | | |
|---|---|---|
| (*b*) | Mengapakah Majlis Mesyuarat Persekutuan distruktur semula pada tahun 1927 ?<br>_____<br>_____<br>_____<br>_____<br>_____<br>_____<br>[ 2 *markah*] | F1 Memperkemas tadbir urus Persekutuan .<br>F2 Mengukuhkan kedudukan British |
| (c ) | Jelaskan kepentingan pembentukan Persekutuan Tanah Melayu 1957 .<br>_____<br>_____<br>_____<br>_____<br>_____<br>_____<br>[ 2 *markah* ] | F1 Mewujudkan sebuah Kerajaan Persekutuan yang kuat.<br>H1 bagi melicinkan pentadbiran negara |
| (d) | Pada pendapat anda, bagaimanakah mengukuhkan sistem Persekutuan yang diamalkan di negara kita ?<br>_____<br>_____<br>_____<br>_____<br>_____<br>_____<br>_____<br>_____<br>[4 *markah*] | |

| | | |
|---|---|---|
| **3** | Pentadbiran Kerajaan Malaysia dibahagikan kepada tiga peringkat, iaitu Kerajaan Persekutuan , Kerajaan Negeri dan Kerajaan Tempatan.<br>[ *ms 68 & 69* ] | **PANDUAN JAWAPAN** |
| (*a*) | Nyatakan perkara yang terkandung dalam:<br>(i) Senarai Persekutuan:<br>_____<br>(ii) Senarai Negeri:<br>_____<br>[ 2 markah] | (i) Senarai Persekutuan:<br>F1 Hal ehwal luar negeri<br>F2 Pertahanan<br>F3 Keselamatan<br>F4 Pentadbiran keadilan<br>F5Kewarganegaraan<br>F6 Kewangan<br>F7 Perhubungan dan pengangkutan<br>F8 Pelajaran |

| | | |
|---|---|---|
| | | F9 Perubatan dan kesihatan<br><br>ii) Senarai Negeri:<br>F1 Undang-undang Islam<br>F2 Tanah<br>F3 Pertanian dan Perhutanan<br>F4 Kerajaan Tempatan<br>F5 Hari kelepasan negeri |
| (*b*) | Bagaimanakah pembahagian kuasa oleh Perlembagaan Persekutuan kepada Kerajaan Persekutuan dan Kerajaan Negeri dilaksanakan ?<br><br>[ 4 markah] | F1 Perlembagaan Persekutuan memperuntukkan kuasa yang khusus antara Kerajaan Persekutuan dengan Kerajaan Negeri.<br><br>F2 Meliputi kuasa perundangan .<br><br>F3 Meliputi kuasa pemerintahan.<br><br>F4 Peruntukan kuasa lebih besar diberikan pada peringkat Persekutuan. |
| (c) | Pada pendapat anda, apakah manfaat daripada pembahagian kuasa antara Kerajaan Persekutuan dengan Kerajaan Negeri?<br><br>[4 *markah*] | |

| | | |
|---|---|---|
| **4** | Kerjasama antara Kerajaan Persekutuan dengan Kerajaan Negeri penting untuk memastikan segala usaha pembangunan dapat memberikan manfaat demi kesejahteraan rakyat di seluruh negara.<br>[ *ms 72 , 76 & 77* ] | **PANDUAN JAWAPAN** |
| (*a*) | Nyatakan **dua** bentuk kerjasama antara Kerajaan Persekutuan dengan Kerajaan Negeri.<br>(i)_____<br>(ii) _____<br>[ 2 *markah*] | F1 Pembangunan sosioekonomi.<br>F2 Pemeliharaan Khazanah negara.<br>F3 Perumahan<br>F4Keselamatan |
| (*b*) | Bagaimanakah kerajaan membantu rakyat untuk memiliki rumah sendiri ?<br>_____<br>[ 4 *markah*] | F1 Perumahan awal kemerdekaan.<br>H1 Menyediakan perumahan kos rendah di bandar.<br>F2 Perumahan untuk mengatasi masalah kemiskinan.<br>H2a Membina rumah untuk rakyat berpendapatan rendah.<br>H2b Mengenalpasti penyediaan perumahan untuk menyelesaikan masalah kekurangan rumah.<br>H2c Menghapuskan kemiskinan.<br>C2 Program Perumahan Rakyat (PPR) untuk membina perumahan awam.<br>F3 Perumahan mampu milik<br>H3aMemperkenalkan program khusus untuk membolehkan golongan pertengahan memiliki rumah.<br>C3a Program peringkat persekutuan iaitu Perbadanan Perumahan 1 Malaysia (PRIMA)<br>C3bProgram peringkat negeri iaitu Rumah Selangor (Selangor) |

| | |
|---|---|
| (c) | Kerjasama antara Kerajaan Persekutuan dengan Kerajaan Negeri sangat penting.<br><br>Adakah anda bersetuju dengan pernyataan tersebut? Jelaskan.<br><br>[4 *markah*] |

| | | |
|---|---|---|
| **5** | Sistem Persekutuan yang diamalkan di Malaysia adalah kukuh dan stabil.<br>[ *ms 80 & 81* ] | **PANDUAN JAWAPAN** |
| (*a*) | Apakah faktor yang mengukuhkan sistem Persekutuan ?<br><br>[ 2 markah] | F1 Konsep Keluhuran Perlembagaan.<br>F2 Penyelarasan yang baik antara Kerajaan Persekutuan dengan Kerajaan Negeri. |
| (*b*) | Jelaskan Majlis Negara yang dibentuk untuk menyelaraskan pentadbiran Kerajaan Persekutuan dengan Kerajaan Negeri. | F1 Majlis Kewangan Negara.<br>H1aMentadbir hal ehwal berkaitan dengan kewangan.<br>C1a Pemberian wang, bayaran cukai dan pinjaman kerajaan Persekutuan kepada Kerajaan Negeri.<br>F2 Majlis Tanah Negara |

| | | |
|---|---|---|
| | _____<br>_____<br>_____<br>_____<br>_____<br>_____<br>_____<br>_____<br>_____<br>_____<br>_____<br>_____<br>[ 4 markah] | H2a Membentuk dasar dan mengawal penggunaan tanah.<br>C2a Pertanian, Perlombongan dan perhutanan.<br>F3 Majlis Negara bagi Kerajaan Tempatan.<br>H3a Perundingan Kerajaan Persekutuan dan juga Kerajaan Negeri<br>H3b Untuk membangunkan Kerajaan Tempatan. |
| (c) | Gambar berikut merujuk kepada kompleks Perdana Putra iaitu pusat pentadbiran Malaysia.<br> <br>Mengapakah sistem pentadbiran yang sistematik penting kepada negara ?<br>_____<br>_____<br>_____<br>_____<br>_____<br>_____<br>_____<br>_____<br>_____<br>_____<br>_____<br>_____<br>_____<br>_____<br>[4 *markah*] | |

**BAB 4** **BAHAGIAN B: ESEI**
**SK 12.4 SISTEM PERSEKUTUAN ( KERAJAAN PERSEKUTUAN DAN KERAJAAN NEGERI)**

| | | |
|---|---|---|
| **6** | Pembentukan Sistem Persekutuan di negara kita merupakan penerusan tradisi sejarah.<br>[ *ms 66 &67* ] | **PANDUAN JAWAPAN** |
| (*a*) | Apakah yang anda faham tentang sistem Persekutuan ?<br><br>Persekutuan bermaksud **penyatuan beberapa buah negeri** dan **membentuk sebuah negara bersekutu**. Dalam negara Persekutuan **wujudnya Kerajaan Persekutuan dan Kerajaan Negeri** serta **pembahagian kuasa dalam sistem pentadbiran**.<br>[4 *markah*] | F1 Penyatuan beberapa buah negeri.<br>F2 Membentuk sebuah negara bersekutu.<br>F3 Wujud Kerajaan Persekutuan dan Kerajaan Negeri.<br>F4 Pembahagian kuasa dalam sistem pentadbiran. |
| (*b*) | Jelaskan latar belakang Persekutuan Tanah Melayu 1948 dan Persekutuan Tanah Melayu 1957.<br><br>Latar belakang Persekutuan Tanah Melayu 1948 ialah **gabungan Sembilan buah negeri Melayu** dan **dua buah Negeri-Negeri Selat**. Perjanjian Persekutuan Tanah Melayu 1948 **menetapkan kuasa Kerajaan Persekutuan dan Kerajaan Negeri**.Selain itu, **Pesuruhjaya Tinggi British dilantik sebagai ketua Persekutuan.**<br><br>Latar belakang Persekutuan Tanah Melayu 1957 ialah **Persekutuan Tanah Melayu yang merdeka telah muncul pada 31 Ogos 1957** telah **mewujudkan sebuah Kerajaan Persekutuan yang kuat** dan **melicinkan pentadbiran**. Di samping itu, **jawatan Yang di-Pertuan Agong diwujudkan**<br>[ 8 markah] | F1 Gabungan sembilan buah negeri Melayu .<br><br>F2 Dua buah Negeri -Negeri Selat.<br><br>F3 Menetapkan kuasa Kerajaan Persekutuan dan Kerajaan Negeri.<br><br>F4 Pesuruhjaya Tinggi British sebagai ketua Persekutuan.<br><br>F5 Persekutuan Tanah Melayu merdeka pada 31 Ogos 1957.<br><br>F6 Mewujudkan sebuah Kerajaan Persekutuan yang kuat.<br><br>F7 Melicinkan pentadbiran<br><br>F8 Jawatan Yang di-Pertuan Agong diwujudkan. |
| (*c*) | Berdasarkan pengetahuan sejarah anda, jelaskan tentang Kerajaan Persekutuan Malaysia.<br><br>. Berdasarkan pengetahuan sejarah saya, Kerajaan Persekutuan Malaysia **berpusat di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur** di mana **pentadbirannya berpusat di Putrajaya**. Malaysia merupakan **sebuah persekutuan yang terdiri daripada 13 negeri** dan mengamalkan pemerintahan **Raja berperlembagaan dan demokrasi berparlimen**.<br><br>Selain itu, Perlembagaan Persekutuan Malaysia merupakan **undang-undang tertinggi** dan **menjadi panduan Kerajaan Persekutuan Malaysia**. Di samping itu, Kerajaan Persekutuan Malaysia **menerapkan prinsip pengasingan kuasa** iaitu mempunyai **tiga cabang terdiri daripada badan eksekutif, perundangan dan kehakiman.**<br>[ 8 markah ] | |

| 7 | Sistem Persekutuan di negara kita mempunyai latar belakang sejarah tersendiri iaitu bermula pada tahun 1896 hingga tahun 1963. [ *ms 66 & 67* ] | **PANDUAN JAWAPAN** |
|---|---|---|
| (*a*) | Terangkan pembentukan Persekutuan pada tahun 1896.<br>[4 *markah*] | F1 Peluasan pengaruh British.<br>F2 Empat buah negeri Melayu ditubuhkan.<br>F3 Dikenali sebagai Negeri-Negeri Melayu Bersekutu.<br>C3 Perak, Pahang, Selangor dan Negeri Sembilan.<br>F4 Keputusan dibuat oleh Residen Jeneral.<br>F5 Kuala Lumpur sebagai pusat pentadbiran Negeri-Negeri Melayu Bersekutu. |
| (*b*) | Terangkan sejarah pembentukan sistem Persekutuan di negara kita sebelum pembentukan Persekutuan Tanah Melayu pada tahun 1948. | F1 Persekutuan 1896<br>H1a Menggabungkan 4 buah negeri Melayu<br>H1b Dikenali Negeri-negeri Melayu Bersekutu<br>H1c – Tiada agihan kuasa antara Kerajaan Persekutuan dan Kerajaan Negeri<br>H1d Residen Jeneral bertanggungjawab membuat keputusan<br>F2 Majlis Mesyuarat Persekutuan 1927<br>H2a Memperkemas tadbir urus persekutuan |

| | | |
|---|---|---|
| | [8 *markah*] | H2b Mengukuhkan kedudukan British di negeri Melayu<br>F3 Kesatuan Melayu 1946 (Malayan Union)<br>H3a Menyatukan semua negeri Melayu serta Pulau Pinang dan Melaka<br>H3b Membentuk sebuah kerajaan kesatuan<br>H3c Pembentukan sebuah kerajaan pusat<br>H3d Di bawah Gabenor British<br>H3e Mendapat bantahan daripada Raja-raja Melayu dan orang Melayu |

(*c*) Jadual di bawah menunjukkan pembentukan Sistem Persekutuan di Malaysia pada tahun 1948 sehingga 1963.

| | |
|---|---|
| 1948 | Persekutuan Tanah Melayu |
| 1957 | Persekutuan Tanah Melayu 1957 |
| 1946 | Persekutuan Malaysia 1963 |

Mengapakah pembentukan Sistem Persekutuan tersebut diangggap penting dalam pentadbiran negara kita ?

[8 *markah*]

| 8 | Kerajaan Persekutuan dan Kerajaan Negeri mempunyai Senarai Bersama . Kerajaan Tempatan diletakkan di bawah kuasa Kerajaan Negeri. *[ms 70 & 71]* | **PANDUAN JAWAPAN** |
|---|---|---|
| (*a*) | Apakah yang anda faham tentang Senarai Bersama?<br>[4 *markah*] | F1 Perkara yang membolehkan Parlimen dan Dewan Undangan Negeri menggubal undang-undang untuk perkara yang sama.<br>F2 Sekiranya ada percanggahan, undang-undang yang diluluskan oleh Parlimen harus dipatuhi.<br>F3 Kebajikan awam<br>F4 Biasiswa<br>F5 Perlindungan haiwan liar dan taman negara.<br>F6 Perancangan bandar dan luar bandar.<br>F7 Kesihatan awam, kebersihan dan pencegahan penyakit.<br>F8 Kebudayaan dan Sukan.<br>F9 Perumahan |
| (b) | Jelaskan peruntukan tambahan diberikan dalam Senarai Negeri dan Senarai Bersama bagi Sarawak dan Sabah. | F1 Kerajaan Negeri Sarawak dan Sabah diberi kuasa tambahan bagi menyesuaikan kemasukan negeri berkenaan ke dalam Persekutuan Malaysia.<br>F2 Selaras permintaan/syarat dalam 20 Perkara.<br>F3Tambahan kepada Senarai Negeri .<br>C3 Seperti undang-undang dan adat anak negeri, Mahkamah Anak Negeri dan Kereta api di Sabah.<br>F4 Tambahan Senarai Bersama.<br>F5 Seperti undang-undang diri berhubung dengan perkahwinan , penceraian, penjagaan anak, nafkah dan sebagainya.<br>F6 Berkaitan dengan undang-undang keluarga .<br>F7 Penyelidikan pertanian dan perhutanan, pengawalan makhluk perosak/pencegahan penyakit tumbuhan.<br>F8 Pilihan raya bagi Dewan Negeri.<br>F9 Kuasa Imigresen.<br>F10 Di bawah Akta Imigresen 1963, Kerajaan Negeri Sarawak dan Sabah diberi kuasa. |

| | | |
|---|---|---|
| | [ 8 markah] | F11 Mengekalkan kuasa kawalan, kemasukan dan kediaman di negeri-negeri berkenaan . |
| (c) | Kerajaan Tempatan telah membawa kemakmuran kepada masyarakat. Buktikan.<br><br>[8 *markah*] | |

| | | |
|---|---|---|
| **9** | Malaysia merupakan negara yang terkenal dengan kekayaan flora dan fauna.Kerajaan telah mewujudkan Kawasan perlindungan seperti taman negara dan taman laut.<br>*[ms 74 & 75]* | **PANDUAN JAWAPAN** |
| (*a*) | Bagaimanakah kerajaan menguruskan Taman Negara?<br><br>[6 *markah*] | F1 Akta Perlindungan Hidupan Liar 1972[Akta 76]diwujudkan.<br>F2 Digantikan dengan Akta Pemuliharaan Hidupan Liar 2010.<br>F3 Kerajaan Persekutuan mengambil alih pentadbiran semua Jabatan Mergastua Negeri di Semenanjung Malaysia.<br>F4 Jabatan Mergastua dinamakan sebagai Jabatan Perlindungan Hidupan Liar.<br>F5 Pengurusan taman negara di Sarawak terletak di bawah pengurusan Perbadanan Perhutanan Sarawak.<br>F6Sabah terletak di bawah Jabatan Hidupan Liar Sabah. |

| | | |
|---|---|---|
| (b) | Terangkan cara kerajaan memulihara Taman Laut di negara kita.<br><br>[ 6 markah] | F1 Terdapat 42 buah pulau<br>H1a di Perairan Kedah, Terengganu, Pahang, Johor, Sabah dan Labuan<br>H1b diwartakan sebagai taman laut sejak 1994<br>F2Kerajaan Persekutuan membentuk dasar berkaitan dengan taman laut<br>F3Penyelarasan pentadbiran taman laut<br>H3amelalui Mesyuarat Majlis Penasihat Kebangsaan Taman Laut dan Rizab Laut<br>H3bdianggotai Kerajaan Persekutuan dan Kerajaan Negeri<br>F4Penubuhan Jabatan Taman Laut Malaysia 2007<br>H4Agensi kerajaan bertanggungjawab dalam dasar pengurusan<br>F52018, pengurusan taman laut dipindahkan ke Jabatan Perikanan Malaysia<br>F6Kawasan marin di Sabah, dibawah Kerajaan Negeri |
| (c) | Baca maklumat dalam petikan berikut.<br><br>**Tiga Pulau Akan Diwartakan Taman Laut Negara**<br><br>MELAKA – tiga pulau bakal menjadi pulau pertama di Melaka untuk diwartakan sebagai Taman Laut Negara.<br><br>Timbalan Menteri Pertanian dan Industri Makanan 1 (MAFI), Datuk Seri Ahmad Hamzah berkata, bagaimanapun pewartaan di Pulau Undan, Pulau Nangka dan Pulau Dodol belum mempunyai tarikh khusus dan sedang menunggu keputusan Kerajaan Negeri.<br><br>Katanya, ketiga-tiga pulau ini memiliki keunikan khazanah lautnya tersendiri dan melalui pewartaan ini kelestarian kepelbagaian biodiversiti marin di kawasan perairan akan lebih terjamin.<br><br>**Sumber:** ***sinarharian.com.my/article/164761/EDISI/Tiga-pulau-akan-diwarta-Taman-Laut-Negara***<br><br>Jelaskan maklumat yang terkandung dalam petikan tersebut dan peranan anda untuk menjaga khazanah laut di negara kita. | |

| | |
|---|---|
| | [8 *markah*] |

| 10 | Penyelarasan pentadbiran dibuat antara Kerajaan Persekutuan dengan Kerajaan Negeri menjamin sistem Persekutuan beroperasi dengan berkesan. *[ms 80 & 81]* | **PANDUAN JAWAPAN** |
|---|---|---|
| (*a*) | Bagaimanakah penyelarasan pentadbiran dibuat antara Kerajaan Persekutuan dengan Kerajaan Negeri ? | F1Penyelarasan pentadbiran dibuat melalui Mesyuarat Menteri Besar dan Ketua Menteri serta majlis khas<br>F2Mesyuarat Menteri Besar dan Ketua Menteri dipengerusikan oleh Perdana Menteri<br>H2Dihadiri oleh Menteri Besar dan Ketua Menteri<br>F3Mesyuarat membincangkan pelaksanaan sesuatu dasar yang diputuskan oleh kerajaan<br>F4Perlembagaan Persekutuan memperuntukkan penubuhan Majlis Negara untuk menyelaraskan pentadbiran Kerajaan Persekutuan dengan Kerajaan Negeri<br>F5Majlis Kewangan Negara<br>H5Mentadbir hal ehwal kewangan<br>C5Pemberian wang, bayaran cukai dan pinjaman Kerajaan Persekutuan kepada Kerajaan Negeri<br>F6Majlis Tanah Negara<br>H6Membentuk dasar dan mengawal penggunaan tanah untuk kegiatan pertanian, perlombongan, perhutanan dan sebagainya |

| | | |
|---|---|---|
| | [9 *markah*] | F7Majlis Negara bagi Kerajaan Tempatan<br>H7Perundingan Kerajaan Persekutuan dan juga Kerajaan Negeri untuk membangunkan Kerajaan Tempatan<br>F8Perhubungan antara Kerajaan Persekutuan dengan Kerajaan Negeri dibuat melalui majlis yang ditubuhkan oleh kerajaan<br>F9Majlis Keselamatan Negara<br>F10Majlis Air Negara<br>F11Majlis Perumahan Negara |
| (b) | Gambar di bawah menunjukkan mesyuarat khas .<br> <br><br>Jelaskan maklumat yang terkandung dalam gambar tersebut. | F1 Mesyuarat dipengerusikan oleh Perdana Menteri.<br>F2 Dihadiri oleh Menteri Besar dan Ketua Menteri.<br>F3 Membincangkan pelaksanaan sesuatu dasar yang diputuskan oleh kerajaan.<br>F4 Mesyuarat khas Menteri Besar dan Ketua Menteri pada 17 Mac 2020.<br>F5 Untuk menyelaras Perintah Kawalan Pergerakan ( PKP) di seluruh negara.<br>F6 Bagi mengawal wabak Coronavirus atau COVID-19. |

| | | |
|---|---|---|
| | _____<br>_____<br>_____<br>[ 5 markah] | |
| (c) | Penyelarasan Kerajaan Persekutuan dengan Kerajaan Negeri mengukuhkan sistem Persekutuan di negara kita. Bagaimanakah hal ini boleh berlaku? Berikan hujah anda.<br><br>_____<br>_____<br>_____<br>_____<br>_____<br>_____<br>_____<br>_____<br>_____<br>_____<br>_____<br>_____<br>_____<br>_____<br>_____<br>_____<br>_____<br>_____<br>_____<br>_____<br>[6 *markah*] | |

**BAB 5** **BAHAGIAN A: STRUKTUR**
**SK 13.1 GAGASAN PEMBENTUKAN MALAYSIA**

| | | |
|---|---|---|
| **1** | Berikut adalah kenyataan akhbar Tunku Abdul Rahman berkaitan penggabungan wilayah-wilayah pada 21 Mei 1961. [BT ms 92-93]<br><br>Tanah Melayu mengadakan persefahaman dengan British dan rakyat-rakyat di wilayah-wilayah Singapura, Sabah, Brunei dan Sarawak dan suatu rancangan hendaklah diadakan untuk merapatkan lagi perhubungan wilayah-wilayah ini<br><br>*-Tunku Abdul Rahman –Majlis makan tengah hari yang dianjurkan oleh Foreign Correspondents Association of Southeast Asia di Singapura* | **PANDUAN JAWAPAN** |
| (*a*) | Namakan dua tokoh tempatan yang pernah mencadangan gabungan wilayah-wilayah di Alam Melayu sebelum 1961?<br>(i) Ibrahim Hj Yaakob<br>(ii) Ahmad Boestaman<br><br>[2 *markah*] | F1 Ibrahim Hj Yaakob<br>F2 Harun Aminurrashid<br>F3 Ahmad Boestaman<br>F4 Ishak Haji Muhammad<br>F5 Dr. Burhanuddin al-Helmi<br>F6 Tunku Abdul Rahman Putra al-Haj<br>F7 Datu Mustapha Datu Harun |
| (*b*) | Mengapakah idea penggabungan wilayah -wilayah di atas dianggap rasional dan mendapat sokongan pelbagai pihak?<br><br>Idea penggabungan wilayah-wilayah di atas dianggap rasional dan mendapat sokongan pelbagai pihak kerana dapat menjamin keselamatan terutama bagi membendung ancaman komunis di Singapura dan Sarawak. Selain itu penggabungan wiyilah-wilayah di atas juga akan mewujudkan keseimbangan komposisi penduduk antara orang Melayu dan orang Cina melalui penggabungan Sarawak, Sabah dan Brunei<br><br>[4 *markah*] | F1 Aspek keselamatan<br>H1a Ancaman Komunis di Singapura<br>H1b Menggugat keselamatan PTM<br><br>F2 Membentuk keseimbangan komposisi penduduk<br><br>H2a penggabungan PTM & Singapura dibimbangi<br>H2b akan mewujudkan ketidakseimbangan antara orang Melayu dan Cina<br>H2c Penggabungan Sarawak, Sabah & Brunei akan menyeimbangkan komposisi kaum<br>F3 Mempercepatkan kemerdekaan<br>H3a Merealisasikan rancangan dekolonisasi British<br>H3b mempercepatkan kemerdekaan wilayah Borneo<br>F4 Pembangunan wilayah<br>H4a usaha mempercepatkan |

| | | |
|---|---|---|
| | | pembangunan<br>H4b Meningkatkan taraf hidup peribumi |
| (*c*) | Bagaimanakah keadaan negara hari ini sekiranya idea penggabungan tidak berjaya dibentuk?<br><br>Keadaan negara hari ini sekiranya idea penggabungan tidak berjaya dibentuk ialah Sabah dan Sarawak lambat memperoleh kemerdekaan .Selain itu kekacauan dan ketidakstabilan negara berlaku dalam tempoh masa yang panjang . Di samping itu ekonomi negara merudum akibat ketidakstabilan politik serta sumber bahan mentah mudah dieksploitasi negara lain . Keadan lain ialah komunis dapat menguatkan pengaruh mereka<br><br>[4 *markah*] | |

| | | |
|---|---|---|
| **2** | Pengumuman pembentukan Malaysia pada 27 Mei 1961 oleh Tunku Abdul Rahman Putra al-Haj di Hotel Adelphi Singapura telah mendapat reaksi daripada pelbagai pihak sama ada menerima baik cadangan tersebut atau menentangnya. | **PANDUAN JAWAPAN** |
| (*a*) | Nyatakan pihak tempatan yang menerima baik cadangan tersebut .<br><br>(i) _____<br>(ii) _____<br>(iii) _____<br><br>[3 *markah*] | F1 Penduduk /pemimpin politik TM<br>F2 UMNO menyokong<br>F3 ERJASA/PANAS/ PESAKA/SCA<br>F3 SNAP akhirnya Menyokong<br>F4 Parti Perikatan Sarawak<br>F5 USNO<br>F6 Parti Perikatan Sabah<br>F7 PAP<br>F8 Golongan pedagang/ pengusaha industri<br>F9 Parti Buruh Singapura<br>F10 Sultan Brunei<br>F11 Rakyat Brunei |
| (*b*) | Bagaimanakah reaksi negara jiran terhadap cadangan pembentukan Malaysia?<br><br>_____<br>_____<br>_____<br>_____<br>_____<br>_____<br>_____<br><br>[4 *markah*] | F1 Indonesia peringkat awal tidak menentang.<br>F2 Filipina menentang<br>F3 menuntut wilayah Sabah<br>F4 Thailand menerima idea pembentukan Malaysia<br>F5 Pembentukan Malaysia memperkuatkan usaha keamanan rantau AT |
| (*c*) | Muafakat membawa berkat.<br>Mengapakah amalan muafakat ini penting dalam menjayakan pembentukan Malaysia?<br><br>_____<br>_____<br>_____<br>_____<br><br>[4 *markah*] | |

| | | |
|---|---|---|
| **3** | Pelbagai usaha dilakukan untuk merealisasikan pembentukan Malaysia. [ms. 98-102] | **PANDUAN JAWAPAN** |
| (*a*) | Apakah dua cara yang dilakukan untuk merealisasikan pembentukan Malaysia?<br>(i) _____<br>(ii) _____<br>[2 *markah*] | F1 LSiri awatan<br>F2 Jawatankuasa Setia Kawan Malaysia<br>F3 Referendum Singapura<br>F4 Rundidngan London<br>F5 Suruhanjayaa Cobbold<br>F6 Jawatankuasa Antara Kerajaan |
| (*b*) | Pembentukan Malaysia berasaskn rundingan dan keputusan bersama penduduk yang terlibat. Buktikan<br>_____<br>_____<br>_____<br>_____<br>_____<br>_____<br>_____<br>_____<br>_____<br>_____<br>[4 *markah*] | |
| (*c*) | Kejayaan pembentukan Malaysia adalah hasil kebijaksanaan pemimpin negara. Berikan ulasan anda..<br>_____<br>_____<br>_____<br>_____<br>_____<br>_____<br>_____<br>_____<br>_____<br>_____<br>[4 *markah*] | |

| | | |
|---|---|---|
| **4** | Gambar berikut berkaittan dengan Perjanjian Julai 1963 yang turut dikenali sebagai Perjanjian Malaysia. [ms103-104]<br> <br>Tunku Abdul Rahman Putra al-Haj mengadakan siding akhbar pada 6 Julai 1963 di kuala Lumpur mengumumkan akan ke London bagi menghadiri majlis menandatangani Perjanjian Pembentukan Malaysia, ***Sumber: Arkib Negara Malaysia***. | **PANDUAN JAWAPAN** |
| (*a*) | .Nyatakan inti pati Perjanjian Julai 1963<br><br>(i) _____<br>_____<br><br>(ii) _____<br>_____<br>[2 *markah*] | F1 Tarikh Pembentukan Malaysia pada 31 Ogos 1963<br>F2 Sarawak. Sabah,Singapura menjadi ahli dalam Persekutuan Malaysia bersama Persekutuan Tanah Melayu<br>F3 Kerajaan British mengiktiraf kedaulatan Sabah, Sarawak & Singapura dalam Malaysia<br>F4 Memberi kelebihan kepada Sabah & Sarawak membentuk Kabinet Negeri. |
| (*b*) | Jelaskan kepentingan Perjanjian tersebut kepada kita hari ini.<br><br>_____<br>_____<br>_____<br>_____<br>_____<br>_____<br>_____<br>_____<br>_____<br>_____<br>[4 *markah*] | |

**BAB 5** **BAHAGIAN B: ESEI**
**SK 13.1 GAGASAN PEMBENTUKAN MALAYSIA**

| | | |
|---|---|---|
| **5** | Maklumat berikut berkaitan dengan peristiwa penentangan Indonesia terhadap rancangan pembentukan Malaysia<br><br>Kerajaan Indonesia tidak menentang pada peringkat awal rancangan pembentukan Malaysia. Penentangan mula muncul selepas Pemberontakan Brunei 7 Disember 1962, apabila Tuanku Abdul Rahman Putra al-Haj membuat kenyataan bahawa Indonesia terlibat membantu pemberontakkan<br><br>*[ms 106-109]* | **PANDUAN JAWAPAN** |
| (*a*) | Bagaimanakah Indonesia menunjukkan rasa tidak puas hati terhadap pembentukan Malaysia ?<br><br>Indonesia menunjukkan rasa tidak puas hati terhadap pembentukan Malaysia dengan melancarkan dasar Konfrantasi terhadap Tanah Melayu melalui konsep Ganyang Malaysia. Selain daripada itu Indonesia juga memutuskan hubungan diplomatic dengan Malaysia serta melancarkan propaganda memburuk-burukkan rancangan pembentukan Malaysia. Indonesia juga melancarkan serangan gerila di Sarawak dan Johor. Contohnya pendaratan tentera dan separa tentera Indonesia di Tebedu Sarawak. Pendaratan tentera juga di Labis Johor. Di samping itu berlaku peristiwa berbalas tembakan antara tentera Malaysia dan Indonesia di Kalabakan, Sabah.<br><br>[ 6 markah] | F1 Dasar konfrontasi<br>H1a Ganyang Malaysia<br>H1b Mengancam kedudukan Indonesia<br>F2 Memutuskan hubungan diplomatik dengan Malaysia<br>F3 Propaganda memburuk-burukkan rancangan pembentukan Malaysia<br>F4 Serangan gerila di Sarawak dan Johor<br>H4a Pendaratan gerila di Labis, Johor<br>H4b Pendaratan tentera dan separa tentera Indonesia di Tebedu, Sarawak<br>F5 Peristiwa berbalas tembakan antara tentera Malaysia dan Indonesia di Kalabakan, Sabah. |
| (*b*) | Pada pendapat anda, apakah faktor utama yang membolehkan Malaysia menyelesaikan masalah dengan Indonesia tanpa melibatkan konflik yang lebih besar?<br><br>Faktor utama yang membolehkan Malaysia menyelesaikan masalah dengan Indonesia tanpa melibatkan konflik yang lebih besar ialah Malaysia bertindak secara diplomatik dengan membawa isu serangan Indonesia ke dalam Majlis Keselamatan PBB. Selain itu Malaysia menyusun strategi melalui Kementerian Luar Negeri yang berjaya mematahkan kempen propaganda dan mendapat sokongan negara luar. Di samping itu Malaysia menggunakan kaedah rundingan dengan pemimpin kerajaan Indonesia dan Persekutan Tanah Melayu. Presiden Macapagal menganjurkan rundingan peringkat pegawai di Manila, manakala Tunku Abdul Rahman Putra al-Haj menerima undangan Presiden Seokarno untuk bertemu di Tokyo.<br><br>[ 6 markah] | |

| | |
|---|---|
| (*c*) | Baca maklumat dalam petikan berikut<br><br>Panglima Tentera Laut Diraja Malaysia (TLDM) Laksamana Datuk Seri Panglima Ahmad Kamarulzaman Ahmad Badaruddin berkata, sikap ingin tahu dan keprihatinan masyarakat menyebabkan ada yang terperdaya tanpa sedar dan akhirnya menyertai atau menyokong golongan pengganas.<br>"Rakyat jangan mudah terpengaruh dengan dakyah atau fahaman songsang yang cuba dibawa oleh anasir luar yang berkepentingan menggugat keharmonian dan keamanan negara.<br>"Masyarakat perlu bertanggungjawab menjaga kedaulatan dan keamanan negara dengan memastikan anak-anak mendapat pendidikan, ilmu pengetahuan dan bimbingan yang secukupnya,".<br>Menurut beliau, pasukan keselamatan khususnya TLDM sentiasa bersiap sedia menangani sebarang bentuk ancaman pada bila-bila masa.<br>Kamarulzaman berkata, TLDM akan menggunakan pendekatan yang lebih holistik dalam menghadapi ancaman keselamatan pada masa ini.<br>*Sumber : https://www.utusanborneo.com.my 29 Januari 2016*<br><br>Jelaskan maklumat yang terkandung dalam petikan tersebut dan kesan terhadap negara sekiranya tidak berwaspada terhadap anasir luar.<br><br>Maklumat yang terkandung dalam petikan tersebut ialah masyarakat ada yang terperdaya tanpa sedar dan akhirnya menyertai atau menyokong golongan pengganas. Selain itu rakyat juga mudah terpengaruh dengan dakyah atau fahaman songsang yang cuba dibawa oleh anasir luar . Oleh itu masyarakat perlu bertanggungjawab menjaga kedaulatan dan keamanan negara dengan memastikan anak-anak mendapat pendidikan, ilmu pengetahuan dan bimbingan yang secukupnya. Disamping itu pasukan keselamatan khususnya TLDM sentiasa bersiap sedia menangani sebarang bentuk ancaman pada bila-bila masa dengan menggunakan pendekatan yang lebih holistik dalam menghadapi ancaman keselamatan pada masa ini.<br><br>Kesan terhadap Negara sekiranya tidak berwaspada terhadap anasir luar ialah akan menggugat kedaulatan negara akibat pencerobohan anasir luar. Ini akan menggugat kestabilan politik dan keharmonian masyarakat. Akhirnya ekonomi negara akan dikuasai oleh pihak luar .<br><br>[8 *markah*] |

| | | |
|---|---|---|
| **6** | Jawatankuasa Setia Kawan Malaysia (JSKM) ditubuhkan ketika Persidangan Ahli-ahli Parlimen Komanwel di Singapura pada23 Julai 1961. [BT*ms 99*] | **PANDUAN JAWAPAN** |
| (*a*) | Apakah tujuan penubuhan jawatankuasa ini?<br><br>_____<br>_____<br>_____<br>_____<br>_____<br>_____<br>_____<br>_____<br>_____<br>_____<br>_____<br>_____<br>_____ | F1 . Meyakinkan penduduk Sarawak dan Sabah tentang pembentukan Malaysia<br>F2 Menyediakan ruang perbincangan bagi mendapatkan kata sepakat pembentukan Malaysia.<br>F3 Mengumpulkan pandangan tentang pembentukan Malaysia.<br>F4 Menyebarkan maklumat berkaitan dengan Malaysia.<br>F5 Memupuk aktiviti penghebahan dan mempercepat pembentukan Malaysia |

| | | |
|---|---|---|
| | _____<br>_____<br>_____<br>_____<br>[ 6 markah] | H5 Aktiviti penghebahan seperti mendedahkan perkembangan kemajuan dalam bidang pentadbiran serta projek pembangunan di Persekutuan Tanah Melayu. |
| (*b*) | Mengapakah penubuhan jawatankuasa tersebut amat penting kepada negara?<br>_____<br>_____<br>_____<br>_____<br>_____<br>_____<br>_____<br>_____<br>_____<br>_____<br>_____<br>_____<br>_____<br>_____<br>[ 6 markah] | |
| (*c*) | Jelaskan usaha yang boleh dilakukan oleh pihak kerajaan bagi menyebarluas aktiviti dan dasar kerajaan kepada rakyat.<br>_____<br>_____<br>_____<br>_____<br>_____<br>_____<br>_____<br>_____<br>_____<br>_____<br>_____<br>_____<br>_____<br>_____<br>[8 *markah*] | |

**BAB 6** **BAHAGIAN A: STRUKTUR**
**SK 13.2 CABARAN SELEPAS PEMBENTUKAN MALAYSIA**

| | | |
|---|---|---|
| **1** | Pembentukan Malaysia membuktikan kejayaan Persekutuan yang terdiri daripada 13 buah negeri. Namun begitu, negara terpaksa berhadapan dengan cabaran dalaman kerana mempunai penduduk yang terdiri daripada pelbagai latar belakang kaum dan etnik.<br>[ms 116 – 118] | **PANDUAN JAWAPAN** |
| (*a*) | Nyatakan cabaran pembangunan dan sosioekonomi yang perlu ditangani selepas pembentukan Malaysia pada 16 September 1963.<br><br>**(iv) Mempelbagaikan kegiatan ekonomi**<br>**(v) Memajukan Sistem perhubungan dan pengangkutan**<br><br>[2 *markah*] | F1 Mempelbagaikan kegiatan ekonomi<br>F2 Memajukan Sistem perhubungan dan pengangkutan<br>F3 Memajukan sistem Pendidikan<br>F4 Menyeimbangkan pembangunan ekonomi antara negeri |
| (*b*) | Maklumat berikut berkaitan cabaran selepas pembentukan Malaysia.<br>• Cabaran politik di Sarawak<br>• Cabaran perpaduan kaum<br>Sejauh manakah cabaran tersebut memberi kesan terhadap negara kita?<br><br>**Cabaran politik di Sarawak** ialah krisis perlembagaan Sarawak. 21 orang ahli Council Negeri tidak berpuas hati dengan kepimpinan Stephen Kalong Ningkan sebagai Ketua Menteri Sarawak. Beliau di pecat oleh Gabenor. Stephen Kalong Ningkan mencabar tindakan ini di Mahkamah Tinggi Sarawak dan memenangi kes ini. Beliau kembali menjadi Ketua Menteri, namun beliau mendapat undi tidak percaya daripada Council Negeri. Krisis politik ini menyebabkan berlaku ketidakstabilan di Sarawak yang mengancam keselamatan dan keamanan.<br>Seterusnya, **cabaran perpaduan kaum**. Usaha mewujudkan perpaduan kaum dan integrasi nasional. Penduduk negara kita mempunyai pelbagai kaum antaranya termaksuklah Melayu, Cina, India, Iban dan sebagainya. Dengan penduduk yang pelbagai budaya ini, perpaduan menjadi antara agenda utama. Selain itu, jarak antara Semenanjung Malaysia dengan Sarawak dan Sabah yang jauh menjadi cabaran membentuk integrasi nasional serta sukar memupuk semangat satu negara.<br>[4 *markah*] | ***Cabaran politik di Sarawak***<br>F1 Krisis perlembagaan Sarawak<br>F2 Council Negeri tidak berpuas hati dengan kepimpinan Stephen Kalong Ningkan<br>F3 Mencabar tindakan ini di Mahkamah Tinggi Sarawak<br>F4 Mendapat undi tidak percaya<br>F5 Ketidakstabilan di Sarawak yang mengancam keselamatan dan keamanan.<br><br>**Cabaran perpaduan kaum**<br>F1 Mewujudkan perpaduan kaum<br>F2 Mempunyai pelbagai kaum Melayu, Cina, India, Iban<br>F3 Membentuk integrasi nasional<br>F4 Jarak antara Semenanjung Malaysia |

| | | |
|---|---|---|
| | | dengan Sarawak dan Sabah yang jauh |
| (*c*) | Maklumat berikut berkaitan perpaduan kaum di Malaysia.<br><br>" Di Malaysia, perpaduan dalam komuniti pelbagai kaum sebahagian daripada Sejarah dan warisan kita. Ia menjadi sumber penting integrasi kaum selama bertahun-tahun dan pastinya memainkan peranan penting dalam menjadikan Malaysia tempat yang harmoni untuk hidup, belajar, bekerja dan bermain"<br>Sumber: Berita Harian 9 Sepetember 2019<br><br>Mengapakah perpaduan menjadi agenda penting kepada negara Malaysia?<br><br>Perpaduan menjadi agenda penting kepada negara kerana untuk mengekalkan kemerdekaan negara. Masyarakat dapat berganding bahu untuk mempertahankan kedaulatan negara. Selain itu, negara bebas dari campur tangan asing. Kesimpualnnya, negara kita dapat menentukan hala tuju negara mengikut acuan sendiri. Seterusnya, kita dapat mengelakkan perbalahan antara kaum. Contohnya, peristiwa 13 Mei 1969. Hal ini akan menjejaskan keharmonian dan kestabilan negara. Justeru, akan menimbulkan sifat perkauman. Kesannya kestabilan negara tergugat.<br>[4 *markah*] | |

| | | |
|---|---|---|
| **2** | Pemisahan Singapura menjadi cabaran besar selepas pembentukan Malaysia. [ms 119-120] | **PANDUAN JAWAPAN** |
| (*a*) | Apakah faktor pemisahan Singapura dari Malaysia?<br><br>_____<br>_____<br>_____<br>_____<br>_____<br>_____<br>_____<br>_____<br>_____<br>[2 *markah*] | **F1** Politik<br>H1a Lee Kuan Yew tidak puas hati kerana peranan Singapura terhad<br>H1b Konflik pemimpin PAP dengan Perikatan<br>**F2** Ekonomi<br>H2a Tuntut pembukaan Pasaran Bersama<br>H2b Cadangan naikkan kadar faedah pinjaman Kerajaan Persekutuan<br>**F3** Masalah perkauman<br>H3a Tuntutan hak yang sama rata semua kaum<br>H3b Rusuhan kaum di Singapura |

| | | |
|---|---|---|
| (*b*) | Galurkan peristiwa pemisahan Singapura dari Malaysia.<br><br>[4 *markah*] | F1 29 Jun 1965, Tun Abdul Razak Hussein dan Lee Kuan Yew berunding tetapi gagal<br>F2 1 Julai 1965,Tun Abdul Razak Hussein bermesyuarat dengan Menteri bincangkan pemisahan<br>F3 Awal Ogos 1965, Mesyuarat Khas Kabinet Malaysia setuju dengan pemisahan<br>F4 7 Ogos 1965, Tunku Abdul Rahman dan Lee Kuan Yew menandatangani persetujuan Singapura keluar daripada Malaysia<br>F5 9 Ogos 1965, usul pemisahan di bawa ke Parlimen Malaysia / diluluskan Parlimen |
| (*c*) | Tindakan penyingkiran Singapura disifatkan sebagai membuang duri dalam daging bagi memastikan keharmonian, keselamatan dan perpaduan rakyat Malaysia terjamin.<br>Sumber: https://www.academia.edu<br><br>Petikan di atas berkaitan pemisahan Singapura dari Malaysia. Berikan komen anda.<br><br>[4 *markah*] | |

| 3 | Kerajaan mengambil usaha yang tegas bagi membanteras komunis selepas pembentukan Malaysia. [ms 121-125] | **PANDUAN JAWAPAN** |
|---|---|---|
| (*a*) | Nyatakan usaha tersebut.<br><br>(i)_____<br>_____<br>_____<br><br>(ii) _____<br>_____<br>_____<br>[2 *markah*] | F1 Kegiatan perang saraf<br>H1a Adakan perhimpunan awam<br>H1b Sebarkan risalah<br>H1c Pengenalan kawasan putih<br>H1c Tawaran pengampunan<br>H1d Sediakan kemudahan infrastruktur<br>F2 Operasi ketenteraan<br>H2a Operasi Hammer / Oeprasi Sri Aman / Operasi RASCOM<br>H2b Strategi Counterinsurgency (COIN)<br>H2c Perjanjian Kerjasama sempadan |
| (b) | Jelaskan tindakan Parti Komunis Malaya (PKM) yang mengancam keselamatan di Semenanjung Malaysia.<br>_____<br>_____<br>_____<br>_____<br>_____<br>_____<br>_____<br>_____<br>_____<br>_____<br>_____<br>_____<br>_____<br>_____<br>_____<br>_____<br>_____<br>[4 *markah*] | F1 Pembunuhan anggota keselamatan / orang awam<br>F2 Menembak mati Ketua Polis Negara / Perak<br>F3 Serang pasukan keselamatan di Kroh, Perak<br>F4 Pasang periuk api di sepanjang jalan Changlun, Kedah<br>F5 Letupkan jalan raya / jambatan kereta api<br>F6 Pengeboman Tugu Negara |

| | |
|---|---|
| (*c*) | Maklumat berikut berkaitan rancangan menghidupkan semula fahaman komunis di Malaysia.<br><br>Ketua Polis negara memberi amaran kepada pihak yang cuba mempertahan atau mempunyai perancangan menghidupkan kembari PKM supaya membatalkan Hasrat. Tindakan itu bakal mencetuskan lagi suasana tidak harmoni dalam kalangan rakyat kita yang berbilang bangsa dan negara.<br>Sumber : Berita Harian 14 Disember 2019<br><br>Mengapakah rancangan tersebut perlu dihentikan?<br><br>_____<br>_____<br>_____<br>_____<br>_____<br>_____<br>_____<br>_____<br>[4 *markah*] |

| | | |
|---|---|---|
| **4** | Rancangan pembangunan lima tahun dirangka dalam usaha pembangunan dan ekonomi negara pada awal pembentukan Malaysia.<br>[ms 126-128] | **PANDUAN JAWAPAN** |
| (*a*) | Mengapakah rancangan tersebut penting kepada negara kita<br><br>_____<br>_____<br>_____<br>_____<br>_____<br>_____<br>[2 *markah*] | F1 Meningkatkan taraf hidup rakyat<br>F2 Memajukan ekonomi negara<br>F3 Memajukan Kawasan luar bandar<br>F4 Menyediakan peluang pekerjaan<br>F5 Merancakkan perindustrian<br>F6 Eratkan perpaduan rakyat |

| | | |
|---|---|---|
| (b) | Maklumat berikut berkaitan isu yang perlu ditangani dalam Rancangan Malaysia Pertama (1966-1970).<br>• Kebergantungan eksport getah dan bijih timah<br>• Masalah kesihatan dan sosial<br>• Taraf hidup yang berbeza<br>• Peluang pekerjaan terhad<br><br>Jelaskan usaha bagi mengatasi isu tersebut.<br>_____<br>_____<br>_____<br>_____<br>_____<br>_____<br>_____<br>_____<br>_____<br>[4 *markah*] | F1 Kegiatan pertanian / industri pemprosesan dipelbagaikan<br>F2 Mencari pasaran baru<br>F3 Meneroka tanaman kelapa sawit / tanaman koko<br>F4 Mengurangkan kadar kelahiran<br>F5 Program Perancang Keluarga diperkenalkan<br>F6 Tubuhkan pusat Latihan Vokasional / teknikal<br>F6 Buka peluang pekerjaan |
| (c) | Jelaskan peranan rakyat Malaysia bagi menjamin rancangan pembangunan ekonomi negara agar berterusan demi kedaulatan negara.<br>_____<br>_____<br>_____<br>_____<br>_____<br>_____<br>_____<br>_____<br>_____<br>_____<br>_____<br>_____<br>_____<br>_____<br>_____<br>[4 *markah*] | |

**BAB 6** **BAHAGIAN B: ESEI**
**SK 13.2 CABARAN SELEPAS PEMBENTUKAN MALAYSIA**

| | | |
|---|---|---|
| **5** | "Pemisahan Singapura daripada Malaysia adalah satu-satunya jalan keluar yang paling baik demi perpaduan kaum, kestabilan ekonomi dan menghindarkan konflik politik di antara Kerajaan Malaysia yang dikuasai oleh Parti Perikatan dengan Parti Tindakan Rakyat yang berkuasa di Singapura. Tunku Abdul Rahman menyatakan antara lain sebab-sebab perpisahan itu ialah sikap setengah pemimpin-pemimpin politik Singapura yang memperjuangkan konsep Malaysian Malaysia; menafikan kewujudan institusi kesultanan Melayu; menentang hak-hak istimewa orang-orang Melayu dan Bumiputera dan tidak adanya persefahaman pendapat dalam meningkatkan dan memajukan dasardasar perdagangan dan pembahagian cukai serta perindustrian"<br>*Sumber : https://hariinidalamsejarah.com/peristiwa/detail/2408-pemisahan-singapuradari malaysia.html*<br>[m.s 119-120] | **PANDUAN JAWAPAN** |
| (*a*) | Jelaskan faktor pemisahan Singapura.<br><br>Faktor pemisahan Singapura pertama ialah Lee Kuan Yew tidak puas hati kerana peranan Singapura terhad. Seterusnya konflik pemimpin PAP dengan Perikatan, Selain itu, kempen Malaysian Malaysia oleh Lee Kuan Yew yang menuntut hak sama rata untuk semua kaum menimbulkan keresahan dalam kalangan penduduk. Faktor keempat, ialah tuntut pembukaan Pasaran Bersama. Seterusnya, Singapura tidak puas hati dengan cadangan tambahan cukai yang perlu diberikan kepada Kerajaan Persekutuan. Faktor lain, Singapura mahu mengenakan kadar faedah terhadap sebahagian daripada pinjaman kepada Kerajaan Persekutuan dan yang terakhir ialah rusuhan kaum di Singapura.<br><br>[6 markah] | F1 Lee Kuan Yew tidak puas hati kerana peranan Singapura terhad<br>F2 Konflik pemimpin PAP dengan Perikatan<br>F3 Kempen Malaysian Malaysia<br>F4 Tuntut pembukaan Pasaran Bersama<br>F5 Singapura tidak puas hati dengan cadangan tambahan cukai<br>F6 Singapura mahu mengenakan kadar faedah terhadap sebahagian daripada pinjaman kepada Kerajaan Persekutuan<br>F7 Rusuhan kaum di Singapura |
| (*b*) | Bagaimanakah proses pemisahan Singapura dari Malaysia?<br>[6 markah]<br>Pada 28 Jun 1963 kegagalan rundingan Tun Abdul Razak Hussein dengan Lee Kuan Yew. Pada 1 Jualai 1965 setelah rundingan tidak berjaya. Tunku Abdul rahman Putra al-Haj mengarahkan Tun Abdul Razak Hussein bermesyuarat dengan beberapa orang menteri antaranya seperti Dr. Ismail Abdul Rahman, Tan Siew Sin, dan V.T Sambanthan untuk berbincang tentang pemisahan. Awal Ogos 1965 Mesyuarat Khas Kabinet Malaysia bersetuju dengan rancangan pemisahan. Seterusnya, pada 7 Ogos 1965 Tunku Abdul Rahaman dan Lee Kuan Yew menandatangani persetujuan untuk Singapura keluar daripada Malaysia. Selepas itu, pada 9 Ogos 1965 Tunku Abdul Rahman Putra al-Haj membawa usul pemisahan Singapura ke dalam Parlimen Malaysia. Akhir sekali parlimen meluluskan rang undang-undang pemisahan Singapura. | F1 Tun Abdul Razak Hussein dan Lee Kuan Yew berunding tetapi gagal<br>F2 Tun Abdul Razak Hussein bermesyuarat dengan Menteri bincangkan pemisahan<br>F3 Seperti Dr. Ismail Abdul Rahman, Tan Siew Sin, dan V.T Sambanthan untuk berbincang tentang pemisahan<br>F4 Kabinet Malaysia setuju dengan pemisahan<br>F5Tandatangan persetujuan pemisahan Malaysia dengan Singapura |

| | | |
|---|---|---|
| | | F6 Usul pemisahan di bawa ke Parlimen Malaysia<br>F7 diluluskan Parlimen |
| (*c*) | Mengapakah persefahaman antara kaum menjadi unsur penting kepada negara kita?<br>[8 markah]<br>Pertama persefahaman kaum menjadi unsur penting kepada negara kita kerana untuk memajukan ekonomi negara. Seterusnya tidak berlaku penindasan dari segi ekonomi. Rakyat akan bersaing secara sihat dan tiada berlaku diskrimansi antara kaum. Selain itu, peluang pekerjaan dinikmati bersama. Pelaburan asing akan menyediakan peluang pekerjaan yang banyak, dengan itu taraf hidup rakyat akan meningkat. Hal ini akan menyebabkan keamanan dan kestabilan negara terjaga kerana tidak berlaku persengketaan dan pergaduhan. Rakyat berbilang kaum dapat hidup saling hormat-menghormati dan bertolak ansur serta tidak menimbulkan isu-isu yang sensitif. Dengan itu, kerajaan dapat memoden pembangunan di negara kita. | |

| | | |
|---|---|---|
| **6** | Perisitiwa berdarah 13 Mei 1969 telah mencatatkan satu titik hitam yang pasti tidak dapat dilupakan oleh setiap rakyat Malaysia. Pertumpahan darah dan kacau bilau yang dahsyat hampir menghancurkan negara.<br>[ms 129-131] | **PANDUAN JAWAPAN** |
| (*a*) | Mengapakah peristiwa tersebut berlaku?<br>[4 *markah*] | F1 Ketidakseimbangan dalam ekonomi / social antara kaum<br>F2 Keputusan PRU Ketiga 1969<br>F3 Kempen isu perkauman<br>F4 PKM Berjaya pengaruhi penduduk semasa pilihan raya<br>F5 Kegiatan provokasi / kempen guna sentimen perkauman / keagamaan<br>F6 Kekacauan semasa perarakkan kemenangan pilihan raya |
| (*b*) | Jelaskan usaha kerajaan bagi mengatasi peristiwa di 5(a) | F1 Perisytiharan darurat<br>H1a Perlembagaan digantung<br>H1b Parlimen ditangguhkan<br>H1c Mewujudkan pusat perlindungan darurat<br>H1d kuatkuasa perintah berkurung<br>H1e Menapis semua berita<br>F2 Tubuhkan Majlis Gerakan Negara (MAGERAN)<br>H2a Mengembalikan keamanan negara |

| | | |
|---|---|---|
| | [8 markah] | H2b Mengukuhkan perpaduan kaum<br>H2c Melicinkan pentadbiran negara<br>H2d kembalikan keharmonian negara<br>F3 Peranan Raja-raja Melayu<br>H3a Sultan Perak / Sultan Idris Iskandar Shah II<br>H3b Menasihati rakyat menjaga keamanan<br>H3c Minta rakyat bertenang / patuh undang-undang |
| (c) | Maklumat berikut berkaitan peristiwa 13 Mei 1969.<br><br>Peristiwa 13 Mei memberi peringatan tentang kebenaran peribahasa ”Kalah jadi abu, menang jadi arang” kerana konflik itu merugikan semua kaum.<br>Sumber : Sinar Harian – 13 Mei 2019<br><br>Huraikan pengajaran daripada peristiwa 13 Mei 1969 kepada rakyat Malaysia dalam membina ketahanan diri.<br><br>[8 *markah*] | |

**BAB 7** **BAHAGIAN A: STRUKTUR**
**SK 14.1 MEMBINA KESEJAHTERAAN NEGARA**

| | | |
|---|---|---|
| **1** | Sejarah hubungan kaum di negara kita telah wujud sebelum zaman penjajahan lagi. Hubungan kaum terus diperkukuh selepas negara mencapai kemerdekaan dan pembentukan Malaysia. *[ms 140]* | **PANDUAN JAWAPAN** |
| (*a*) | Apakah yang dimaksudkan dengan integrasi nasional?<br>Integrasi nasional bermaksud satu **proses dinamik** yang **merapatkan hubungan** masyarakat antara negeri dan wilayah bagi membentuk **identiti sendiri**.<br>[2 *markah*] | F1 proses dinamik<br>F2 merapatkan hubungan<br>F3 identiti sendiri |
| (*b*) | Jelaskan kesan pelaksanaan dasar British berdasarkan aspek berikut:<br>(*i*) Kegiatan ekonomi dan petempatan<br>Kesan pelaksanaan dasar British berdasarkan aspek kegiatan ekonomi dan petempatan adalah **ekonomi berasaskan perlombongan bijih timah** dilaksanakan. Ekonomi yang diperkenalkan oleh British **berbeza mengikut kaum** menyebabkan **pemisahan petempatan penduduk**. Oleh itu, wujudlah petempatan **di kawasan perlombongan, bandar, estet dan perkampungan.**<br>[2 *markah*]<br><br>(*ii*) Sistem pendidikan<br>Kesan pelaksanaan dasar British berdasarkan aspek sistem pendidikan adalah munculnya **sistem pendidikan vernakular**. Contohnya seperti **pendidikan vernakular Melayu, Cina, India dan Inggeris**. Ini secara tidak langsung mewujudkan **perbezaan pemikiran** dalam kalangan **rakyat yang berbilang kaum**.<br>[2 *markah*] | (b)(i)<br>F1 ekonomi berasaskan perlombongan bijih timah<br>F2 ekonomi berbeza mengikut kaum<br>H2 menyebabkan pemisahan petempatan penduduk<br>C2 wujud petempatan di kawasan perlombongan, bandar, estet dan perkampungan<br>F3 kaum kurang berinteraksi satu sama lain<br>F4 wujud jurang ekonomi yang tidak seimbang<br>(b)(ii)<br>F1 munculnya sistem Pendidikan vernakular<br>C1 Melayu, Cina, India dan Inggeris<br>F2 mewujudkan perbezaan pemikiran rakyat<br>H2 berbilang kaum |
| (*c*) | Peranan kerajaan berupaya dapat mengelakkan berlakunya pemisahan kaum di Malaysia. Berikan penjelasan anda.<br>Kerajaan memainkan peranan yang penting bagi mengelakkan pemisahan kaum di Malaysia melalui cara melaksanakan **kempen kesedaran** bagi memupuk **rasa muhibbah** dalam kalangan rakyat pelbagai kaum. Selain itu, kerajaan boleh melaksanakan **pelbagai program** seperti **sambutan hari terbuka** sempena perayaan secara besar-besaran. Contohnya seperti **Sambutan Hari Terbuka Tahun Baru Cina dan Pesta Kaamatan**. Dalam mengelakkan pemisahan kaum di Malaysia, kerajaan boleh **melibatkan media massa** semaksima mungkin melalui **promosi dan iklan perpaduan** di **televisyen mahupun radio**.<br>[4 *markah*] | |

| | | |
|---|---|---|
| **2** | Pendidikan merupakan saluran terbaik bagi merealisasikan matlamat membina perpaduan kaum dan integrasi nasional. [ms 144-147] | **PANDUAN JAWAPAN** |
| (*a*) | Apakah tujuan penggubalan Dasar Pendidikan Kebangsaan?<br>_____<br>_____<br>_____<br>_____<br>_____<br>_____<br>[3 *markah*] | F1 membina perpaduan<br>F2 tenaga kerja mahir<br>F3 melahirkan rakyat berilmu, seimbang dan rohani |
| (*b*) | Bagaimanakah Laporan Rahman Talib dapat mengekalkan teras Pendidikan kebangsaan dalam memupuk perpaduan dan integrasi di negara kita?<br>_____<br>_____<br>_____<br>_____<br>_____<br>_____<br>_____<br>_____<br>_____<br>_____<br>_____<br>_____<br>_____<br>[3 *markah*] | F1 bahasa Melayu sebagai bahasa pengantar<br>H1 bahasa seragam mewujudkan perpaduan<br>F2 Kurikulum yang sama<br>H2 berorientasikan negara untuk semua jenis sekolah<br>H3 wujud perasaan cinta akan negara |
| (*c*) | "Pendidikan yang cemerlang melahirkan generasi yang gemilang."<br>Bincangkan pernyataan tersebut.<br>_____<br>_____<br>_____<br>_____<br>_____<br>_____<br>_____<br>_____<br>_____<br>_____<br>[4 *markah*] | |

| 3 | Seiring dengan kemerdekaan negara, Bahasa Melayu telah dijadikan sebagai bahasa ilmu dan bahasa perpaduan di negara kita. [ms 148] | **PANDUAN JAWAPAN** |
|---|---|---|
| (*a*) | Nyatakan kedudukan bahasa Melayu seperti yang diperuntukkan dalam Perlembagaan Persekutuan Tanah Melayu 1957.<br>_____<br>_____<br>_____<br>_____<br>_____<br>_____<br>_____<br>[3 *markah*] | F1 Bahasa Melayu sebagai Bahasa rasmi<br>H1 untuk memupuk perpaduan<br>F2. Bahasa rasmi pentadbiran negara<br>H2 alat komunikasi rasmi pebagai urusan<br>F3 Bahasa Melayu sebagai Bahasa pengantar seluruh negara |
| (b) | Gambar berikut berkaitan dengan Dewan Bahasa dan Pustaka (DBP).<br> <br>Apakah peranan Dewan Bahasa dan Pustaka (DBP) dalam mengembangkan bahasa dan sastera Melayu?<br>_____<br>_____<br>_____<br>_____<br>_____<br>_____<br>_____<br>[3 *markah*] | F1 melalui penerbitan<br>C1 buku, majalah, risalah<br>F2 menganjurkan seminar dan bengkel<br>F3 aktiviti sempena Minggu dan Bulan Bahasa Kebangsaan |
| (*c*) | Penubuhan Institut Pengajian Tinggi (IPTA) penting kepada negara.<br>Jelaskan pernyataan berikut.<br>_____<br>_____<br>_____<br>_____<br>_____<br>_____<br>_____<br>[4 *markah*] | |

| 4 | Penggubalan Dasar Kebudayaan Kebangsaan adalah penting bagi sesebuah negara membangun yang mempunyai penduduk berbilang kaum seperti di Malaysia. (ms 150-151) | **PANDUAN JAWAPAN** |
|---|---|---|
| (*a*) | Berikan dua agensi kerajaan yang terlibat dalam pelaksanaan Dasar Kebudayaan Kebangsaan.<br><br>i. _____<br>ii. _____<br><br>[2 *markah*] | F1 Kementerian Pelancongan, Seni dan Budaya Malaysia<br>F2 Jabatan Kesenian dan Kebudayaan Negara<br>F3 Majlis Kebudayaan Negeri<br>F4 Istana Budaya<br>F5 Akademi Seni Budaya dan Warisan (ASWARA) |
| (b) | Jelaskan matlamat utama pembentukan Dasar Kebudayaan Kebangsaan.<br><br>_____<br>_____<br>_____<br>_____<br>_____<br>_____<br>_____<br>_____<br><br>[3 *markah*] | F1 mengukuhkan perpaduan bangsa<br>F2 memupuk dan memelihara keperibadian bangsa<br>F3 mempertingkatkan kualiti kehidupan seimbang dengan pembangunan sosioekonomi |
| (*c*) | Dasar Kebudayaan Kebangsaan dapat membentuk satu bangsa yang Bersatu padu serta mengekalkan identity negara.<br><br>Pada pendapat anda, apakah cara yang boleh kita lakukan dalam mengekalkan budaya dan tradisi kepelbagaian kaum di Malaysia agar terus dinikmati oleh generasi yang akan datang? Berikan ulasan anda.<br><br>_____<br>_____<br>_____<br>_____<br>_____<br>_____<br>_____<br><br>[4 *markah*] | |

| | | |
|---|---|---|
| **5** | Sukan bukan sahaja medium untuk memupuk perpaduan dan integrasi nasional malah menjadi alternatif dalam mengeratkan Muhibbah dalam kalangan masyarakat di Malaysia.<br><br>*[ms 152-156]* | **PANDUAN JAWAPAN** |
| (*a*) | Nyatakan dua aktiviti kokurikulum di sekolah yang menggalakkan penyertaan murid pelbagai kaum dalam bidang sukan.<br>(i) _____<br>(ii) _____<br>[2 *markah*] | F1 Dasar 1 Murid 1 Sukan<br>F2 Rancangan Integrasi Murid untuk Perpaduan (RIMUP) |
| (*b*) | Majlis Sukan Universiti Malaysia (MASUM) bermula pada tahun 1974.<br>Apakah tujuan penubuhan MASUM?<br>_____<br>_____<br>_____<br>_____<br>_____<br>_____<br>_____<br>_____<br>_____<br>_____<br>_____<br>_____<br>_____<br>_____<br>[4 *markah*] | F1 Mengadakan pertandingan sukan dalam kalangan penuntut dan staf universiti tempatan<br>F2 Memupuk perpaduan dan integrasi nasional<br>F3 Medan untuk atlet menunjukkan kebolehan sukan<br>F4 Menggalakkan integrasi antara negeri |
| (*c*) | Apakah manfaat penganjuran sukan pada peringkat serantau dan antarabangsa kepada negara kita?<br>_____<br>_____<br>_____<br>_____<br>_____<br>_____<br>_____<br>_____<br>_____<br>_____<br>_____<br>[4 *markah*] | |

| | | |
|---|---|---|
| **6** | Rukun Negara menggariskan ikrar yang perlu dihayati oleh warganegara Malaysia dan dianggap sebagai falsafah hidup rakyat Malaysia.<br>*[ms 157-159]* | **PANDUAN JAWAPAN** |
| (*a*) | Apakah matlamat pembentukan Rukun Negara?<br>[3 *markah*] | F1 membentuk satu bangsa yang Bersatu<br>F2 mencipta masyarakat yang adil<br>F3 masyarakat yang progresif<br>F4 mewujudkan masyarakat yang liberal<br>F5 memelihara cara hidup rakyat demokratik |
| (*b*) | Huraikan sejarah pembentukan Rukun Negara.<br>[3 *markah*] | F1 Dibentuk hasil peristiwa 13 Mei 1969<br>F2 Perbincangan dan pemikiran Majlis Perundingan Negara (MAPEN)<br>F3 dibentuk MAGERAN pada 29 Januari 1970<br>F4 Diisytiharkan secara rasmi Yang Dipertuan Agong IV pada 31 Ogos 1970 |

(c) Gambar di bawah menunjukkan logo rasmi bersempena dengan sambutan 50 tahun Rukun Negara diperkenalkan.

Bagaimanakah prinsip-prinsip Rukun Negara boleh mewujudkan kesejahteraan dalam kalangan rakyat Malaysia?

_____
_____
_____
_____
_____
_____
_____
_____
_____
_____
_____
_____
_____
_____

[4 *markah*]

**BAB 7** **BAHAGIAN B: ESEI**
**SK 14.1 MEMBINA KESEJAHTERAAN NEGARA**

| | | |
|---|---|---|
| **7** | Pentadbiran British menyebabkan pemisahan kaum dari segi kegiatan ekonomi dan petempatan.<br>*[ms 140-143]* | **PANDUAN JAWAPAN** |
| (*a*) | Apakah kesan dasar British yang telah membawa kepada masalah perpaduan kaum di negara kita?<br>[6 *markah*]<br>Kesan dasar British yang telah membawa kepada masalah perpaduan kaum di negara kita adalah dasar British melalui **pengenalan sistem Residen** yang **mengutamakan sektor ekonomi**. British **membawa masuk pekerja dari luar** dan ini menjadikan **kaum bumiputera hanya bertumpu di kawasan luar bandar** sahaja. Selain itu, British memperkenalkan **dasar ekonomi yang berbeza mengikut kaum**. Ini menyebabkan berlakunya **pemisahan dari segi petempatan masyarakat** contohnya wujud petempatan di **lombong, estet, bandar dan juga kampung**. Kemunculan sistem **pendidikan vernakular** turut memberikan kesan terhadap perpaduan kaum di negara kita. Ini kerana **sekolah vernakular hanya berkembang mengikut kaum**. Ini memberikan kesan wujudnya **perbezaan pemikiran masyarakat berbilang kaum**. | F1 Pengenalan Sistem Residen.<br>H1a Dasar British mengutamakan sektor ekonomi<br>H1b Membawa masuk pekerja dari luar<br>H1c Kaum bumiputera bertumpu di Kawasan luar bandar<br>F2 Kegiatan ekonomi berbeza mengikut kaum<br>H2a Berlaku pemisahan dari segi petempatan<br>C2 Petempatan wujud di lombong, estet, bandar dan kampung<br>F3 Kemunculan sistem Pendidikan vernakular<br>H3a Sekolah berkembang mengikut kaum<br>H3b Mewujudkan perbezaan pemikiran masyarakat berbilang kaum |
| (*b*) | Apakah usaha untuk memperkasakan perpaduan dan integrasi nasional yang telah dilaksanakan oleh kerajaan?<br>Usaha untuk memperkasakan perpaduan dan integrasi nasional yang telah dilaksanakan oleh kerajaan adalah **menubuhkan Jabatan Perpaduan Negara**. Jabatan Perpaduan Negara ini memainkan peranan dalam **mendraf ideologi negara iaitu, Rukun Negara**. Selain itu, kerajaan turut **mewartakan pembentukan Majlis Muhibbah Negara** yang bertujuan untuk **menggalakkan perkembangan rasa muhibbah antara kaum**. Di samping itu, kerajaan turut **menubuhkan Majlis Perundingan Negara**. Ini bertujuan untuk **menyediakan garis panduan bagi meningkatkan kerjasama** antara masyarakat berbilang kaum di Malaysia. Selain itu juga, dalam usaha **memperkasakan perpaduan dan integrasi nasional** kerajaan turut membentuk **gabungan parti politik pelbagai kaum** agar dapat **mewujudkan keharmonian dan kestabilan politik** negara.<br>[6 *markah*] | F1 Menubuhkan Jabatan Perpaduan Negara<br>H1 Berperanan mendraf ideologi negara, iaitu Rukun Negara, iaitu Rukun Negara<br>F2 Mewartakan pembentukan Majlis Muhibbah negara<br>H2 Bertujuan untuk menggalakkan perkembangan rasa Muhibbah antara kaum<br>F3 Menubuhkan Majlis Perundingan Negara<br>H3 Menyediakan garis panduan bagi kerjasama antara kaum<br>F4 Membentuk gabungan parti politik pelbagai kaum<br>H4 Mewujudkan keharmonian dan kestabilan politik |

| | |
|---|---|
| (*c*) | Pada pendapat anda, mengapakah perpaduan sangat dititikberatkan dalam pembangunan sesebuah negara?<br>Pada pendapat saya, perpaduan sangat dititikberatkan dalam pembangunan sesebuah negara kerana perpaduan merupakan elemen yang penting dalam memastikan **kedaulatan negara terpelihara**. Ini menjadikan rakyat hidup dengan **aman dan harmoni**. Sebagai contoh, perpaduan **menjamin hubungan yang baik** antara masyarakat pelbagai kaum seperti kaum **Melayu, Cina dan India**. Selain itu, perpaduan amat penting **mengekalkan kestabilan politik** dalam negara. Melalui perpaduan, sistem **pemerintahan dan pentadbiran berjalan dengan lancar**. Ini dapat dilihat melalui **situasi hubungan yang baik antara pemimpin** pelbagai kaum apabila **menguruskan hal-hal rasmi negara**. Selain itu juga, perpaduan dititikberatkan juga kerana perpaduan merupakan **keistimewaan utama negara** kita dan ini dapat **menarik pelabur asing** untuk melabur di negara kita. Ini secara tidak langsung akan membantu **meningkatkan ekonomi negara** dan **menaikkan taraf hidup rakyat**. Kesimpulannya, kita sebagai rakyat Malaysia hendaklah mengamalkan **nilai bersatu padu** dalam **kehidupan masyarakat pelbagai kaum** agar **kemakmuran negara sentiasa terpelihara**.<br>[8 *markah*] |

| **8** | Pendidikan merupakan salah satu saluran bagi merealisasikan matlamat membina perpaduan kaum.<br>*[ms 144-147]* | **PANDUAN JAWAPAN** |
|---|---|---|
| (*a*) | Terangkan peranan Dasar Pendidikan Kebangsaan dalam usaha mencapai matlamat di atas.<br>_____<br>_____<br>_____<br>_____<br>_____<br>_____<br>_____<br>_____<br>_____<br>_____<br>[6 *markah*] | F1 Menyatupadukan rakyat<br>F2 Memenuhi keperluan negara<br>H2 Menyediakan tenaga kerja mahir pelbagai kaum<br>F3 Menggalakkan perkembangan kebudayaan, ekonomi, sosial dan politik<br>F4 Melahirkan masyarakat yang berilmu<br>H4a seimbang dan harmoni<br>H4b Menyumbang kepada keharmonian dan kemakmuran negara |
| (*b*) | Jelaskan pelaksanaan Laporan Jawatankuasa Kabinet 1974 dalam usaha memperkukuh perpaduan negara<br>_____<br>_____<br>_____<br>_____<br>_____<br>_____<br>_____<br>_____<br>_____<br>_____<br>_____<br>[6 *markah*] | F1 Bahasa Melayu sebagai Bahasa perpaduan<br>H1 Dijadikan matapelajaran wajib dalam peperiksaan awam<br>F2 Pendidikan kerohanian diberi penegasan<br>H2 Melalui Pendidikan Islam dan Pendidikan Moral<br>F3 Penekanan aktiviti kokurikulum<br>H3 Melibatkan semua kaum<br>C3 Unit beruniform, sukan dan permainan serta persatuan<br>F4 Murid menguasai bidang asas<br>F5 Melahirkan individu yang berilmu/berkemahiran/Bersatu padu |

| | |
|---|---|
| (*c*) | Bagaimanakah kita dapat mewujudkan sistem pendidikan yang bertaraf dunia? Berikan pendapat anda.<br><br>[8 *markah*] |

| | | |
|---|---|---|
| **9** | Seiring dengan kemerdekaan negara, bahasa Melayu diiktiraf sebagai bahasa kebangsaan dan bahasa rasmi Malaysia.<br>*[ms 148-149]* | **PANDUAN JAWAPAN** |
| (*a*) | <br>UNDANG-UNDANG MALAYSIA<br>CETAKAN SEMULA<br>Akta 32<br>AKTA BAHASA KEBANGSAAN 1963/67<br><br>Apakah langkah yang dilaksanakan untuk memartabatkan bahasa kebangsaan?<br><br>[4 *markah*] | F1 Pengenalan Akta Bahasa Kebangsaan<br>H1a Kedudukan bahasa Melayu dimartabatkan melalui penggubalan undang-undang<br>H1b Bahasa Melayu sebagai bahasa rasmi<br>F2 Memperkasakan bahasa Melayu dalam Pendidikan<br>H2a Melalui sekolah menengah kebangsaan yang menggunakan bahasa Melayu sebagai bahasa pengantar<br>F3 Penubuhan Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM)<br>H3a UKM menjadi pusat penyelidikan dan rujukan bahasa dan kebudayaan tamadun Melayu<br>F4 Peranan Dewan Bahasa dan Pustaka (DBP)<br>H4 Melalui penerbitan buku dan majalah, risalah, menganjurkan seminar dan bengkel |

| | | |
|---|---|---|
| (*b*) | Penggunaan bahasa kebangsaan dapat memupuk perpaduan kaum.<br>Berikan pandangan anda.<br><br>[8 *markah*] | F1 Penggunaan satu bahasa memudahkan komunikasi<br>F2 mewujudkan semangat perpaduan<br>F3 Menanamkan semangat cinta akan negara<br>F4 Membentuk perasaan kebersamaan dalam membangunkan negara<br>F5 Masyarakat lebih bekerjasama dan bertoleransi melalui penggunaan satu bahasa<br>F6 Membentuk identiti kebangsaan<br>F7 Menonjolkan imej keharmonian kepada masyarakat luar<br>F8 Menimbulkan rasa bangga dan jati diri yang tinggi |
| (*c*) | Jelaskan langkah yang boleh diambil oleh generasi kini bagi memperkasakan bahasa kebangsaan.<br><br>[8 *markah*] | |

| 10 | Dasar Kebudayaan Kebangsaan telah diisytiharkan pad atahun 1971 hasil daripada cadangan Kongres Kebudayaan Kebangsaan di Pulau Pinang. *[ms 150-151]* | **PANDUAN JAWAPAN** |
|---|---|---|
| (*a*) | Mengapakah Dasar Kebudayaan Kebangsaan diperkenalkan?<br>_____<br>_____<br>_____<br>_____<br>_____<br>_____<br>_____<br>[4 *markah*] | F1 Mewujudkan perpaduan bangsa dan negara melalui kebudayaan<br>F2 Mengukuhkan integrasi nasional<br>F3 Menjadi garis panduan Masyarakat bagi membentuk dan mengekalkan identiti warganegara Malaysia<br>F4 Memupuk dan memelihara keperibadian bangsa<br>F5 mengekalkan identiti bangsa |
| (*b*) | (i) Jelaskan prinsip yang menjadi teras Dasar Kebudayaan Kebangsaan.<br>_____<br>_____<br>_____<br>_____<br>_____<br>[2 *markah*]<br><br>(ii) Terangkan langkah-langkah untuk menjayakan pelaksanaan Dasar Kebudayaan Kebangsaan.<br>_____<br>_____<br>_____<br>_____<br>_____<br>_____<br>_____<br>_____<br>_____<br>_____<br>_____<br>_____<br>_____<br>_____<br>_____<br>_____<br>_____<br>_____<br>_____<br>[6 *markah*] | b (i)<br>F1 Berteraskan kebudayaan rakyat asal rantau Melayu sebagai tunjang Dasar Kebudayaan Kebangsaan<br>F2 Unsur kebudayaan lain yang sesuai dan wajar diterima<br>F3 Islam menjadi unsur penting dalam pembentukan Dasar Kebudayaan Kebangsaan<br>F4 Tidak bercanggah dengan Perlembagaan Persekutuan<br>F5 Selaras dengan prinsip Rukun Negara<br><br>b (ii)<br>F1 Dilaksanakan oleh Kementerian Pelancongan, Kesenian dan Kebudayaan/Istana Budaya/Akademi Seni Budaya dan Warisan Kebangsaan (ASWARA)<br>F2 Dijelmakan melalui program Citrawarna Malaysia<br>F3 Melibatkan pelbagai kaum<br>F4 Merupakan promosi pelancongan dan nyanyian<br>F5 Program melibatkan memperagakan kebudayaan, pakaian, tarian<br>F6<br>F Melahirkan ramai tokoh penggiat budaya |

(*c*) Baca pernyataan berikut.

> Keharmonian penduduk Malaysia yang berbilang kaum menjadi 175 ambing kemegahan dan tanda pengenalan kita yang sering dikagumi masyarakat negara lain. Keakraban masyarakat kit aini secara tidak langsung membuka ruang untuk mengenali budaya dan kesenian kaum lain. Kesefahaman inilah yang menyerlahkan keunikan negara kita.
>
> Jika diperhalusi, Malaysia memang ada banyak keistimewaan khususnya dari segi budaya. Puluhan pecahan etnik khususnya daripada kaum peribumi menambah khazanah seni dan budaya yang tidak ternilai harganya. Setiap kaum dan etnik mempunyai muzik tradisional tersendiri yang cukup indah.
>
> (Sumber: *https://www.hmetro.com.my/nuansa*)

Jelaskan maklumat yang terkandung dalam pernyataan di atas dan kesan sekiranya kebudayaan rakyat Malaysia disebarluaskan.

[8 *markah*]

| 11 | Gambar berikut menunjukkan sukan tahunan yang berlangsung di sekolah. *[ms 152-156]* | **PANDUAN JAWAPAN** |
|---|---|---|
| (*a*) | <br>Apakah kepentingan penganjuran sukan tersebut?<br>_____<br>_____<br>_____<br>_____<br>_____<br>_____<br>_____<br>_____<br>_____<br>_____<br>[4 *markah*] | F1 Medium untuk memupuk perpaduan kaum<br>F2 Memupuk integrasi nasional di Malaysia<br>F3 Mengeratkan rasa Muhibbah<br>F4 Menerapkan rasa saling hormat-menghormati dalam kalangan peserta<br>F5 mewujudkan masyarakat yang sanggup memberikan sumbangan dalam kecemerlangan sukan negara |
| (*b*) | Slogan berikut sering digunakan dalam penganjuran acara sukan di negara kita.<br>"Malaysia Boleh"<br>Terangkan kepentingan slogan di atas kepada negara Malaysia.<br>_____<br>_____<br>_____<br>_____<br>_____<br>_____<br>_____<br>_____<br>_____<br>_____<br>[8 *markah*] | F1 Menunjukkan patriotism dalam kalangan rakyat Malaysia<br>H1a Tidak mengira kaum<br>H1b Tidak mengira bangsa<br>H1c Tidak mengira budaya<br>F2 asalnya digunakan semasa kempen Malaysia<br>H2a Penyertaan Malaysia dalam kejohanan Olimpik di Sepanyol<br>H2b Kejohanan sukan SEA di Singapura tahun 1993<br>H2c Laungan semangat "Malaysia Boleh" oleh penyokong Malaysia pada tahun 1992<br>F3 Malaysia muncul sebagai juara Piala Thomas<br>F4 Membuktikan rakyat Malaysia bersatu padu |

| | |
|---|---|
| (*c*) | Apakah langkah yang boleh diambil untuk meningkatkan pencapaian negara kita dalam acara sukan di peringkat antarabangsa?<br>_____<br>_____<br>_____<br>_____<br>_____<br>_____<br>_____<br>_____<br>_____<br>_____<br>_____<br>_____<br>_____<br>_____<br>[8 *markah*] |

| **12** | Rukun Negara merupakan ideologi negara yang dibentuk untuk menyatukan rakyat pelbagai kaum.<br>*[ms 157-159]* | **PANDUAN JAWAPAN** |
|---|---|---|
| (*a*) | Jelaskan sejarah pembentukan Rukun Negara.<br>_____<br>_____<br>_____<br>_____<br>_____<br>_____<br>_____<br>_____<br>_____<br>_____<br>[6 *markah*] | F1 Digubal rentetan daripada peristiwa 13 Mei 1969<br>F2 Hasil perbincangan dan pemikiran Majlis Perundingan Negara (MAPEN)<br>F3 Dibentuk oleh MAGERAN pada 29 Januari 1970<br>F4 Menekankan ikrar yang perlu dihayati oleh warganegara Malaysia<br>F5 Diisytiharkan secara rasmi oleh Yang di-Pertuan Agong IV pada 31 Ogos 1970<br>H6 Sempena ulang tahun kemerdekaan yang ke 13 |
| (*b*) | Maklumat berikut merujuk kepada prinsip Rukun Negara.<br>Kepercayaan kepada Tuhan<br>Kesetiaan kepada Raja dan Negara<br>Keluhuran Perlembagaan<br>Kedaulatan Undang-undang<br>Kesopanan dan Kesusilaan<br>Terangkan ciri-ciri prinsip Rukun Negara tersebut.<br>_____<br>_____ | F1 Pegangan terhadap agama menjadi panduan hidup<br>H1 membentuk keperibadian diri yang baik<br>F2 Rakyat Malaysia perlu setia kepada raja dan negara<br>H2 Raja merupakan symbol penyatuan dan perpaduan rakyat berbilang kaum<br>F3 Rakyat perlu menghormati keluhuran perlembagaan<br>H3 Perlembagaan tidak boleh dicabar kerana prinsip |

| | | |
|---|---|---|
| | [6 *markah*] | ketertinggian dan keagungannya<br>F4 Rakyat perlu menghormati undang-undang<br>H4 Rakyat perlu berusaha menyokong penguatkuasaan undang-undang |
| (*c*) | Bagaimanakah pengamalan prinsip Rukun Negara oleh seluruh rakyat dapat menjadikan Malaysia cemerlang dan gemilang?<br><br>[8 *markah*] | |

**BAB**
**SK 11.2 PILIHAN RAYA**

**BAHAGIAN A: STRUKTUR**

| **1** | Pilihan raya di negara kita diadakan selaras dengan peruntukaan dalam Perlembagaan Persekutuan Malaysia dalam Bahagian VIII.<br>*[ms 194 - 196]* | **PANDUAN JAWAPAN** |
|---|---|---|
| (*a*) | Jelaskan maksud pilihan raya?<br><br>Pilihan raya merupakan **asas berkerajaan sendiri** yang memberikan **peluang rakyat memilih wakil rakyat** atau **parti yang akan membentuk kerajaan**<br>[2 *markah*] | F1 asas berkerajaan sendiri<br>F2 rakyat memilih wakil atau parti yang akan membentuk kerajaan<br>F3 menyaksikan pengamalan sistem demokrasi di sebuah negara<br>F4 pemilihan dilakukan secara sulit<br>F5 menggunakan prosedur yang telus |
| (*b*) | Jelaskan syarat yang membolehkan seseorang menjadi pengundi dan calon dalam pilihan raya Majlis Perundangan Persekutuan1955.<br>(*i*) Pengundi<br><br>Pengundi mestilah warganegara Persekutuan Tanah Melayu yang berumur 21 tahun ke atas.<br>[2 *markah*]<br><br>(*ii*) calon<br><br>Calon mestilah **warganegara** Persekutuan Tanah Melayu yang berumur **21 tahun ke atas**. Calon mestilah **tinggal di Persekutuan Tanah Melayu** dan tinggal dalam tempoh **12 bulan sebelum hari penamaan calon.**<br>[2 *markah*] | (b)(i)<br>F1 warganegara Persekutuan Tanah Melayu<br>F2 Berumur 21 tahun ke atas<br>F3 Tinggal di Persekutuan Tanah Melayu dalam tempoh 6 bulan terdahulu<br><br>(b)(ii)<br>F1 warganegara Persekutuan Tanah Melayu<br>F2 Berumur 21 tahun ke atas<br>F3 Tinggal di Persekutuan Tanah Melayu dan tinggal dalam tempoh 12 bulan sebelum hari penamaan calon<br>F4 Berpengetahuan dalam BI dan BM |
| (*c*) | Pada pandangan anda, mengapakah terdapat segelintir rakyat tidak keluar mengundi pada hari mengundi?<br><br>Rakyat tidak keluar mengundi pada hari pengundian kerana **kurang minat dan kesedaran** tentang pentingnya peranan mereka sebagai pengundi. Selain itu, **fenomena lompat parti** dalam kalangan pemimpin dan **pergolakan politik** menjadi punca rakyat tidak ingin keluar mengundi di samping menghadapi **ancaman kesihatan dan ekonomi.**<br>[4 *markah*] | |

| | | |
|---|---|---|
| **2** | Rajah berikut berkaitan dengan pilihan raya yang diadakan di Tanah Melayu sebelum merdeka.<br>[ms 197]<br><br>1951 Pilihan Raya **x** → 1952 Pilihan Raya **Y** → 1954 Pilihan Raya Negeri | **PANDUAN JAWAPAN** |
| (*a*) | Namakan pilihan raya berikut:<br><br>X: _____<br><br>Y: _____<br><br>[2 *markah*] | **X**: Pilihan Raya Perbandaran George Town<br>**Y**: Pilihan Raya Majlis Perbandaran Kuala Lumpur |
| (*b*) | Apakah tujuan pilihan raya (a) di atas dijalankan?<br><br>_____<br>_____<br>_____<br>_____<br>_____<br>_____<br>_____<br><br>[2 *markah*] | F1 Memilih 9 ahli Pesuruhjaya Perbandaran George Town<br>F2 Merebut 12 kerusi Majlis Perbandaran Kuala Lumpur<br>F3 bagi Kawasan Sentul/Bangsar/Imbi/ Petaling Jaya |
| (*c*) | Jelaskan hasil pilihan raya peringkat negeri pada tahun 1954.<br><br>_____<br>_____<br>_____<br>_____<br>_____<br>_____<br>_____<br><br>[2 *markah*] | F1 Perikatan UMNO-MCA memenangi 226 daripada 228 kerusi<br>F2 Menunjukkan penerimaan masyarakat terhadap kerjasama antara kaum dalam politik negara |
| (*c*) | Pilihan raya wajar diteruskan pada masa kini. Beri alasan anda.<br><br>_____<br>_____<br>_____<br>_____<br>_____<br>_____ | |

| | |
|---|---|
| | _____<br>_____<br>_____<br>_____<br><br>[4 markah] |

| 3 | Majlis Perundangan Persekutuan 1955 terbentuk selepas kemenangan besar Parti Perikatan dalam Pilihan Raya Persekutuan Tanah Melayu pada tahun 1955. [ms 204-205] | **PANDUAN JAWAPAN** |
|---|---|---|
| (*a*) | Jelaskan keanggotaan Majlis Perundangan Persekutuan 1955.<br>_____<br>_____<br>_____<br>_____<br>_____<br>_____<br>_____<br>[2 *markah*] | F1 Tterletak di bawah kuasa raja di negeri masing-masing.<br>F2 Bagi Wilayah Persekutuan dan negeri tidak beraja, perkara ini terletak di bawah kuasa Yang di-Pertuan Agong.<br>F3 Agama rasmi |
| (*b*) | Jelaskan kesan penubuhan Majlis Perundangan Persekutuan 1955.<br>_____<br>_____<br>_____<br>_____<br>_____<br>_____<br>_____<br>_____<br>_____<br>_____<br>_____<br>_____<br>_____<br>_____<br>_____<br>_____<br>_____<br>_____<br>_____<br>_____ | F1 Kerajaan diketuai oleh Tunku Abdul Rahman<br>H1 Ketua Menteri mengambil alih tugas pentadbiran Tanah Melayu daripada Pesuruhjaya Tinggi British.<br><br>F2 Proses pertukaran dan pembaharuan berlaku secara berperingkat dan mengambil masa.<br>H2 Pesuruhjaya Tinggi British masih memegang tampuk kepimpinan peringkat atasan yang menentukan hala tuju negara.<br><br>F3 Kuasa pegawai British kini beransur-ansur dipindahkan kepada rakyat tempatan.<br>H3a masih terdapat pegawai British yang berperanan sebagai penyelia atau penasihat bidang keselamatan. |

| | | |
|---|---|---|
| | _____<br>_____<br>_____<br>_____<br>_____<br>_____<br>_____<br>_____<br>_____<br>_____<br>_____<br>[4 *markah*] | H3b Sistem Ahli dimansuhkan.<br><br>F4 Keanggotaan MPP menyaksikan perkembangan penting amalan pentadbiran demokrasi di negara kita.<br>H4 menggambarkan kejayaan Kerajaan Persekutuan yang dibentuk dan dipimpin oleh rakyat tempatan, manakala ahlinya dipilih oleh rakyat. |
| (*c*) | Pembentukan Majlis Perundangan Persekutuan 1955 menunjukkan kompromi melalui perkongsian kuasa antara kaum. Beri hujah anda yang menyokong pernyataan di atas.<br><br>_____<br>_____<br>_____<br>_____<br>_____<br>_____<br>_____<br>_____<br>_____<br>_____<br>_____<br>_____<br>_____<br>_____<br>_____<br>_____<br>[4 markah] | |

| | | |
|---|---|---|
| **4** | Gambar menunjukkan Kabinet pertama Persekutuan Tanah Melayu selepas Pilihan Raya Umum 1955. [ms 206-207]<br>  | **PANDUAN JAWAPAN** |
| (*a*) | Nyatakan **tiga** anggota kabinet pertama Persekutuan Tanah Melayu 1955.<br><br>(i) _____<br>(ii) _____<br>(iii) _____<br><br>[3 *markah*] | F1 Tunku Abdul Rahman<br>F2 Dato' Abdul Razak Hussein F3<br>F3 V.T. Sambanthan<br>F4 H.S. Lee<br>F5 Ong Yoke Lin |
| (*b*) | Jelaskan peranan kabinet pertama di atas.<br><br>_____<br>_____<br>_____<br>_____<br>_____<br>_____<br>_____<br>_____<br>_____<br>_____<br>_____<br>_____<br>_____<br>_____<br><br>[3 *markah*] | F1 Membincangkan soal kewangan/ keperluan org tempatan dalam perkhidmatan awam<br>F2 Menyambung sistem yang digunapakai dalam MPP<br>F3 Berasaskan Model Wastminster<br>F4 Mengurangkan kuasa pentadbiran British<br>F5 meminta kuasa veto Pesuruhjaya Tinggi British dibatalkan<br>F6 membincangkan isu keselalmatan dalam negeri dan pertahanan |
| (*c*) | Kepimpinan berwibawa penting kepada pembangunan negara. Beri komen anda.<br>_____<br>_____<br>_____<br>_____<br>_____<br>_____<br>[4 *markah*] | |

**BAB 8** **BAHAGIAN B: ESEI**
**SK 11.2 PILIHAN RAYA**

| | | |
|---|---|---|
| **5** | Maklumat berikut berkaitan dengan pilihan raya. *[ms 22-27]*<br><br>Pilihan raya adalah satu proses demokrasi di mana undian digunakan untuk memilih calon yang sesuai untuk mewakili rakyat di parlimen. Ia merupakan suatu mekanisme demokrasi untuk memilih calon yang sesuai untuk memenuhi jawatan-jawatan penggubal undang-undang, eksekutif, perundangan dan kerajaan tempatan.<br><br>Sumber: https://ms.m.wikipedia.org/wiki/Pilihan_raya | **PANDUAN JAWAPAN** |
| (*a*) | Terangkan sejarah pilihan raya majlis perbandaran pertama di Tanah Melayu.<br><br>Pilihan raya majlis perbandaran pertama iaitu Pilihan Raya Perbandaran George Town di adakan di George Town, Pulau Pinang pada tahun 1951. Tujuan pilihan raya tersebut diadalan adalah untuk memilih Sembilan orang ahli Pesuruhjaya Perbandaran George Town. Sebelumnya, ahli dalam Majlis Perbandaran dilantik oleh Gabenor Negeri-Negeri Selat. Hari pendaftaran pemilih diadakan selama enam minggu mulai 17 Mei 1951 hingga 30 Jun 1951. Seramai 14 514 orang pengundi mendaftar untuk membuang undi dalam pilihan raya ini.<br><br>[4 *markah*] | |
| (*b*) | Terangkan proses pilihan raya Majlis Perundangan Persekutuan 1955.<br><br>Suruhanjaya Penentuan Sempadan Kawasan ditubuhkan dan berjaya membentuk 52 kawasan pilihan raya pada 26 April 1954. Kemudian, pada Ogos 1954 Rang Undang-undang diluluskan bagi membolehkan pilihan raya diadakan. Hal ini membolehkan pendaftaran pengundi dilakukan mulai 18 Oktober 1954 di seluruh Tanah Melayu, manakala di Terengganu bermula 29 Oktober 1954.<br><br>Seterusnya, penamaan calon dibuat pada 15 Jun 1955. Oleh itu, kempen pilihan raya telah dijalankan selama 45 hari sehingga hari mengundi pada 27 Jun 1955. Setelah pengundian selesai, peti undi dibawa ke pusat pengiraan undi dan proses pengiraan undi dilakukan. Langkah terakhir yang dilakukan ialah membuat pengumuman keputusan undian pilihan raya berkenaan.<br><br>[6 *markah*] | |
| (*c*) | Berdasarkan pengetahuan sejarah anda, apakah syarat yang perlu dipenuhi bagi seseorang yang berhasrat menjadi calon dalam pilihan raya di Malaysia?<br><br>Syarat yang perlu dipenuhi bagi seseorang yang berhasrat menjadi calon dalam pilihan raya di Malaysia ialah mestilah **warganegara Malaysia** yang berumur **21 tahun dan ke atas**. Selain itu, calon haruslah **bermastautin** di dalam bahagian pilihan raya berkenaan. Seterusnya calon mestilah **tidak hilang kelayakan dari segi perundangan** iaitu **tidak muflis** dan tidak dikenakan **tahanan penjara**.<br><br>[5 *markah*] | |

| | |
|---|---|
| (*d*) | Gambar berikut berkaitan dengan pilihan raya di Malaysia.<br><br> <br><br><br>Bincangkan langkah Suruhanjaya Pilihan Raya (SPR) dalam memastikan proses pilihan raya bebas dan telus.<br><br>Suruhanjaya Pilihan Raya (SPR) mempunyai peranan yang besar dalam memastikan proses pilihan raya bebas dan telus dengan menjadi badan yang **bebas daripada mana-mana pengaruh parti politik**. Malah SPR bertanggungjawab **memastikan hanya pengundi berdaftar sahaja yang layak mengundi. Selain** itu, **gejala rasuah** seperti **pembelian undi harus dihentikan**. Hal ini dapat dilakukan dengan **menguatkuasakan Akta Kesalahan Pilihan Raya 1954 secara adil** dan saksama.<br><br>SPR juga harus memastikan **media bebas untuk memberi liputan** yang seimbang dan adil untuk semua parti yang bertanding. Semua parti politik yang bertanding mesti **menghentikan budaya politik kotor** yang merosakkan imej negara. Seterusnya, penggunaan **dakwat kekal** pada jari pengundi kerana boleh mengelakkan pengundian berulang.<br><br>[5 *markah*] |

| **6** | Pilihan raya merupakan satu proese memilih wakil rakyat untuk membentuk Kerajaan sama ada pada peringkat persekutuan atau negeri. *[ms 196-205]* | **PANDUAN JAWAPAN** |
|---|---|---|
| (*a*) | Jelaskan syarat-syarat menjadi pengundi dan calon pilihan raya Majlis Perundangan Persekutuan.<br>_____<br>_____<br>_____<br>_____<br>_____<br>_____<br>_____<br>_____<br>_____<br>_____<br>_____<br>_____<br>_____<br>_____<br>_____<br>_____<br>[6 *markah*] | F1 Pengundi mestilah warganegara Persekutuan Tanah Melayu<br>F2 Berumur 21 tahun ke atas<br>F3 Tinggal di Persekutuan Tanah Melayu dalam tempoh 6 bulan terdahulu<br><br>**Manakala calon pilihan raya mestilah**<br><br>F4 warganegara Persekutuan Tanah Melayu<br>F5 Berumur 21 tahun ke atas<br>F6 Tinggal di Persekutuan Tanah Melayu dan tinggal dalam tempoh 12 bulan sebelum hari penamaan calon<br>F7 Berpengetahuan dalam BI dan BM |

(*b*) Maklumat berikut berkaitan manifesto Parti Perikatan dalam Pilihan Raya Umum 1955.

> Dalam kempen pilihan raya umum 1955, Parti Perikatan telah menggunakan manifesto berikut iaitu mencapai kemerdekaan dalam masa empat tahun, mewajibkan Pendidikan kepada semua kaum, menjadikan perkhidmatan awam bercorak tempatan, menjaga hak asasi manusia serta melindungi hak Raja-Raja Melayu sebagai Raja Berperlembagaan. Sesunguhnya manifesto ini telah berjaya menawan hati pengundi sehingga terbukti dengan kejayaan Parti Perikatan memenangi hampir 100% kerusi yang dipertandingkan.
>
> Sumber: http://www.arkib.gov.my/web/guest/pilihanraya-umum-pertama-19554.

Sekiranya anda mewakili parti yang bertanding dalam pilihan raya yang akan datang, apakah manifesto yang akan anda gunakan untuk mempengaruhi pengundi?

[6 *markah*]

(*c*) Pada pandangan anda, mengapakah sesebuah parti perlu berusaha menunaikan manifesto mereka?

[8 *markah*]

| 7 | Kabinet pertama Persekutuan Tanah Melayu merupakan satu langkah ke arah mewujudkan sebuah kerajaan sendiri. *[ms 206 - 207]* | **PANDUAN JAWAPAN** |
|---|---|---|
| (*a*) | Perihalkan pembentukan kabinet pertama Persekutuan Tanah Melayu.<br>[4 *markah*] | F1 dibentuk selepas pilihan raya umum 11955<br>F2 memainkan pelbagai peranan ke arah berkerajaan sendiri<br>F3 Tunku Abdul Rahman sebagai Ketua Menteri<br>H3 dan berkuasa menubuhkan kabinet<br>F4 ditubuhkan secara rasmi pada 4 Ogos 1955<br>F5 oleh Sir Donald MacGillivary, Pesuruhjaya Tinggi British<br>F6 memastikan pentadbiran negara berjalan dengan lancar |
| (*b*) | Jelaskan keanggotaan dan peranan kabinet pertama Persekutuan Tanah Melayu.<br>[8 *markah*] | F1 Dianggotai 10 orang Menteri<br>F2 Tiga orang pegawai British<br>H2 Memegang portfolio Setiausaha Kewangan, Setiausaha Hal Ehwal Ekonomi dan Setiausaha Pertahanan.<br>F3 Mendapat perkenan Raja-Raja Melayu<br>F4 Memastikan pentadbiran negara berjalan dengan lancar<br>F5 Membincangkan soal kewangan/ keperluan org tempatan dalam perkhidmatan awam<br>F6 Menyambung sistem yang digunapakai dalam MPP<br>H6 Berasaskan Model Wastminster<br>F7 Mengurangkan kuasa pentadbiran British<br>F8 meminta kuasa veto Pesuruhjaya Tinggi British dibatalkan<br>F9 membincangkan isu keselalmatan dalam negeri dan pertahanan |

(*c*) Teliti keratan akhbar di bawah dengan teliti.

> Kita perlu belajar daripada pengalaman kepimpinan negara sebelum ini. Rakyat mengharapkan anggota kabinet dilantik bersih dan tidak terpalit sebarang kes rasuah serta penyelewengan.
>
> Ini penting untuk pemimpin yang benar-benar bebas sebarang sabitan atau kes rasuah sahaja, layak memimpin negara. Malah, ia menghantar isyarat jelas kepada rakyat bahawa mereka tidak berkompromi dengan rasuah.
>
> Untuk rekod, jika ada pertuduhan kepada Ahli Parlimen dan Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) mengenai amalan rasuah, dokumen perisytiharan harta boleh menjadi bukti ia sudah diambil maklum oleh kerajaan negeri atau persekutuan.
>
> Kajian sikap juga menunjukkan antara ciri utama pemilihan pengundi ialah calon tidak terbabit atau terpalit rasuah. Malah, kajian saya mendapati pengundi mengharap agar calon mesti berintegriti tinggi, jujur, Amanah dan bertanggungjawab. Personaliti calon memang menjadi keumataan, selain anak tempatan dan turun padang.
>
> Sumber: *https://www.bharian.com.my/kolumnis/2020/03/665473/integriti-ceminan-personaliti-pemimpin*

Jelaskan maklumat yang terkandung dalam petikan diatas dan kesannya sekiranya kita gagal memilih pemimpin yang sedemikian.

_____
_____
_____
_____
_____
_____
_____
_____
_____
_____
_____
_____
_____
_____
_____

[8 *markah*]

**BAB 8** **BAHAGIAN A: STRUKTUR**
**SK 14.1 MEMBINA KESEJAHTERAAN NEGARA**

| | | |
|---|---|---|
| **1** | DEB dilancarkan melalui Rangka rancangan Jangka Panjang Pertama (RRJP1) yang bertujuan memulihkan ketidakseimbangan sosioekonomi yang wujud antara kaum, wilayah dan antara kawasan dalam wilayah yang sama.<br>[ms 167] | **PANDUAN JAWAPAN** |
| (*a*) | Apakah matlamat pelaksanaan Dasar Ekonomi Baru?<br><br>Matlamat DEB ialah untuk **membasmi kemiskinan** dengan menambah pendapatan dan memperbanyak **peluang pekerjaan** kepada rakyat tanpa mengira kaum. Selain daripada itu juga matlamat DEB ialah untuk **menyusun semula masyarakat.**<br>[3 *markah*] | F1 membasmi kemiskinan dengan menambahkan pendapatan<br>F2 memperbanyak peluang pekerjaan kepada rakyat tanpa mengira kaum<br>F3 Menyusun semula masyarakat<br>F4 menghapuskan pengenalan kaum mengikut fungsi ekonomi |
| (*b*) | Nyatakan isu sosioekonomi yang berkaitan semasa Dasar Ekonomi Baru dilancarkan pada 1970<br><br>**i.** Jurang sosioekonomi antara **bumiputera dengan bukan bumiputera**<br>ii. Jurang sosioekonomi antara **pantai timur dengan pantai barat**<br>**iii.** Jurang sosioekonomi antara **masyarakat desa dengan bandar**<br>[3 *markah*] | F1 Jurang sosioekonomi antara bumiputera dengan bukan bumiputera<br>F2 Jurang sosioekonomi antara pantai timur dengan pantai barat<br>F3Jurang sosioekonomi antara masyarakat desa dengan bandar<br>F4 Jurang sosioekonomi antara negeri |
| (*c*) | Berdasarkan pengetahuan sejarah anda, bagaimanakah kemakmuran negara boleh dinikmati oleh semua kaum melalui pelaksanaan DEB?<br><br>Kemakmuran boleh dinikmati dengan **memupuk perpaduan** dalam kalangan semua kaum. Hal ini kerana semua kaum dapat hidup **bertoleransi** walaupun **berbeza agama dan budaya**. Selain daripada itu kemakmuran juga boleh dinikmati dengan mengamalkan **nilai-nilai murni** di dalam hidup bermasyarakat seperti **hormat-menghormati** antara satu sama lain.<br>[4 *markah*] | |

| | | |
|---|---|---|
| **2** | Dasar ekonomi Baru (DEB) dilaksanakan dengan menggunakan beberapa pendekatan bertujuan melahirkan masyarakat yang bersatu padu melalui agihan ekonomi yang seimbang<br>[ms 169 & 172] | **PANDUAN JAWAPAN** |
| (*a*) | Rancangan Buku Hijau telah dilancarkan oleh Tun Abdul Razak Hussein pada 20 Disember 1974<br> <br><br>Nyatakan **tiga** matlamat Rancangan Buku Hijau<br>(i)_____<br>(ii)_____<br>(iii)_____<br>[3 *markah*] | F1 menambah pendapatan rakyat dan pemgeluaran bahan makanan<br>F2 memberi tumpuan kepada penggunaan tanah sepenuhnya<br>F3 Mengusahakan tanah dengan tanaman jangka pendek<br>C3 perkebunan berkelompok / penternakan/ pemasaran/projek kecil |
| (*b*) | Apakah usaha yang dilakukan oleh kerajaan untuk memastikan kaum bumiputera tidak ketinggalan dalam pemilikan saham syarikat perdagangan?<br>_____<br>_____<br>_____<br>_____<br>_____<br>_____<br>_____<br>_____<br>_____<br>[3 *markah*] | F1 Penubuhan Permodalan Nasional Berhad (PNB)<br>F2Amanah Sahan Nasional (ASN) dan Amanah Saham Bumiputera dilancarkan<br>F3 kaum bukan bumiputera diberi peluang dalam pemilikan modal saham |
| (*c*) | Pendidikan berteraskan kemahiran mampu mewujudkan persaingan yang sihat dalam kalangan remaja. Berikan ulasan anda<br>_____<br>_____<br>_____<br>_____<br>_____<br>_____<br>_____<br>_____<br>[4 *markah*] | |

| | | |
|---|---|---|
| **3** | Dasar Pembangunan Nasional (DPN) dilancarkan oleh Tun Dr. Mahathir Mohamad, Perdana Menteri Malaysia yang keempat pada 17 Jun 1991.<br>[ms 174 & 177] | **PANDUAN JAWAPAN** |
| (*a*) | Nyatakan Rancangan Pembangunan Ekonomi Lima Tahun yang dijalankan di bawah DPN.<br><br>(i)_____<br><br>(ii)_____<br><br>[2 *markah*] | F1 Rancangan Malaysia Keenam<br>F2 Rancangan Malaysia Ketujuh |
| (b) | Terangkan langkah penyusunan semula masyarakat yang dilaksanakan dalam DPN.<br><br>_____<br>_____<br>_____<br>_____<br>_____<br>_____<br>_____<br>_____<br>_____<br>_____<br>_____<br>_____<br>_____<br>_____<br>[4 *markah*] | F1 tingkatkan tenaga kerja dan penyertaan bumiputera<br>C1a Seperti pembuatan dan perkhidmatan<br>F2 Latihan dalam bidang pengurusan harta dan etika perniagaan<br>F3 Pemberian kontrak,kuota dan lesen kepada bumiputera dan syarikat usaha sama dengan bukan bumiputera<br>F4 Perhatian khusus penyertaan bumiputera dalam IKS<br>F5 Usaha sama antara bumiputera dengan bukan bumiputera |
| (*c*) | Pelaksanaan DPN telah dapat meningkatkan taraf hidup hidup rakyat. Berikan pendapat anda.<br><br>_____<br>_____<br>_____<br>_____<br>_____<br>_____<br>_____<br>[4 *markah*] | |

| | | |
|---|---|---|
| **4** | Pelaksanaan DEB dan DPN membawa perubahan kepada kemajuan ekonomi serta taraf hidup penduduk yang dapat dilihat dari aspek sosial dan ekonomi.<br>[ms 180-187] | **PANDUAN JAWAPAN** |
| (*a*) | Nyatakan tiga kemajuan sosial yang dicapai menerusi pelaksanaan DEB dan DPN<br>_____<br>_____<br>_____<br>_____<br>_____<br>_____<br>_____<br>_____<br>_____<br>_____<br>_____<br>[3 *markah*] | F1 Penurunan kadar kemiskinan<br>F2 Peningkatan kualiti hidup<br>F3 Kemunculan golongan pertengahan<br>F4 Masyarakat perdagangan dan perindustrian bumiputera<br>F5 Pembangunan pendidikan<br>F6 Pengangkutan dan perhubungan |
| (b) | PROTON PERODUa<br>Apakah kesan hasil penubuhan dua perusahaan tersebut?<br>_____<br>_____<br>_____<br>_____<br>_____<br>_____<br>_____<br>_____<br>_____<br>[3 *markah*] | F1 membuka peluang pekerjaan<br>F2 meningkatkan pendapatan rakyat<br>F3 meningkatkan taraf hidup masyarakat |
| (*c*) | Perkembangan dalam bidang perindustrian dan perdagangan telah meningkatkan kestabilan ekonomi negara. Beri penjelasan anda.<br>_____<br>_____<br>_____<br>_____<br>_____<br>_____<br>_____<br>[4 *markah*] | |

**BAB 8** **BAHAGIAN B: ESEI**
**SK 14.1 MEMBINA KESEJAHTERAAN NEGARA**

| **6** | Dasar Ekonomi Baru (DEB) dan Dasar Pembangunan Nasional (DPN) berjaya membawa perubahan dari pelbagai aspek. *[ms 181 & 186]* | **PANDUAN JAWAPAN** |
|---|---|---|
| (*a*) | Kemunculan Golongan Pertengahan<br><br>Terangkan kesan daripada kewujudan golongan tersebut.<br><br>Kesannya ialah munculnya kewujudan **masyarakat baharu** yang terdiri daripada golongan **profesional**. Selain daripada itu kesannya juga ialah **keperluan** terhadap bidang kerja semakin meningkat. Kemunculan golongan ini menunjukkan dasar ekonomi yang dilaksanakan memberikan kesan terhadap peningkatan **taraf hidup.**<br><br>[4 *markah*] | F1 kewujudan masyarakat baharu<br>C1a golongan profesional/pemodal/teknikal/ pentadbiran/pengurusan<br>F2 keperluan terhadap bidang kerja semakin meningkat<br>F3 kemunculan golongan ini menunjukkan dasar ekonomi yang dilaksanakan memberikan kesan terhadap peningkatan taraf hidup<br>F4 memberikan sumbangan yang besar kepada pendapatan/kemakmuran negara |
| (*b*) | Jelaskan ciri-ciri kawasan perindustrian baharu yang telah muncul melalui pelaksanaan DEB dan DPN.<br><br>Ciri-ciri kawasan perinndustrian ialah berdekatan dengan **sumber bahan mentah, infrastruktur, bekalan buruh** yang mencukupi. **Estet perindustrian** dibangunkan oleh **Perbadanan Kemajuan Ekonomi Negara (PKEN)Pihak Berkuasa Pembangunan Wilayah dan pihak swasta.** Kawasan ini dibangunkan sebagai **bandar terancang** yang mengandungi **kawasan perumahan, pusat perniagaan dan pusat rekreasi.**<br><br>**Taman Teknologi Perindustrian** merupakan **pusat penyelidikan dan pembangunan industri** yang terletak di bawah **Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi Malaysia.** Kementerian ini dipertanggungjawabkan untuk menjalankan **penyelidikan dan inovasi** bagi membangunkan teknologi perindustrian.<br><br>**Zon Perindustrian Bebas** merupakan kawasan perdagangan yang diberi **pelepasan cukai atau tarif sebagai insentif.** Tujuannya supaya dapat menarik **pengusaha pelabur dan merangsang ekonomi.** Kawasan ini sering digunakan oleh **syarikat multinasional** seperti **Sime Darby Berhad, Axiata Group dan Proton Holdings Berhad** untuk tujuan perniagaan dan perdagangan.<br><br>[8 *markah*] | F1 berdekatan dengan sumber bahan mentah/ infrastruktur/bekalan buruh yang mencukupi<br>F2 Estet perindustrian<br>H2a dibangunkan oleh Perbadanan Kemajuan Ekonomi Negara (PKEN)Pihak Berkuasa Pembangunan Wilayah/ pihak swasta<br>H2b dibangunkan sebagai bandar terancang<br>C2b yang mengandungi kawasan perumahan/ pusat perniagaan/ pusat rekreasi<br>F3 Taman Teknologi Perindustrian<br>H3a merupakan pusat penyelidikan dan pembangunan industri<br>H3b di bawah Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi Malaysia<br>H3c menjalankan penyelidikan dan inovasi<br>F4 Zon Perindustrian Bebas<br>F4a kawasan perdagangan yang diberi pelepasan cukai/ tarif sebagai insentif<br>F4b menarik pengusaha pelabur dan merangsang ekonomi<br>F4c digunakan oleh syarikat multinasional<br>C4 Sime Darby Berhad/ Axiata Group Berhad/ Proton Holdings Berhad |

(c)

KUALA LUMPUR: Kementerian Ekonomi optimis dengan pertumbuhan ekonomi negara dengan keluaran dalam negara kasar (KDNK) Malaysia dijangka berada pada landasan pertumbuhan seimbang dalam tempoh satu atau dua tahun akan datang.

Menterinya, Rafizi Ramli, berkata harapan kepada pertumbuhan seimbang merangkumi potensi pertumbuhan ekonomi dan peningkatan kedudukan kewangan kerajaan.

"Ekonomi negara diharapkan berada pada landasan yang lebih baik dalam mengembalikan kedudukan fiskal negara dan melaksanakan perubahan dalam struktur ekonomi membabitkan pelbagai sektor termasuk tenaga," katanya pada sidang media selepas pelancaran UK-Malaysia Clean Growth Handbook di sini, hari ini.

Mengulas mengenai jangkaan prestasi ekonomi pada suku pertama, Rafizi berkata, Kementerian Ekonomi positif dan yakin dengan pencapaian negara dalam tempoh beberapa bulan lalu meskipun berdepan dengan pelbagai cabaran khususnya ekonomi global yang mencabar.

Penganalisis ekonomi menjangkakan KDNK negara berkembang pada kadar 5.0 hingga 6.0 peratus pada suku pertama, berbanding lima peratus yang dicatatkan pada suku sama tahun lalu, dipacu permintaan domestik yang turut disokong pelaksanaan Belanjawan 2023.

Ia disebabkan perkembangan ekonomi yang baik pada tempoh yang sama tahun lalu selepas pembukaan ekonomi pada suku keempat 2021, menyebabkan asas yang tinggi untuk perbandingan antara suku ke suku tahun ini.

*https://www.bharian.com.my/bisnes/lain-lain/2023/05/1098951/ekonomi-malaysia-pada-landasan-pertumbuhan-seimbang*

Jelaskan maklumat yang terkandung dalam petikan tersebut dan berikan cadangan untuk meningkatkan lagi ekonomi negara.

Petikan tersebut menjelaskan ekonomi negara berada pada **landasan yang seimbang** dalam tempoh satu atau dua akan datang.Selain daripada itu, pertumbuhan yang seimbang hendaklah merangkumi potensi pertumbuhan ekonomi dan **peningkatan kedudukan kewangan kerajaan**. Ekonomi negara yang baik dapat mengembalikan kedudukan fiskal negara dan melaksanakan perubahan dalam **struktur ekonomi yang membabitkan pelbagai sektor termasuk tenaga.** KDNK negara **berkembang pada kadar 5.0 hingga 6.0 peratus** berbanding lima peratus yang dicatatkan pada suku sama tahun lalu, dipacu permintaan domestik yang turut disokong pelaksanaan Belanjawan 2023.

Antara cadangan untuk meningkatkan ekonomi ialah dengan merancakkan lagi **perindustrian** negara yang membawa lebih banyak **peluang pekerjaan** di dalam negara. Selain daripada itu, kerajaan hendaklah mengemukakan **dasar** yang berkaitan dengan kepentingan ekonomi supaya dapat menjana pendapatan yang lebih baik. Pihak kerajaan juga hendaklah menggiatkan lagi **promosi** berkenaan negara seperti contoh dalan aspek **pelancongan** negara yang membawa kemasukan pelancong dari luar. Sehubungan itu juga, kita hendaklah memupuk sifat **daya saing** supaya dapat menarik lebih banyak pelabur asing supaya menjadikan Malaysia sebagai pasaran. Kesimpulannya, ekonomi negara yang stabil dapat memberikan kebaikan kepada Malaysia sama ada di peringkat tempatann dan antarabangsa.

[8 *markah*]

| | | |
|---|---|---|
| **7** | Dasar Ekonomi Baru (DEB) diperkenalkan untuk membasmi kemiskinan dan menyusun semula masayarakat mengikut kaum. Dasar Pembangunan Nasional (DPN) pula diperkenalkan untuk meneruskan hasrat mencapai matlamat DEB.<br>*[ms 168 & 180]* | **PANDUAN JAWAPAN** |
| (*a*) | Apakah langkah yang telah dilaksanakan untuk menjayakan Dasar Ekonomi Baru?<br>[6 *markah*] | F1 meningkatkan taraf hidup rakyat<br>F2 rancangan Buku Hijau<br>F3 Peranan agensi kerajaan<br>F4 Lembaga Kemajuan Tanah Persekutuan (FELDA) dan pembangunan tanah<br>F5 pembangunan wilayah<br>F6 Pemilikan modal saham<br>F7 pengenalan industri kecil dan sederhana<br>F8 Pendidikan tenaga kerja mahir |
| (*b*) | Jelaskan pencapaian DEB dan DPN dari aspek sosial. | F1 Penurunan kadar kemiskinan<br>H1a membuka peluang pekerjaan/ menambah pendapatan isi rumah<br>H1b meningkatkat taraf hidup dan kualiti hidup<br>H1c mengurangkan masalah pengangguran<br>H1d DEB dapat mengurangkan kemiskinan daripada 49.3 peratus pada 1970 kepada 17.1 peratus pada tahun 1990.<br>H1e DPN mengurangkan kemiskinan kepada 7.2 peratus pada tahun 2000.<br>F2 Peningkatan kualiti hidup<br>H2a tahap kesihatan rakyat semakin baik<br>H2b peningkatan dari aspek pendidikan/pemilikan keperluan asas/ penyediaan infrastruktur/ hospital/klinik<br>F3 kemunculan golongan pertengahan |

| | | |
|---|---|---|
| | _____<br>_____<br>_____<br>_____<br>_____<br>_____<br>_____<br>_____<br>_____<br>_____<br>_____<br>_____<br>_____<br>_____<br>_____<br><br>[8 *markah*] | H3a wujud masyarakat baharu iaitu. Golongan profesional/ pemodal/ teknikal/ pentadbiran/pengurusan<br>H3b keperluan terhadap bidang kerja ini meningkat<br>F4 masyarakat perdagangan dan perindustrian bumiputera<br>H4a membentuk kelas bumiputera komersial yang terlibat dalam bidang korporat<br>H4b tokoh bumiputera dalam bidang perbankan/ pemodal saham/ pemilik syarikat/ pemilik pelabuhan/ usahawan muda<br>H4c menawarkan pekerjaan dalam syarikat dan industri yang dimiliki<br>F5 Pembangunan pendidikan<br>H5a memerlukan pekerja mahir yang berpendidikan<br>H5b muncul graduan dalam bidang sains/ teknologi/ teknikal<br>H5c permintaan yang tinggi dalam bidang perindustrian dan k-ekonomi<br>H5d dapat memperbaik taraf hidup rakyat<br>F6 pengangkutan dan perhubungan<br>H6a jalan raya/ pengangkutan udara/ kereta api/pelabuhan merancakkan ekonomi<br>H6b memudahkan proses integrasi antara Semenanjung Malaysia dengan Sarawak dan Sabah<br>F7 Perkembangan wilayah<br>H7a kemunculan bandar baharu<br>C7 Felda Segitiga Jengka<br><br>‘ |

(c) Teliti maklumat berikut.

> Transformasi Pembangunan Luar Bandar Kedua pada tahun 1994 adalah bermulanya tumpuan kepada pembangunan sumber daya insaniah terutamanya pembangunan insan bagi masyarakat luar bandar.Ia merupakan suatu anjakan paradigma pemikiran dan pendekatan sebagai pelengkap kepada falsafah yang mendasari Transformasi Pembangunan Luar Bandar Pertama.Transformasi ini dapat dilihat dengan jelas apabila jentera digunakan untuk meningkatkan pengeluaran dan mengurangkan tenaga kerja.
>
> Falsafah dan Strategi Baru Pembangunan Luar Bandar yang diperkenalkan pada tahun 1994 adalah untuk membentuk insan luar bandar yang berkualiti dan menguasai nilai murni, agar mereka dapat menggunakan masa, informasi dan sumber yang ada pada tahap paling optimum dan akhirnya menghasilkan tahap pembangunan ekonomi dan kesejahteraan keluarga yang cemerlang.Peluang-peluang ekonomi yang disediakan di luar bandar akan dimanfaatkan sumber manusia dengan lebih menyeluruh. Gerakan Desa Wawasan (GDW) yang dilancarkan pada 4 Julai 1996 oleh Tun Dr Mahathir Muhammad menekankan kepada penglibatan penduduk kampung itu sendiri dalam proses perancangan dan program pembangunan ke arah menjadikan desa lebih maju, menarik dan menguntungkan.Ia adalah usaha yang tersusun dan berterusan melalui proses membangkitkan kesedaran dan pembangunan sikap penduduk kampung ke arah transformasi luar bandar.4 pendekatan iaitu menyusun semula kampung-kampung, memajukan pertanian secara ladang, mewujudkan industri kecil dan perusahaan kecil bukan pertanian dan mewujudkan perbandaran kawasan luar bandar.
>
> Gerakan Daya Wawasan (GDayaW) yang dilancarkan pada tahun 2003 adalah untuk memastikan kawasan luar bandar mencapai kemajuan berganda dengan secepat mungkin bagi mencapai Wawasan 2020 untuk menjadikan desa maju, menarik dan menguntungkan.GDataW merupakan sintesis strategik dan penambahbaikan daripada dua pendekatan utama pembangunan luar bandar iaitu Halacara Baru Pembangunan Kampung dan Luar Bandar; dan GDW.Terdapat 3 aspek daya yang diberi penekanan iaitu Daya Manusia, Daya Ekonomi dan Daya Pasaran.
>
> Sumber: *https://pmr.penerangan.gov.my/?page_id=1215*

Jelaskan maklumat yang terkandung dalam petikan tersebut dan apakah iktibar yang diperoleh daripada kemajuan yang telah dikecapi.

| | |
|---|---|
| | [8 *markah*] |

**BAB 9** **BAHAGIAN A: STRUKTUR**
**SK 15.1.ASAS PEMBINAAN DASAR LUAR MALAYSIA**

| | | |
|---|---|---|
| **1** | Sejak penubuhan Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB) pada tahun 1945, Malaysia telah memainkan peranan yang sangat aktif demi memastikan matlamat penubuhan persatuan tersebut direalisasikan bersama-sama. [ms198-201] | **PANDUAN JAWAPAN** |
| (*a*) | Nyatakan aspek yang menjadi teras Piagam PBB?<br><br>Aspek tersebut ialah berusaha **menegakkan hak asasi manusia.** Selain itu, **tidak campur tangan dalam hal ehwal negara lain.**<br><br>[2 *markah*] | F1 menegakkan hak asasi manusia<br>F2 menghormati kedaulatan wilayah negara lain<br>F3 tidak campur tangan dalam urusan hal ehwal negara lain<br>F4 mengekalkan keamanan/kestabilan dunia |
| (*b*) | Malaysia memberikan sumbangan besar dalam menjayakan misi pengaman anjuran PBB di negara yang berkonflik.<br>i) Senaraikan **dua** contoh misi pengaman yang disertai oleh Malaysia.<br>**i) <u>Bosnia dan Herzegovina</u>**<br>**ii) <u>Lubnan</u>**<br>[2 *markah*]<br><br>(*ii*) Bagaimanakah Malaysia memberikan sumbangan kepada negara-negara di**1(**b)?<br><br>Di antara sumbangan yang diberikan ialah **memastikan keselamatan penduduk terkawal**. Selain itu, **mengawasi gencatan senjata** semasa berlakunya perang saudara.<br>Di samping itu, berusaha untuk **mendaulatkan undang-undang negara** yang terlibat.<br>[2 *markah*] | (b)(i)<br>F1 Bosnia dan Herzegovina<br>F2 Lubnan<br>F3 Ethiopia<br>F4 Congo<br>F5 Kemboja<br>F6 Timor Leste<br>F7 Namibia<br><br>(b)(ii)<br>F1 memastikan keselamatan penduduk<br>F2 mengawasi gencatan senjata<br>F3- mendaulatkan undang-undang negara |
| (*c*) | Pada pandangan anda, apakah ciri kepimpinan yang harus ditunjukkan oleh pemimpin negara demi memastikan keanggotaan Malaysia di dalam PBB terus disegani?<br><br>Ciri kepimpinan tersebut ialah sentiasa **rasional dalam membuat keputusan**. Hal ini supaya **pertimbangan wajar dilakukan dalam setiap tindakan dan keputusan yang diambil.** Selain itu, **sentiasa menghormati pandangan daripada pemimpin negara yang lain** untuk mengelakkan perselisihan faham. Sebagai contoh, **tidak mencampuri hal- ehwal dalaman sesebuah negara.** Di samping itu**, sentiasa berusaha menegakkan keadilan**. Hal ini dapat **mengelakkan daripada wujudnya amalan pilih kasih terhadap negara-negara lain demi kepentingan individu.**<br>[4 *markah*] | |

| | | |
|---|---|---|
| **2** | Gambar berikut berkaitan pertubuhan Komanwel. [ms 206-207]<br>  <br><br>Sumber: Laman web rasmi Majlis Keselamatan Negara | **PANDUAN JAWAPAN** |
| (*a*) | Apakah yang anda faham berkaitan pertubuhan Komanwel?<br>_____<br>_____<br>_____<br>_____<br>_____<br>_____<br>[2 markah] | F1 dianggotai oleh bekas tanah jajahan/naungan British yang telah merdeka<br>H1Malaysia/Singapura/Brunei/<br>F2 matlamat penubuhan membina semangat setia kawan negara anggota<br>F3 mewujudkan kerjasama dalam pelbagai bidang<br>F4 ditubuhkan pada tahun 1931<br>F5 penyertaan dan sumbangan Malaysia yang aktif<br>F6 memberi manfaat kepada pembangunan negara |
| (*b*) | Maklumat berikut berkaitan penyertaan dan sumbangan Malaysia dalam Komanwel.<br>○ Rancangan Colombo<br>○ Kerjasama Pertahanan<br>○ Kerjasama ekonomi<br>Jelaskan manfaat yang diperolehi oleh Malaysia berdasarkan maklumat di atas.<br>_____<br>_____<br>_____<br>_____<br>_____<br>_____<br>_____<br>_____<br>_____<br>_____<br>_____<br>_____<br>_____<br>[4 markah] | F1 menangani masalah kemiskinan<br>F2 mendapat khidmat nasihat berkaitan pendidikan/pertanian/teknikal<br>F3 latihan untuk kakitangan awam<br>F4 bantuan kepada negara belum membangun<br>F5 perjanjian pertahanan dengan Britain<br>F6 mengukuhkan pertahanan<br>F7 menyediakan kemudahan tentera kepada tentera Britain<br>F8 negara Komanwel sebagai rakan dagang Malaysia<br>F9 komoditi negara dieksport dengan mudah<br>F9 kadar cukai yang dikenakan rendah<br>F10 kemudahan kredit dan bantuan dana<br>F11 penting untuk kemajuan negara |

| | |
|---|---|
| (*c*) | Sukan merupakan elemen penting untuk mencapai matlamat penubuhan Komanwel.<br>Kemukakan pendapat anda.<br>_____<br>_____<br>_____<br>_____<br>_____<br>_____<br>_____<br>_____<br>_____<br>[4 markah] |

| | | |
|---|---|---|
| **3** | Pergerakan Negara-negara Tanpa pihak (NAM) yang ditubuhkan pada tahun 1961 atas inisiatif Presiden Yugoslavia, Josip Broz Tito telah dianggotai oleh 120 buah negara anggota.<br>*Sumber ubah suai:Wikipedia.org* | **PANDUAN JAWAPAN** |
| (*a*) | Apakah kaitan pertubuhan Pergerakan Negara-negara Tanpa Pihak (NAM) dengan negara kita sejak mencapai kemerdekaan?<br>_____<br>_____<br>_____<br>_____<br>_____<br>_____<br>[2 *markah*] | F1 mengamalkan dasar probarat<br>F2 menolak bersikap neutral<br>F3 mengelak terlibat dengan konflik antarabangsa<br>F4 menamatkan dasar tersebut<br>F5 mengamalkan dasar berkecuali/terlibat dengan NAM<br>F6 dapat menjalinkan hubungan lebih terbuka tanpa sekatan |
| (b) | Jelaskan peranan Malaysia sebagai tuan rumah sidang kemuncak dan pengerusi dalam pertubuhan NAM.<br>_____<br>_____<br>_____<br>_____<br>_____<br>_____<br>_____<br>_____<br>_____<br>_____<br>_____<br>_____<br>[4 *markah*] | F1 Tuan rumah Sidang Kemuncak NAM kali ke-13 pada tahun 2003<br>F2- Deklarasi Kuala Lumpur<br>F3 isu Palestin<br>F4 serangan Amerika Syarikat ke atas Iraq<br>F5 pencerobohan kuasa besar terhadap negara kecil<br>F6 Pengerusi NAM dari tahun 2003 hingga 2006<br>F7 semasa Tun Abdullah Ahmad Badawi sebagai Perdana Menteri<br>F8 meningkatkan tahap kemajuan/pembangunan negara anggota NAM |

| | |
|---|---|
| (*c*) | Gambar berikut berkaitan Dasar Aparteid. |

Sumber: Buletinonline.net

Sebagai seorang pemimpin dalam pertubuhan Pergerakan Negara-negara Tanpa Pihak, bagaimanakah anda memastikan dasar tersebut tidak berlaku pada masa kini?

_____
_____
_____
_____
_____
_____
_____
_____
_____

[4 *markah*]

| **4** | Tindakan puak Zionis melancarkan serangan ganas terhadap Masjid al-Aqsa telah mendorong pemimpin Islam di dunia untuk menubuhkan Pertubuhan Kerjasama Islam (OIC) pada 25 September 1969. [ms 214-217] | **PANDUAN JAWAPAN** |
|---|---|---|
| (*a*) | Senaraikan **dua** negara yang menganggotai pertubuhan OIC.<br><br>(i) _____<br>(ii) _____<br>[2 *markah*] | F1 Malaysia<br>F2 Indonesia<br>F3 Iran<br>F4 Palestin<br>F5 Arab Saudi |
| (b) | Jelaskan pelibatan Malaysia di dalam menangani isu politik negara Islam melalui OIC.<br><br>_____<br>_____<br>_____<br>_____<br>_____<br>_____<br>[4 *markah*] | F1 menjadi perantara konflik Iran-Iraq<br>F2 menghantar sepasukan 15 pegawai tentera sebagai tentera pemerhati PBB<br>F3 memberi sokongan kepada perjuangan rakyat Palestin dan Palestine Liberation Organization (PLO)<br>F4 menjadi tuan rumah Persidangan Keserantauan Asia<br>F5 Menyokong hak rakyat Palestin menentukan nasib sendiri<br>F6 Menyokong hak mereka untuk |

| | | |
|---|---|---|
| | | mempunyai negara yang merdeka<br>F7 Menyokong perjuangan Mujahidin Afghanistan terhadap Rejim Kabul<br>F8 Membenarkan Mujahidin Afghanistan membuka pejabat perwakilan di Kuala Lumpur |

(*c*) Baca petikan berikut.

> Jeddah**:** Malaysia sedia bekerjasama bahkan meningkatkan hubungan dengan Afghanistan, negara di bawah pentadbiran Taliban yang disifatkan Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu, awal bulan ini sebagai negara paling menindas dan merampas hak wanita dan kanak-kanak perempuan.
>
> Perdana Menteri Datuk Seri Anwar Ibrahim berkata pendirian Malaysia itu telah disampaikan kepada Pertubuhan Kerjasama Islam (OIC) yang bersedia membantu dari segi perhubungan Malaysia dengan Kerajaan Afghanistan.
>
> Beliau berkata bagaimanapun Malaysia tegas dalam soal pendidikan wanita dan berpendirian bahawa hak golongan itu ke atas pendidikan tidak boleh dinafikan.
>
> "Masalah sekarang ini ialah sikap mereka terhadap pendidikan wanita, sama ada dia nak buat universiti khusus wanita ataupun sekolah khas wanita, itu pilihan mereka, tetapi tidak boleh menafikan hak wanita dalam bidang pendidikan," katanya dalam satu sidang media di sini pada Rabu.
>
> Sumber ubah suai :https://www.Astrowani.com.20 Mac 2023

Jelaskan mesej yang terkandung dalam petikan tersebut.

_____
_____
_____
_____
_____
_____
_____
_____
_____

[4 *markah*]

**BAB 9** **BAHAGIAN B: ESEI**
**SK 15.2: PEMANTAPAN DASAR LUAR MALAYSIA**

| | | |
|---|---|---|
| **5** | Penggubalan dasar luar Malaysia dilaksanakan berpandukan perkembangan ekonomi, sosial dan politik pada peringkat domestik dan antarabangsa. [ms 196-197] | **PANDUAN JAWAPAN** |
| (*a*) | Jelaskan matlamat penggubalan dasar luar Malaysia.<br><br>Matlamat penggubalan dasar luar Malaysia ialah **mempertahankan kepentingan nasional negara**. Selain itu, untuk **melindungi kepentingan negara**. Di samping itu, matlamatnya ialah untuk **mempertahankan kepentingan negara demi memastikan kita bersedia untuk menghadapi perkembangan politik, ekonomi dan sosial yang berlaku di dunia**.<br><br>[4 *markah*] | F1Mempertahankan kepentingan nasional<br>F2 Melindungi kepentingan nasional<br>F3 Mempertahankan/memajukan kepentingan negara<br>F4 Memupuk hubungan baik dengan negara luar<br>F4 Menghadapi perkembangan serta cabaran politik/ekonomi/sosial<br>F5 Mempengaruhi tindakan negara dalam menghadapi suasana perkembangan politik wilayah/serantau/antarabangsa |
| (*b*) | Huraikan faktor penggubalan dasar luar Malaysia.<br><br>Antara faktor penggubalan dasar luar Malaysia ialah **ikatan sejarah** dengan negara lain **khususnya budaya yang melibatkan hubungan dengan negara seperti Singapura dan Thailand.** Selain itu, negara kita juga **menjalinkan keagamaan dengan hubungan dengan Arab Saudi dan Mesir.** Apabila kita mencapai **kemerdekaan, negara kita menganggotai pertubuhan Komanwel.**<br>Faktor seterusnya ialah **keperluan nasional.** Dalam hal ini, **hubungan luar penting untuk menjaga kedaulatan dan kebajikan rakyat.** Oleh itu, pemimpin negara pada masa itu telah **mengamalkan dasar luar yang bebas dan berkecuali.** Bagaimanapun, dengan adanya pemimpin negara yang sentiasa peka dengan perkembangan semasa, kita telah **menjalin hubungan dengan negara sedang membangun.**<br>[8 *markah*] | F1 Ikatan sejarah<br>H1a berdasarkan ikatan sejarah dengan negara lain<br>H1b ikatan sejarah dan budaya<br>C1a Singapura/Indonesia/Brunei/ Filipina/Thailand/Burma<br>H1c ikatan keagamaan<br>C2 Arab Saudi/Mesir/Yaman/Turki<br>H1d Menyertai Komanwel selepas mencapai kemerdekaan<br>F2 Keperluan nasional<br>H2a untuk menjaga kedaulatan<br>H2b kedudukan yang strategik menjadi perkiraan utama<br>H2c menjaga kebajikan rakyat<br>H2d mengamalkan dasar luar yang bebas dan berkecuali<br>H2e untuk kepentingan ekonomi dan keamanan<br>F3 Kepimpinan<br>H3a peka akan perkembangan /perubahan yang berlaku<br>H3b menjalin hubungan dengan negara sedang membangun<br>F4 Persekitaran luar<br>H4a akibat perkembangan politik/ekonomi/sosial antarabangsa yang perlu disesuaikan<br>H4b ditentukan oleh perkembangan yang berlaku<br>C4 era Perang Dingin yang mengamalkan probarat<br>H5c mengubah dasar kepada tidak berpihak pada tahun 1970 an. |

| | |
|---|---|
| (*c*) | Pada pandangan anda, mengapakah ciri kebijaksanaan pemimpin penting dalam menguruskan dasar luar sesebuah negara?<br><br>Ciri kebijaksanaan pemimpin penting dalam menguruskan dasar luar sesebuah negara kerana dapat mengelakkan daripada berlaku sebarang konflik. Hal ini kerana, pemimpin sentiasa mengutamakan pemikiran yang rasional. Sebagai contoh, mengutamakan perbincangan untuk menyelesaikan sesuatu isu atau masalah. Dengan ini, kita dapat mengelakkan daripada berlaku perasaan tidak puas pihak lain.<br><br>Selain itu, pemimpin yang bijaksana adalah pemimpin yang sentiasa peka dengan perubahan semasa. Perubahan yang berlaku akan diambil atau dilihat secara yang positif dan disesuaikan dengan keadaan di negara sendiri. Sebagai contoh, negara kita mempelbagaikan bentuk jalinan kerjasama dengan negara luar untuk tujuan perkongsian khidmat kepakaran dalam bidang sukan selain memfokuskan kepada aspek ekonomi. Kesannya, negara kita akan membangun seiring dengan luar daripada pelbagai aspek.<br><br>Di samping itu sudah tentunya akan mengekalkan kedaulatan negara. Hal ini kerana kebijaksanaan pemimpin dapat mengelakkan daripada mencampuri urusan dalaman negara lain.<br><br>[8 *markah*] |

| | | |
|---|---|---|
| **6** | Malaysia merupakan antara pelopor kepada penubuhan Persatuan Negara-negara Asia Tenggara (ASEAN).<br>*[ms 210-211]* | **PANDUAN JAWAPAN** |
| (*a*) | Jelaskan pelibatan peringkat awal Malaysia dalam penubuhan ASEAN.<br><br>_____<br>_____<br>_____<br>_____<br>_____<br>_____<br>_____<br>_____<br>_____<br>_____<br>[4 *markah*] | F1 ASA ditubuhkan pada tahun 1961<br>F2 gabungan Malaysia/Filipina/Thailand<br>F3 MAPHLINDO ditubuhkan pada tahun 1963<br>F4 Menyelesaikan isu pembentukan Malaysia<br>F5 Gagal mencapai mencapai matlamat<br>F6 ASEAN ditubuhkan pada 8 Ogos 1967<br>F7 Untuk meningkatkan setia kawan dan keserantauan<br>F8 peringkat awal dianggotai oleh Malaysia/Indonesia/Singapura/ Filipina/Thailand<br>F9 kemudian dianggotai oleh Brunei/Myanmar/Laos/Kemboja/ Vietnam |
| (*b*) | Penglibatan Malaysia dalam pertubuhan ASEAN membolehkan negara memberikan manfaat dalam bidang politik, ekonomi dan sosial.<br>Buktikan pernyataan tersebut.<br><br>_____<br>_____<br>_____<br>_____<br>_____<br>_____ | F1 Zon Aman, Bebas dan Berkecuali (ZOPFAN)<br>H1a menjalin hubungan dengan China<br>H1b ASEAN sebagai platform untuk mengisytiharkan perubahan dasar luar pada peringkat global |

| | | |
|---|---|---|
| | _____<br>_____<br>_____<br>_____<br>_____<br>_____<br>_____<br>_____<br>_____<br>_____<br>_____<br>_____<br>_____<br>_____<br>_____<br>_____<br>_____<br>_____<br>_____<br>[8 *markah*] | H1c mendapatkan pengiktirafan Amerika Syarikat/Rusia/China<br>F2 Penyelesaian konflik serantau<br>H2a bimbang akan menjejaskan kestabilan Asia Tenggara<br>H2b konflik di Vietnam dan Kemboja<br>H2c akibat ancaman komunis/pelarian<br>H2d menyeru agar kuasa besar tidak campur tangan<br>H2e Isu di Kemboja diselesaikan dengan pilihan raya<br>H2f Menghantar pasukan pengaman di bawah PBB (Misi UNTAC)<br>F3 Kerjasama ekonomi<br>H3a negara anggota ASEAN sebagai rakan dagang<br>H3b Projek Industri ASEAN (AIP)/pengeluaran baja urea<br>H3c pengeluaran baja fostat dan kuprum<br>H3d penghasilan serbuk soda<br>H3e Skim Keutamaan Perdagangan (SKP) untuk meningkatkan perdagangan<br>H3f pemotongan cukai barangan<br>H3g penggunaan mata wang ASEAN<br>F4 Kerjasama sosial<br>H4a SEAMO<br>H4b pertukaran pelajar/penubuhan RESCAM<br>H4c bidang kebudayaan/festival kebudayaan/Tabung Kebudayaan ASEAN<br>H4d Sukan SEA |

| | |
|---|---|
| (*c*) | Gambar berikut berkaitan dengan isu-isu yang masih berlaku dalam kalangan negara -negara anggota pertubuhan ASEAN.<br> <br>Isu etnik Rohingya<br> <br><br>Krisis politik di Myanmar<br>*Sumber: Al hijrah online*<br><br>Mengapakah isu-isu tersebut perlu ditangani secara bersama-sama oleh kesemua negara anggota pertubuhan ASEAN? Beri penjelasan anda<br><br>[8 *markah*] |

| 7 | Perubahan yang berlaku dalam ekonomi, politik dan sosial pada peringkat antarabangsa telah memberikan kesan kepada dasar luar Malaysia.<br>*[ms 208-209]* | **PANDUAN JAWAPAN** |
|---|---|---|
| (*a*) | Jelaskan cabaran keselamatan dan pembangunan ekonomi yang dihadapi oleh negara sejak tahun 1970-an.<br>[4 *markah*] | F1 AMDA ditamatkan pada tahun 1971<br>F2 Malaysia kemudian menandatangani FDA<br>F3 Melibatkan negara Malaysia/Singapura/Britain/New Zealand/ Australia<br>F4 Malaysia memperoleh bantuan teknikal dan latihan bersama |

| | | |
|---|---|---|
| | | F5 Untuk memperkukuh pertahanan dan keselamatan negara<br>F6 turut bekerjasama dengan negara ASEAN<br>F7 mesyuarat Menteri-Menteri Pertahanan ASEAN<br>F8-turut menandatangani perjanjian dengan Thailand untuk menangani isu keselamatan<br>F8 wujud dominasi negara maju<br>F9 menentukan harga komoditi bijih timah/getah/hasil minyak/gas negara<br>F10 menjadi anggota ITC/ GATT<br>F11 mendesak agar harga barangan dapat dikawal<br>F12 menubuhkan PERTONAS<br>F12 membangunkan sektor minyak |

(*b*) Baca maklumat dalam petikan berikut.

Hala tuju dasar luar negara perlu direncanakan bersesuaian keadaan semasa, terutama era pasca pandemik. Dalam konteks teori disiplin hubungan antarabangsa, neo-realisme iaitu negara kecil seperti Malaysia tidak mempunyai kuasa autonomi penuh dalam menentukan corak dasar luar kerana sentiasa dirantai struktur sistem antarabangsa atau lebih sistem politik antarabangsa. Namun, pembabitan Malaysia memperjuangkan isu negara membangun dan dunia Islam terserlah sehingga kita dikelaskan antara kuasa pertengahan pada abad ini.

Dalam perkataan lain, dasar luar Malaysia bukan semata-mata untuk kelangsungan atau berdikari bagi memelihara keselamatan serta kepentingan nasional, tetapi di bawah kepemimpinan utuh, negara mampu mencorakkan sendiri hala tuju dasar luar bertepatan kehendak dan kepentingan rakyat.

Sebenarnya antara tumpuan utama Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim, iaitu pemulihan ekonomi bukan sahaja memerlukan langkah dan pakej terbaik pada peringkat domestik, bahkan pada peringkat global. Isu ekonomi memerlukan pembabitan aktif dan berdaya saing pada peringkat global. Oleh itu, usaha merapatkan lagi hubungan bilateral dan multilateral perlu dipergiatkan.

Kenyataan Menteri Luar, Datuk Seri Zambry Abdul Kadir bahawa Malaysia tidak akan mengubah asas utama dasar luar dengan meneruskan pendekatan neutral dan berkecuali serta memantapkan kerjasama sedia ada dengan negara lain adalah strategi terbaik menambahkan keyakinan pihak luar, terutama pelabur asing mengenai tahap keamanan dan kesiapsiagaan Malaysia.

Sumber: bhrencana@bh.com.my.27 Disember 2022

Jelaskan maklumat dalam petikan tersebut dan mengapakah negara kita harus mengekalkan dasar luar dengan negara-negara lain?

_____
_____
_____
_____
_____
_____
_____

[8 *markah*]

(*c*) Gambar-gambar berikut berkaitan dengan cabaran dasar luar yang dihadapi oleh semua negara di dunia pada masa kini.

Perang Rusia- Ukraine
*Sumber*: Sinar harian.com

Sebagai pemimpin, cadangkan tindakan yang boleh diambil untuk mengelakkan isu tersebut mempengaruhi perkembangan politik, ekonomi dan sosial di negara kita.

[8 *markah*]

**BAB 10** **BAHAGIAN A: STRUKTUR**
**SK 15.3 KECEMERLANGAN MALAYSIA DI PERSADA DUNIA**

| | | |
|---|---|---|
| **1** | Malaysia tidak terkecuali daripada menghadapi pelbagai perkembangan yang berlaku pada peringkat antarabangsa terutamanya isu berkaitan pemerdagangan orang. [ms 229] | **PANDUAN JAWAPAN** |
| (*a*) | Apakah yang anda faham mengenai pemerdagangan orang?<br><br>Pemerdagangan orang didefinisikan sebagai **perbuatan yang melibatkan pemerolehan atau pengekalan tenaga kerja atau perkhidmatan seseorang** melalui **paksaan** seperti ***merekrut, mengangkut, memindahkan, melindungi, menyediakan atau menerima seseorang***.<br>[2 *markah*] | F1 Perbuatan yang melibatkan pemerolehan atau pengekalan tenaga<br>kerja atau perkhidmatan sesorang<br>H1 melalui paksaan<br>C1 merekrut, mengangkut, memindahkan,melindungi, menyediakanatau menerima seseorang |
| (b) | Mengapa Malaysia tidak terkecuali daripada berhadapan dengan isu ini dan tindakan yang diambil oleh Malaysia bagi menangani isu tersebut?<br><br>Malaysia tidak terkecuali daripada berhadapan dengan isu ini kerana **perkembangan ekonomi dan kemakmuran Malaysia** yang menarik minat kehadiran warga asing. Tamabahan pula, **kedudukan Malaysia yang strategik di Asia Tenggara** turut menjadikannya sebagai lokasi transit bagi pemerdagangan orang ke negara lain. Bagi mengatasi isu ini, Malaysia telah **menguatkuasakan undang-undang iaitu Hak Kanak-Kanak 1989 dan Protokol PBB** serta **menubuhkan Council For Anti-Trafficking in Person and Anti-Sumggling of Migrants (MAPO)** pada 2008<br>[4 *markah*] | **Faktor**<br>F1 Perkembangan ekonomi dan kemakmuran<br>F2 Kedudukan yang strategik di Asia Tenggara<br>**Langkah Mengatasi**<br>F3 Penguatkuasaan undang-undang Hak Kanak-Kanak1989 dan Protokol PBB<br>F4 Menubuhkan Council For Anti-Trafficking in Person and Anti-Smuggling of Migrants (MAPO) 2008<br>F5 Menguatkuasakan Anti-Trafficking in Person and Anti-Smuggling of Migrants Act (ATIPSOM) 2007 |
| (*c*) | Kebijaksaan pemimpin penting bagi menguruskan isu ini. Buktikan.<br><br>Kebijaksanaan pemimpin penting bagi menguruskan isu ini kerana dapat **memastikan hak asasi individu tidak diabai**. Hal ini penting untuk **mengelakkan penindasan dan kekejaman terhadap mangsa**. Contohnya, ***kebanyakan mangsa dibawa secara paksa dan bukan kerelaan***. Secara tidak langsung, **nasib dan hak asasi mangsa dapat dibela**.<br>[4 *markah*] | |

| | | |
|---|---|---|
| **2** | Malaysia mengamalkan ekonomi pasaran bebas selari dengan perkembangan yang berlaku dalam ekonomi antarabangsa. Malah, Malaysia turut lantang menyuarakan ketidakadilan dalam ekonomi dan bertindak tegas bagi memastikan kedudukan ekonomi negara tidak terjejas.<br>[ ms 230 - 232] | **PANDUAN JAWAPAN** |
| (*a*) | Apakah tindakan Malaysia untuk menghadapi kemelut ekonomi antarabangsa?<br>[3 *markah*] | F1 Meluaskan pasaran ekonomi<br>F2 Mengelakkan dominasi negara maju<br>F3 Kerjasama dalam Pembangunan Ekonomi Segi Tiga<br>F4 Menangani kemelesetan ekonomi<br>F5 Mengantarabangsakan sistem kewangan Islam |
| (b) | Apakah manfaat yang diperoleh oleh Malaysia selepas terlibat dalam Kerjasama Pembangunan Ekonomi Segi Tiga?<br>[3 *markah*] | F1 Dapat mengurangkan monopoli pasaran barangan dalam ASEAN daripada negara maju<br>F2 Mengurangkan kebergantungan pada pasaran kewangan antarabangsa<br>F3 Mewujudkan pelbagai badan yang berkaitan (Koperasi ASEAN, bank ASEAN)<br>F4 Mencadangkan menggunakan mata wang ASEAN<br>F5 Membendung campur tangan ekonomi negara maju |
| (*c*) | Berdasarkan jawapan yang anda beri pada 2(b), apakah impak yang bakal Malaysia hadapi sekiranya tidak terlibat dalam kerjasama tersebut?<br>[4 *markah*] | |

| | | |
|---|---|---|
| **3** | Tokoh berikut merupakan salah seorang sukarelawati Malaysia. Pelibatan sukarelawan negara dalam misi kemanusiaan dan keamanan telah menaikkan nama Malaysia di mata dunia. [ms 234 - 237]<br>  <br> | **PANDUAN JAWAPAN** |
| (*a*) | Nyatakan tiga cabaran yang dihadapi oleh tokoh di atas bersama sukarelawan yang lain ketika menjalankan misi kemanusiaan dan keamanan di Palestin.<br>_____<br>_____<br>_____<br>_____<br>_____<br>_____<br>_____<br>_____<br>_____<br>_____<br>[3 *markah*] | F1 2010 – 12 orang sukarelawan di dalam kapal Mavi Marmara di tawan oleh Israel pada bulan Mei<br>F2 2016 – Dr Fauziah Mohd. Hasan dalam program "Women's Boat to Gaza dalam kapal Zaytouna-Olivia ditawan oleh Israel pada bulan Ogos.<br>F3 2018 - Dr. Mohd. Afandi Salleh dalam kapalnya Al-Awda ditawan oleh tentera Israel dan ditahan dalam penjara sebelum dibebaskan. |
| (b) | Apakah asas yang menjadi tunjang perjuangan sukarelawan tersebut bagi memastikan hak dan keadilan rakyat Palestin mendapat pembelaan?<br>_____<br>_____<br>_____<br>_____<br>[3 *markah*] | F1 Kekejaman<br>F2 Pengusiran<br>F3 Pembunuhan penduduk Palestin |
| (*c*) | Bagaimana tindakan sukarelawan dalam misi kemanusiaan dan keamanan ini memberi manfaat kepada negara terjejas?<br>_____<br>_____<br>_____<br>_____<br>_____<br>_____<br>_____<br>_____<br>[4 *markah*] | |

**BAB 10** **BAHAGIAN B: ESEI**
**SK 15.3: PEMANTAPAN DASAR LUAR MALAYSIA**

| | | |
|---|---|---|
| **4** | Malaysia memberikan komitmen yang tinggi dalam usaha pemeliharaan alam sekitar. Hal ini bertujuan untuk mengekalkan serta memelihara keaslian alam sekitar bagi membolehkannya diwarisi oleh generasi akan datang.<br>[ms 238 - 241] | **PANDUAN JAWAPAN** |
| (*a*) | Jelaskan bukti Malaysia telah mengambil pelbagai inisiatif bagi mewujudkan kelestarian alam sekitar di Malaysia?<br><br>Pelbagai inisiatif telah diambil oleh negara kita Malaysia bagi mewujudkan kelestarian alam sekitar di Malaysia antaranya dengan **mengisytiharkan Deklarasi Langkawi**. Deklarasi ini adalah bertujuan untuk ***menangani masalah kesan rumah hijau, kerosakan dan penipisan ozon akibat aktiviti manusia yang tidak terkawal***.<br>Selain itu, **Anugerah Langkawi 1991** juga turut diperkenalkan. Anugerah ini ***diberi kepada individu warganegara Malaysia yang menunjukkan komitmen dan sumbangan besar dalam bidang alam sekitar***.<br>Selain itu, Malaysia juga turut **melaksanakan Dasar Alam Sekitar Negara** pada 2002. Dasar ini telah ***menjadi asas dalam pembangunan negara.***<br>[ 6 markah] | F1 Mengisytiharkan Deklarasi Langkawi<br>H1 Menangani masalah kesan rumah hijau, kerosakan dan penipisan ozon akibat aktiviti manusia yang tidak terkawal<br>F2 Anugerah Langkawi 1991<br>H2 Diberi kepada warganegara yang menunjukkan komitmen dan sumbangan besar dalam bidang alam sekitar<br>F3 Melaksanakan Dasar Alam Sekitar Negara<br>H3 Menjadi asas dalam pembangunan negara<br>F4 Pengisytiharkan Langkwai sebagai geopark 2006<br>F5 Melancarkan Dasar teknologi Hijau 2009<br>H5 menggalakkan penggunaan produk teknologi hijau<br>H5b mengawal perubahan iklim |
| (*b*) | *"Antartika sebagai bumi yang tidak dihuni adalah milik masyarakat antarabangsa. Negara-negara yang dewasa ini mentadbirkannya hendaklah melepaskannya untuk diserahka sama ada kepada PBB bagi ditadbirkan atau penghuni-penghuni sekarang bertindak sebagai pemegang amanah kepada semua bangsa di dunia."*<br><br>(Dr. Mahathir Mohammad, ucapan di PBB dipertik daripada Faridah Jaafar, "Keperibadian Politik Tun Hussien dan Dasar Luar Malaysia, 1967 – 1981" dalam Sejarah, No. 11, 2013 hlm.136)<br><br>Berdasarkan ucapan di atas, apakah faedah yang diperoleh Malaysia dalam melakukan penyelidikan Antartika?<br><br>Berdasarkan ucapan di atas, antara faedah yang diperoleh oleh Malaysia dalam melakukan penyelidikan Antartika ialah Malaysia mengambil inisiatif membentuk pasukan penyelidik dalam pelbagai bidang ke Antartika. Antara anak tempatan yang terlibat termasuklah Dr. Haji Omar Abdul Rahman. Mereka melawat Antartika pada tahun 1985.<br>Selain itu, Malaysia juga telah mewujudkan Pusat penyelidikan Antartika Kebangsaan yang bertempat di Universiti Malaya. Pusat ini diterajui oleh Dr. Azizan Abu Samah. Yayasan | F1 Membentuk pasukan penyelidik pelbagai bidang<br>H1a Anak tempatan yang terlibat termasuklah Dr. Haji Omar Abdul Rahman<br>H1b Mereka melawat Antartika pada tahun 1985<br><br>F2 Mewujudkan Pusat Penyelidikan Antartika Kebangsaan di Universiti Malaya<br>H2a Diterajui oleh Dr. Azizan Abu Samah<br><br>F3 Pelibatan Yayasan Penyelidikan Antartika Sultan Mizan (YPASM) |

| | | |
|---|---|---|
| | Penyelidikan Antartika Sultan Mizan (YPASM) juhga turut terlibat dalam melakukan penyelidikan saintifik di Antartika.<br><br>[6 markah] | H3 Turut terlibat dalam penyelidikan saintifik di Antartika |

(c) Teliti maklumat berikut.

**Kelestarian Alam Sekitar Agenda Penting Tangani Perubahan Iklim**

Khamis lalu, Mesyuarat Jawatankuasa Pengurusan Bencana Pusat (JPBP) dipengerusikan Perdana Menteri, menerima 17 cadangan dikemukakan Kementerian Alam Sekitar dan Air (KASA) termasuk pembinaan Terowong Jalan Raya dan Pengurusan Air Banjir (SMART), pemindahan kawasan kampung atau penempatan di tepi sungai berisiko banjir ke kawasan lebih tinggi dan pembangunan kawasan penempatan berdaya tahan seperti Sponge City di China.

Pada masa sama, faktor pembalakan haram juga perlu diambil kira kerana beberapa kawasan dan negeri ditimpa musibah banjir disebabkan aktiviti berkenaan yang memberi impak buruk kepada alam sekitar.

Apatah lagi statistik Global Forest Watch menunjukkan Malaysia memiliki 20.3 megahektar hutan semula jadi pada 2010 malangnya jumlah itu semakin menyusut kerana negara kehilangan 193,000 hektar hutan semula jadi dalam tempoh hingga 2019.

Keadaan ini menunjukkan isu kelestarian alam tidak boleh dipandang enteng, sebaliknya perlu menjadi fokus utama Matlamat Pembangunan Lestari (SDG) yang perlu dicapai negara selari Agenda 2030 bagi Pembangunan Mampan (Agenda 2030).

Jelaskan maklumat yang terkandung dalam petikan dan langkah bagi mengatasi masalah banjir di negara kita.

Antara maklumat yang terkandung dalam petikan ialah Jawatankuasa Pengurusan Bencana Pusat (JPBP) menerima 17 cadangan yang dikemukakan oleh KementerianAlam Sekitar dan Air (KASA). Salah satu cadangannya adalah termasuk pembinaan Terowong Jalan Raya dan Pengurusan Air Banjir (SMART). Selain itu cadangan pemindahan kawasan kampung atau penempatan di tepi sungai berisiko banjir ke kawasan yang lebih tinggi serta pembangunan kawasan penempatan berdaya tahan seperti Sponge City di China.

Masalah banjir di negara kita dapat diatasi sekiranya kita mengurangkan aktiviti pembalakan haram. Hal ini dapat mengekalkan hutan sebagai kawasan tadahan hujan. Contohnya, hutan-hutan yang ditebang berisiko menyebabkan banjir kilat yang boleh mengancam penduduk. Jelas di sini bahawa langkah ini dapat mengelakkan kawasan bandar khususnya terdedah dengan banjir besar.

[ 8 markah]

| | | |
|---|---|---|
| **5** | *Isu Jerebu*<br>*Isu Pertahanan dan Keselamatan*<br><br>Isu di atas merupakan isu sejagat yang melibatkan negara-negara di rantau Asia Tenggara yang perlu diatasi bagi memastikan generasi akan datang menikmati kehidupan yang lebih.<br><br>[ms 242 - 244] | **PANDUAN JAWAPAN** |
| (*a*) | Terangkan tindakan Malaysia bagi menangani isu tersebut;<br><br>i) Isu Jerebu<br><br>_____<br>_____<br>_____<br>_____<br>_____<br>_____<br>_____<br>_____<br>[4 *markah*]<br><br>ii) Isu Pertahanan dan Keselamatan<br><br>_____<br>_____<br>_____<br>_____<br>_____<br>_____<br>_____<br>_____<br>[4 *markah*] | ***Isu Jerebu***<br>H1a Melalui Perjanjian ASEAN berkaitan dengan Pencemaran Jerebu Merentas Sempadan<br>H1b Mengambil langkah dari aspek undang-undang dan pentadbiran<br>H1c Memastikan krisis jerebu tidak berlaku lagi<br>H1d Menekankan prinsip "ASEAN Tanpa Jerebu 2020"<br>H1e Malaysia dan Singapura bekerjasama untuk melaksnaakan penyelidikan dan pembangunan dalam bidang pencegahan kebakaran tanah gambut<br><br>***Isu Pertahanan dan Keselamatan***<br>H2a Menandatangani Southest Asian Nuclear-Weapon-Free-Zon (SEANWFZ) pada tahun 1995<br>H2b Menenkankan agar negara yang terlibat tidak mengembangkan, mengeluarkan, memperoleh, memiliki atau mengawal senjata nuklear<br>H2c Tidak berdiam diri dan membiarkan perairan Selat Melaka dan Laut China Selatan digunakan oleh kapal perang asing membawa senjata nuklear<br>H2d Tidak membenarkan kapal membawa senjata nuklear berlabuh atau mengadakan latihan di perairan negara |

| | | |
|---|---|---|
| | | H2e Hal ini membawa konflik yang buruk kepada rantau Asia Tenggara |
| (b) | Komuniti ASEAN ditubuhkan pada tahun 2015 melalui Deklarasi Kuala Lumpur sewaktu Sidang Kemuncak ASEAN ke-27 yang memberi pelbagai manfaat kepada negara-negara ASEAN. Buktikan.<br>_____<br>_____<br>_____<br>_____<br>_____<br>_____<br>_____<br>_____<br>_____<br>_____<br>[4 *markah*] | F1 Memberi fokus kepada ekonomi, sosiobudaya dan keselamatan<br>F2 Meningkatkan tahap ekonomi negara ASEAN<br>F3 Keselamatan rantau ASEAN terjamin<br>F4 Konflik dapat diselesaikan secara damai<br>F5 Integrasi antara anggota ASEAN dipertingkat |
| (*c*) | Teliti poster di bawah.<br> <br><br>Sumber: *https://www.scribd.com/doc/151891232/POSTER-JEREBU-BAHASA-MELAYU* | |

| | |
|---|---|
| | Berdasarkan poster di atas, jelaskan maklumat yang terdapat pada poster dan terangkan punca yang menyebabkan berlakunya jerebu.<br><br>[8 *markah*] |